10 Asas Penyucian Hati

Sebahagian daripada kitab
40 Asas Dalam Agama

Karya al-Imam Hujjatul Islam
Abu Hamid al-Ghazali (wafat 505 Hijrah)

Terjemahan dan Suntingan:

Ustaz Mohd Juzaili Juhan
Ustaz Azhar Yahya

الأربعين

في أصول الدين

الإمام حجة الإسلام أبو حامد الغزالي

بسم الله الرحمن الرحيم

Isi Kandungan

Kata-Kata Aluan

Segala puji dan syukur dilimpahkan ke hadrat Allah ﷾ yang sentiasa melimpahkan taufik dan hidayah-Nya sehingga kita dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Selawat dan salam sentiasa dipanjangkan kepada Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga, para sahabat, tabi'in serta generasi seterusnya yang mengikuti jejak langkah Baginda ﷺ sehingga ke akhir zaman.

Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai Allah ﷾, ia merangkumi tiga aspek penting iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak. Tiga aspek ini saling memerlukan antara satu sama lain bagi menjadikan kehidupan seseorang insan mukmin itu sempurna dalam mengejar kebaikan di dunia mahupun akhirat.

Ibadah merupakan bukti zahir seorang muslim yang sejati, asas yang penting ini mestilah diambil dari sumber yang penuh autoriti serta dilaksana dengan penuh ketepatan, kerana jika asasnya goyah maka apa yang berdiri di atasnya juga pasti akan goyah.

Memperbahaskan persoalan ibadah bukan sahaja melibatkan perkara sah, batal, syarat serta rukun, bahkan perlu memperhalusinya lagi dengan rahsia dan falsafah disebalik ibadah tersebut. Buku ini telah memaparkan dengan baik rahsia serta falsafah di sebalik ibadah.

Gabungan antara ketepatan ibadah zahir kemudian dirangkumi dengan ketulusan serta rahsia dalaman ibadah tersebut menghasilkan kesempurnaan ibadah.

Atas dasar itulah Jabatan Mufti Negeri Selangor menerbitkan buku kecil yang bertajuk 10 ASAS PENYUCIAN HATI karangan Imam al-Ghazali ﵁, 10 asas ini merupakan bahagian ketiga daripada 40 asas yang disebut di dalam kitab asal Imam al-Ghazali ﵁.

Akhir kata, semoga buku ini akan memberikan sebanyak mungkin manfaat, dijadikan panduan oleh guru-guru takmir di Selangor khususnya dalam memberikan penerangan kepada masyarakat awam tentang penyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah, seterusnya semoga ia menjadi rujukan kepada masyarakat Islam dalam mengenali dan mengubati penyakit-penyakit hati yang membarah di dalam masyarakat berdasarkan panduan daripada tokoh ulama' tasawwuf iaitu Hujjatul Islam Imam al-Ghazali Rahimahullah.

Wallahu Ta'ala A'lam

Sekian, Wassalam.

DATO SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
SSIS.,DPMS.,PPT.
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Prakata

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Selawat dan salam kepada Junjungan Besar al-Amin Muhammad ibn Abdullah.

Rakaman hebat yang telah diwariskan oleh Hujjatul Islam Imam al-Ghazali ini adalah satu tulisan yang nampak kecil tetapi ia merupakan satu gugusan matan yang merupakan rangkuman falsafah dan penyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah. Kalimat-kalimat hebat yang telah disusun dengan pena hikmah yang berlatarkan kehambaan yang amat tinggi daripada seorang Murshid sepanjang zaman.

10 asas penyucian hati ini telah dipetik daripada 40 asas agama yang terdapat dalam karya asal telah dirakamkan di dalam buku ini. Sebelum penghasilan buku ini, telah dihasilkan buku fasa pertama iaitu 10 ASAS ‘AQIDAH yang memfokuskan perbahasan berkaitan asas ‘aqidah, fasa kedua iaitu 10 ASAS IBADAH yang memfokuskan perbahasan mengenai ibadah.

Buku ini memaparkan 10 sifat mazmumah yang wajib diketahui oleh orang yang beriman dalam mendekatkan

diri kepada Allah, cara-cara mengubatinya serta faedah-faedah daripada penyucian hati.

Imam al-Ghazali telah berjaya memaparkan kunci-kunci dan langkah-langkah praktikal bagi membuka pintu-pintu kebahagiaan melalui penyucian akhlak daripada sifat-sifat tercela bagi menghidupkan rohani yang sejati. Ini akan menghasilkan pengabdian yang total dan sempurna zahir dan batinnya.

Sehubungan itu, kami dengan penuh kerdil menggalas usaha dalam menterjemah karya agung ini untuk dihidangkan kepada sidang pembaca sekalian. Antara metodologi yang digunakan oleh penterjemah adalah seperti berikut:

1. Rujukan utama dalam terjemahan buku ini ke dalam bahasa Melayu adalah menggunakan naskah *al-Arba'in fi Usul al-Din,* karangan Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali terbitan Dar al-Qalam, cetakan pertama tahun 2003 yang ditahqiq oleh 'Abdullah Abdul Hamid 'Arwani dan al-Syeikh Muhammad Bashir al-Shaqafah.
2. Setiap ayat al-Quran yang sebut oleh penterjemah kami menyatakannya dalam tulisan bahasa Arab serta mendatangkan penterjemahan dalam Bahasa Melayu. Kami menjadikan terjemahan Syeikh Abdullah Basmeih sebagai rujukan dan panduan. Kami akan menyebut rujukan surah dan ayat sama ada sebelum paparan ayat atau setelah paparan pengertian ayat.

3. Kebanyakan hadis-hadis nabi ﷺ yang dinyatakan oleh pengarang kami paparkan sebagaimana dalam teks asal naskhah yang telah ditahqiq dan turut menyatakan pengertian hadis tersebut. Kadangkala terdapat beberapa hadis yang bersifat penceritaan, kami tidak memuatkan teks bahasa Arab namun kami terus kepada terjemahan.
4. Kebanyakan petikan kata-kata salafus soleh kami terus menterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu tanpa memaparkan teks asal dalam bahasa Arab agar buku ini tidak terlalu tebal untuk dibaca.
5. Terjemahan yang dibuat pada teks asal buku ini adalah merupakan terjemahan dan sedikit huraian secara kefahaman terhadap maksud dan kehendak pengarang dan bukannya terjemahan secara harfiah. Kami berusaha untuk meraikan struktur ayat dalam bahasa Arab dengan kefahaman ayat dalam Bahasa Melayu.
6. Terdapat beberapa huraian makna terhadap istilah-istilah yang disebut oleh pengarang kami nyatakan pada bahagian nota kaki.
7. Takhrij hadis yang dinyatakan pada nota kaki adalah terjemahan dan huraian kepada takhrij yang telah dibuat oleh pentahqiq.
8. Kami membuat pembahagian bab dalam proses menyiapkan terjemahan buku ini iaitu bermula Asas 1 hingga 5 diterjemahkan oleh al-faqir Mohd Juzaili Juhan manakala bermula Asas 6 hingga Penutup diterjemahkan oleh al-faqir Azhar Yahya.

Sehubungan itu, kami bukanlah yang terbaik dan selayaknya untuk menghidangkan santapan rohani yang sangat hebat yang dihasilkan oleh tokoh yang sangat hebat ini, namun kami cuba sedaya mungkin dalam memberi khidmat kepada tokoh ilmuan dalam sejarah Umat Islam atas amanah yang diberikan oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor kepada kami. Justeru, kepada para 'alim ulama' yang menatap dan menyelak lembaran terjemahan ini, seandainya terdapat kesalahan dan kesilapan, harap dapat diperbaiki dan diperbetulkan.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada seluruh ahli Panel Bengkel Semakan Kitab daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor yang telah menyemak dan memberi teguran serta tunjuk ajar dalam beberapa siri pertemuan bagi pemurnian penerbitan buku ini. Mohon maaf atas segala kekurangan, mudah-mudahan usaha kerdil ini memberi manfaat dan mendapat keberkatan dan rahmat Allah ﷻ.

Ustaz Mohd Juzaili Bin Juhan
Penolong Pengurus
Khidmat Komuniti, Bahagian Syariah
Bank Islam Malaysia Berhad

Ustaz Azhar Bin Yahya
Pensyarah,
Jabatan Muamalat dan Kewangan
Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad

Pengenalan Kitab

Islam merupakan agama yang diredhai di sisi Allah ﷻ yang merangkumi tiga aspek utama iaitu Aqidah, Syari'ah dan Akhlaq. Pemahaman, penghayatan dan pengamalan Islam sebagai *al-Din* telah pun sempurna sejak tiga kurun terawal Islam walaupun terdapat perbezaan darjat keilmuan di kalangan sahabat, *tabi'in*[1] dan *tabi' tabi'in*.[2] Sebahagian di kalangan mereka mempunyai kepakaran khusus serta kecenderungan dalam keilmuan dan penulisan.

Justeru, terdapat penulisan dalam bidang akidah, fiqh dan asas fiqh, hadis dan ilmu hadis serta karya-karya dalam bidang akhlak yang membincangkan tentang proses pembersihan jiwa dari pada sifat-sifat yang tercela di samping proses menghiasi jiwa dengan sifat-sifat yang terpuji.

---

[1] Jamak bagi *tabi'*, mereka ialah orang yang bertemu dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah ﷺ dalam keadaan beriman dan kekal imannya sehingga mati. Barkati, Muhammad 'Umaym al-Ihsan al-Mujaddidi al-Mufti, al (2003), *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* c.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 50.

[2] Mereka yang bertemu dengan golongan tabi'in dalam keadaan beriman dan kekal imannya sehingga mati. Barkati al- (2003), *Ibid.*, h. 51.

Antara karya terbaik dalam bidang akhlak yang dihasilkan oleh ulama' pada penghujung kurun yang ke-5 hijrah ialah kitab *Ihya' Ulumuddin* yang dikarang oleh al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali. Disebabkan kitab tersebut sangat besar dari segi saiznya dan kadangkala menimbulkan kesukaran kepada sebahagian penuntut ilmu amnya untuk mendapatkannya menyebabkan al-Imam al-Ghazali menulis pula kitab *al-'Arba'in fi Usul al-Din* (40 Asas Dalam Agama) sebagai rumusan dan intipati kepada kitab Ihya' Ulumuddin.

Kitab 40 Asas Dalam Agama ini, walaupun dari segi saiznya lebih kecil namun terhimpun di dalamnya 40 asas dalam aspek aqidah, rahsia ibadat, akhlak tercela[3] yang wajib dibersihkan serta akhlak terpuji yang wajib dilaksanakan bagi mendapat kejayaan di akhirat serta keredhaan Allah ﷻ.

[3] Penulisan ini menumpukan kepada 10 Asas Penyucian Hati daripada 40 Asas Agama.

Biografi Imam al-Ghazali[4]

Nama dan keturunannya:

Beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Tusi dilahirkan di al-Tus yang terletak di Khurasan[5] pada tahun 450 Hijrah. Ayah beliau bekerja sebagai tukang pintal benang untuk dibuat kain dan menjualkannya di kedainya di al-Tus. Ayah beliau telah mewasiatkan kepada al-Ghazali dan abangnya Ahmad untuk terus menuntut ilmu daripada kawannya.

---

[4] Lihat Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al- (2003), *al-Arba'in fi Usul al-Din,* tahqiq Abdullah Abdul Hamid al-'Urwani dan Dr. Muhammad Bashir al-Shaqafah, c.1, Dimashq: Dar al-Qalam, h. 8-12.

[5] Khurasan ialah satu wilayah yang kini meliputi kawasan Afghanistan, Turkmenistan, Tajikistan, Uzbekistan serta sebahagian kecil Iran dan Khirgiztan. al-Tus pula kini terletak di utara Iran yang bersempadan dengan Uzbekistan. Bumi Khurasan ini telah pernah melahirkan ulama-ulama besar seperti Imam al-Bukhari, Abu Laits al-Samarqandi, Imam Muslim, Imam Nasa'i, Imam Tirmidzi, Imam Nakha'i, Ibnu Sina, al-Farabi, al-Biruni, Ibnu Rusyd, Umar Khayyam, Sheikh Farid al-Din Attar, Syeikh Bahaudin al-Naqsyabandi, al-Khazini dan ramai lagi. Hamawi, Yaqut bin Abdullah al- (t,t.), *Mu'jam al-Buldan,* tahqiq Farid Abdul Aziz al-Jundi, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.2, h.401-405.

Pendidikannya :

Imam al-Ghazali telah mempelajari ilmu fiqh sejak dari kecil di al-Tus daripada gurunya Imam Ahmad al-Razikani, kemudian bermusafir ke Jurjan untuk mengambil ilmu daripada Imam Abu Nasr al-Isma'ili kemudian kembali semula ke al-Tus.

Kemudian beliau telah pergi ke Naisabur untuk berguru dengan Imam al-Haramayn Abu Ma'ali al-Juwaini (wafat 478 H) sehingga menguasai ilmu fiqh mazhab Syafi'i berserta perselisihan pandangan fuqaha', ilmu-ilmu asas agama, usul al-fiqh, mantiq serta falsafah dan memahaminya dengan baik kemudian menyanggah segala kebatilan ahli falsafah.

Beliau mengarang banyak kitab dalam setiap cabang ilmu dan karya-karya yang dihasilkannya sangat baik. Beliau seorang yang sangat cerdik, mempunyai pandangan yang mendalam, kuat hafazannya dan menyelami makna-makna secara terperinci sebagaimana diakui oleh gurunya Imam al-Juwaini.

Imam al-Ghazali kekal berada di Naisabur sehinggalah gurunya Imam al-Haramayn al-Juwaini wafat pada tahun 478 Hijrah. Kemudian setelah itu beliau telah berpindah belajar di Mukhayyam al-

Sultani yang diasaskan oleh Nizam al-Muluk[6] sehingga tahun 484 Hijrah. Kemudian setelah itu beliau dilantik untuk mengajar sehingga di amanahkan sebagai rektor di Madrasah al-Nizamiyyah di Baghdad.

Pada tahun 488 Hijrah, beliau meninggalkan Baghdad untuk mengerjakan haji dan kemudian menuju ke Syam dan menetap di sana selama 10 tahun. Kebanyakan masanya dihabiskan untuk beruzlah (mengasingkan diri), mujahadah nafs (melawan hawa nafsu), menyucikan hati dengan berzikir. Kemudian setelah itu beliau pulang ke al-Tus untuk menyambung uzlahnya di sana selama setahun.

Setelah mendapat desakan daripada pemimpin dan orang ramai agar beliau kembali mengajar, beliau telah pergi ke Naisabur untuk mengajar di Madrasah Nizamiyyah pada bulan Zul Qa'dah tahun 499 Hijrah. Namun beliau tidak lama berada di Naisabur untuk

---

[6] Nama sebenar beliau adalah al-Hasan bin Ali al-Tufiy (408-485H), seorang Menteri yang berilmu, tinggi budi pekertinya. Seawal dilantik oleh Amir Syakib Arsalan sebagai Menteri beliau telah menonjolkan kecemerlangan pentadbirannya selama sepuluh tahun sehinggalah kematiannya dan digantikan oleh anakandanya. Kematiannya ditangisi masyarakat yang pernah di bawah pentadbirannya.

mengajar di sana. Beliau telah kembali ke rumahnya di al-Tus dan mengajar ilmu di sana.

Beliau banyak menghabiskan masanya dengan mengkhatamkan al-Quran, berdampingan dengan ulama' tasawwuf, mengajar ilmu, sentiasa melaksanakan solat dan puasa sunat. Antara perkara terakhir yang sering dilakukan ketika hayatnya ialah membaca hadis-hadis Nabi dan melazimi ulama' hadis serta meneliti kitab sahih al-Bukhari dan Muslim.

Imam al-Ghazali telah wafat pada hari Isnin, 14 Jumadal Akhirah tahun 505 Hijrah. Semoga rohnya dirahmati Allah.

Karya penulisannya :

Imam al-Zabidi (wafat 1205H) telah menghitung karya-karya yang dihasilkan oleh Imam al-Ghazali iaitu lebih daripada 70 kitab. Dan sebanyak 23 daripada kitab tersebut telah dicetak.

Antara karya penulisan beliau yang terkenal ialah:

- *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*
- *Al-Munqiz Min al-Dhalal*
- *Bidayah al-Hidayah*

- *Minhaj al-'Abidin*
- *Maqsad al-Asna*
- *Misykah al-Anwar*
- *Ihya' 'Ulumuddin.*

Pujian dan sanjungan ulama' terhadapnya :

Kebanyakan para ulama' meletakkan Imam al-Ghazali sebagai *mujaddid*[7] kurun kelima hijrah. Imam Murtadha al-Zabidi menyebutnya di dalam kitabnya *"Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarh Ihya 'Ulum al-Din"* pada juzuk pertama, halaman 35.

Selain itu, Syeikh Abu al-Hasan 'Ali al-Nadawi ada menyebut di dalam karyanya *"Rijal al-Fikr wa al-Dakwah fi al-Islam"*:

---

[7]*Mujaddid* ialah pembaru, adalah seseorang yang dihantar oleh Allah di awal setiap kurun Hijrah. Fungsi mujaddid ini ialah untuk memulihkan kembali Islam, menghilangkan unsur-unsur yang telah ditokok tambah dan mengembalikannya kepada keadaan asli. Ini disebut dalam hadis: *"Allah akan mengutus kepada umat ini di setiap awal kurun seorang yang akan memperbaharui (atau memulihkan) urusan agama"* (Sunan Abu Daud, Kitab *al-Malahim*). Barkati, al- (2003), *op.cit.,* h.195.

“Tidak syak lagi bahawa Imam al-Ghazali antara tonggak dan teras bagi Islam, beliau juga merupakan tokoh pemimpin pemikiran dan tokoh islah dan tajdid yang mempunyai kelebihan yang besar dalam membangkitkan ruh agama, menggerakkan pemikiran berteraskan Islam, berdakwah kepada hakikat Islam dan akhlaknya serta menentang sebarang serangan pemikiran…”

Muqaddimah Imam al-Ghazali

Dengan Nama Allah
Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah, yang mentadbir sekalian alam dan selawat serta salam buat Nabi Muhammad ﷺ serta seluruh ahli keluarganya.

(Amma ba'd,)

Boleh jadi kamu para pembaca akan mengatakan (memberi pandangan) bahawa penulisan yang saya bawakan di dalam kitab ini merangkumi perbahasan yang pelbagai dari segi ilmu–ilmu dan amalan-amalan, justeru perkara ini akan menimbulkan beberapa persoalan iaitu:

- Adakah boleh hanya dengan membezakan maksudnya dan huraian terhadap jumlah ayat-ayat tersebut secara terperinci dan mendalam dapat menjadikan seseorang itu berfikir terhadap setiap sesuatu daripada ayat-ayat tersebut seterusnya menjadikannya mengetahui secara terperinci pintu-pintu kebahagiaan dalam ilmu dan amal?
- Adakah boleh seseorang itu mendapat dengan mudah kunci-kunci kebahagiaan dengan cara mujahadah dan berfikir?

Maka, saya menjawab (persoalan tersebut); Ya, perkara tersebut adalah mungkin. Hal ini kerana penulisan kitab ini terbahagi kepada sejumlah tujuan ilmu-ilmu dan amalan-amalan. Amalan pula terbahagi kepada amalan zahir dan batin manakala amalan batin pula terbahagi kepada amalan penyucian (*tazkiyyah*) serta amalan menghiaskan jiwa.

Oleh itu, kitab ini mengandungi empat bahagian iaitu: pertama: ilmu-ilmu, keduanya amalan-amalan zahir dan ketiga: akhlak tercela yang wajib bagi seseorang itu membersihkan daripadanya dan keempatnya akhlak terpuji yang wajib bagi seseorang itu menghiasi dengannya.

Setiap bahagian merujuk kepada sepuluh asas dan nama bagi pembahagian ini ialah : *"Kitab al-Arba'in fi Usuliddin*" (Kitab 40 Asas dalam Agama). Barangsiapa yang mahu menulis bahagian-bahagian tersebut secara berasingan, maka bolehlah berbuat demikian kerana sesungguhnya kitab ini merangkumi intipati ilmu-ilmu al-Quran.[8]

---

[8] Buku kecil ini hanya memfokuskan kepada 10 Asas-Asas Penyucian Hati sahaja daripada 40 Asas-asas Dalam Agama. Perbahasan mengenai 10 asas Aqidah dan 10 Asas Ibadah pembaca boleh merujuk kepada buku yang telah diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Manakala 10 Asas Akhlak Terpuji akan diterbitkan selepas daripada penerbitan buku ini.

BAHAGIAN PERTAMA:
Perbahasan yang menyatakan sejumlah ilmu-ilmu dan asas-asas dalam Aqidah

- Asas 1 : Zat Allah (*al-Zat*)
- Asas 2: Allah Maha Suci (*al-Taqdis*)
- Asas 3 : Allah Maha Berkuasa (*al-Qudrah*)
- Asas 4 : Allah Maha Mengetahui (*al-'Ilm*)
- Asas 5 : Allah Maha Berkehendak (*al-Iradah*)
- Asas 6 : Allah Maha Mendengar dan Melihat (*al-Sami' al-Basir*)
- Asas 7 : Allah Maha Berkata-Kata (*al-Kalam*)
- Asas 8 : Perbuatan Allah dan perlakuan makhluk (*al-Af'al*)
- Asas 9 : Hari Akhirat (*al-Yaum al-Akhir*)
- Asas 10 : Kenabian (*al-Nubuwwah*)

*Semua 10 Asas 'Aqidah ini telah dipaparkan di dalam buku yang pertama. Namun paparan ini sebagai satu kesinambungan dengan Bahagian Ketiga iaitu 10 Asas Penyucian Hati.

BAHAGIAN KEDUA:

Asas-asas agama pada amalan-amalan zahir

- Asas 1 : Solat (al-Solah)
- Asas 2 : Zakat dan sedekah (al-Zakah wa al-Sadaqah)
- Asas 3 : Puasa (al-Siyam)
- Asas 4 : Haji (al-Haj)
- Asas 5 : Bacaan al-Quran (Qira’ah al-Quran)
- Asas 6 : Berzikir kepada Allah (Zikrullah)
- Asas 7 : Mencari yang halal (Tolab al-Halal)
- Asas 8 : Melaksanakan hak-hak orang Islam (al-Qiyam bi huquq al-Muslimin)
- Asas 9 : Menyeru kepada perkara yang ma’ruf (al-Amru bi al-Ma’ruf)
- Asas 10 : Mengikut akan Sunnah Nabi ﷺ (Ittiba’ al-Sunnah)

*Semua 10 Asas Ibadah ini telah dipaparkan di dalam buku yang kedua. Namun paparan ini sebagai satu kesinambungan dengan Bahagian Ketiga iaitu 10 Asas Penyucian Hati.

BAHAGIAN KETIGA:

Asas-asas dalam penyucian hati daripada Akhlak Mazmumah

- Asas 1: Makan Berlebih-lebihan (Syarah al-To'am)
- Asas 2: Bercakap berlebihan (Syarah al-Kalam)
- Asas 3: Marah (al-Ghadhab)
- Asas 4: Hasad (al-Hasad)
- Asas 5: Bakhil dan Mencintai Harta (al-Bukhl wa Hubb al-Mal)
- Asas 6: Cinta Kedudukan dan Kemegahan (al-Ru'unah wa Hubb al-Jah)
- Asas 7: Cintakan Dunia (Hubb al-Dunya)
- Asas 8: Sombong (al-Kibr)
- Asas 9: Perihal 'Ujub (al-'Ujub)
- Asas 10: Riya' (al-Riya')

*Semua perbahasan 10 Sifat Tercela ini akan dipaparkan dalam penerbitan buku ini.

BAHAGIAN KEEMPAT:

Asas-asas dalam menghiasi hati dengan Akhlak Mahmudah

- Asas 1: Bertaubat (al-Taubah)
- Asas 2: Takut (al-Khauf)
- Asas 3: Zuhud (al-Zuhd)
- Asas 4: Sabar (al-Sabr)
- Asas 5: Syukur (al-Syukr)
- Asas 6: Ikhlas dan benar (al-Ikhlas wa al-Sidq)
- Asas 7: Tawakkal (al-Tawakkal)
- Asas 8: Berkasih sayang (al-Mahabbah)
- Asas 9: Redha dengan Ketentuan Allah (al-Ridha bi al-Qadha')
- Asas 10: Mengingati mati dan hakikatnya (Zikr al-Maut wa Haqiqatihi)

*Perbahasan ini akan dipaparkan dalam buku terbitan keempat akan datang, Insya Allah.

BAHAGIAN KETIGA:

10 ASAS PENYUCIAN HATI

BAHAGIAN KETIGA:

Asas-asas dalam penyucian hati daripada Akhlak Mazmumah[9]

Firman Allah ﷻ:

Ertinya: “Sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh).”

Surah al-A’la: 14

---

[9] Akhlak dari segi bahasa bermaksud adat, kebiasaan, tabiat, maruah dan agama. Lihat Kharraz, Khalid bin Jum’ah bin ‘Uthman al- (2009), *Mausu’ah al-Akhlaq*, c.1, Kuwait, Maktabah Ahl al-Athar, h. 21. Dari segi istilah bermaksud suatu gambaran mengenai keadaan hatinya yang kukuh dan daripadanya lahirlah tingkah laku secara mudah dan senang tanpa memerlukan kepada berfikir dan pertimbangan. Lihat Jurjani, Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Syarif, al- (2004), *Mu’jam al-Ta’rifat*, tahqiq Muhammad Siddiq al-Minshawi, Kaherah: Dar al-Fadhilah, h. 89. Akhlak mazmumah ialah sifat yang terdapat di dalam diri secara fitrah, atau ikhtiar yang membawa seseorang kepada tingkah laku diingini yang tercela di sisi orang yang berakal. Manakala akhlak mahmudah ialah sifat yang membawa seseorang kepada tingkah laku yang terpuji. Lihat Midani, Abd al-Rahman Hasan Habanakah, al- (1999), *al-Akhlak al-Islamiyyah*, c. 5, Dimashq: Dar al-Qalam, j. 1, h. 16.

Dan Firman Allah ﷻ:

﴿ قَدۡ أَفۡلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴾

Ertinya: "Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya (yang sedia bersih) bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)."

Surah al-Shams: 9

Dan makna bagi kalimah *al-tazkiyyah* yang terdapat dalam ayat tersebut ialah penyucian.

Rasulullah ﷺ bersabda:

«الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ»

Ertinya: "Bersuci itu adalah cabang daripada Iman."[10]

Justeru, fahamilah daripada nas tersebut bahawa kesempurnaan iman diperolehi melalui penyucian hati daripada perkara-perkara yang tidak disukai oleh Allah ﷻ seterusnya menghiasi hati dengan perkara-perkara yang disukai oleh Allah Ta'ala.

---

[10] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Muslim dan al-Tirmizi.

Sehubungan dengan itu, bersuci adalah cabang daripada Iman dan bagaimana seseorang itu memberi perhatian terhadap bersuci sekiranya dia tidak mengetahui tentang najis?

Maka sekiranya kita memperkatakan tentang akhlak mazmumah sesungguhya sangat banyak, namun kita boleh untuk mengembalikan cabang-cabang akhlak mazmumah kepada 10 sifat ini:

Sifat Tercela 1[11]: Makan dengan berlebihan

Sifat ini merupakan antara tunjang sifat-sifat mazmumah kerana perut adalah tempat lahirnya pelbagai syahwat.[12] Daripadanya terbit syahwat kemaluan. Kemudian apabila syahwat makanan dan persetubuhan menguasai diri seseorang, maka akan terbit daripadanya kerakusan terhadap harta. Hal ini kerana seseorang itu tidak akan dapat memenuhi kedua-dua syahwat tersebut melainkan dengan harta.

Dan daripada syahwat harta akan terbit syahwat pangkat kerana amat sukar untuk mencari harta tanpa mengejar pangkat. Kemudian ketika seseorang itu memperolehi harta dan pangkat serta mengejar kedua-duanya, maka akan bersesaklah penyakit-penyakit hati di dalam dirinya seperti sombong, riya', hasad, dengki, permusuhan dan lain-lain lagi.

---

[11] Pengarang kitab meletakkan tajuk bab dengan al-Asl iaitu asas. Namun kami meletakkan tajuk bab sebagai perincian kepada asas iaitu Sifat Tercela bagi menunjukkan 10 sifat ini adalah merupakan sifat-sifat mazmumah agar pembaca tidak keliru dengan maksud asas.

[12] Syahwat ialah pergerakan nafsu yang menuntut melakukan sesuatu yang bertepatan dengan kehendak nafsu. Jurjani, al- (2004), *Op.cit.*, h. 111.

Justeru, tempat terbitnya kesemua penyakit ini ialah perut. Oleh itu, baginda Rasulullah ﷺ mengutamakan untuk berlapar.

Sabda baginda ﷺ:

«مَا مِنْ عَمَلٍ أَحَبَّ إِلَى اللهِ تَعَالَى مِنَ الْجُوعِ وَالْعَطَش.»

Ertinya: "Tiada suatu amal yang paling disukai oleh Allah Ta'ala berbanding dengan berlapar dan dahaga."[13]

Nabi ﷺ bersabda:

«لَا يَدْخُلُ مَلَكُوتَ السَّمَاءِ مَنْ مَلَأَ بَطْنَهُ.»

Ertinya: "Tidak akan dapat menyingkap rahsia-rahsia tertinggi di langit bagi orang yang perutnya penuh."[14]

Nabi ﷺ bersabda:

«سَيِّدُ الْأَعْمَالِ الْجُوعُ.»

---

[13] Terdapat banyak hadis qudsi dan hadis nabi yang menyatakan tentang kelebihan berpuasa.

[14] Berkata al-'Iraqi: Aku tidak dapati sanadnya. Dan Imam al-Zabidi memperakuinya dalam kitab *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*.

Ertinya: “Penghulu bagi amalan ialah berlapar.”[15]

Nabi ﷺ bersabda:

((الفِكْرُ نِصْفُ الْعِبَادةِ وَقِلَّةُ الطَّعامِ هِيَ الْعِبَادَةُ.))

Ertinya: “Berfikir itu separuh daripada ibadah, dan sedikit makan itu merupakan ibadah.”[16]

Nabi ﷺ bersabda:

((أَفْضَلُكُمْ عِندَ اللَّهِ أَطْوَلُكُم جُوعًا وَتَفَكُّرًا، وَأَبْغَضُكُمْ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى كُلُّ أَكُولٍ شَرُوبٍ نَؤُومٍ.))

Ertinya: “Orang yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah ialah orang yang banyak berlapar dan berfikir, manakala orang yang paling Allah benci ialah orang yang berlebih-lebihan dalam makan dan minum serta tidur.”[17]

---

[15] Berkata al-‘Iraqi: Aku tidak dapati sanadnya. Namun al-Zabidi tidak mengulasnya.
[16] Berkata al-‘Iraqi: Aku tidak dapati sanadnya. Namun al-Zabidi tidak mengulasnya.
[17] Al-‘Iraqi berkata: Aku tidak dapati sanadnya. Namun al-Zabidi tidak mengulasnya.

Nabi ﷺ bersabda:

«مَا مَلَأَ ابْنُ آدَمَ وِعَاءً شرًّا مِنْ بَطْنِهِ حَسْبُ ابْنِ آدَمَ لقيمات يُقِمْنَ صُلْبَهُ وَإِن كَانَ لَا مَحَالَةَ فثُلُثٌ لِطَعَامِهِ وَثُلُثٌ لِشَرَابِهِ وَثُلُثٌ لِنَفْسِهِ.»

Ertinya: "Tidak ada bekas yang paling buruk dipenuhi oleh anak Adam berbanding perutnya, cukuplah baginya beberapa suapan kecil yang boleh menegakkan tulang sulbinya (bertenaga), atau paling tidak maka sepertiga untuk makanannya, sepertiga untuk minumnya dan sepertiga untuk nafasnya."[18]

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ الشَّيْطَانَ لَيَجْرِي مِنَ ابْنِ آدَمَ مَجْرَى الدَّمِ فَضَيِّقُوا مَجَارِيَ الشَّيْطَانِ بِالْجُوعِ وَالْعَطَشِ.»

Ertinya: "Sesungguhnya syaitan itu menyelinap di dalam anak Adam menerusi saluran darah. Maka sempitkanlah laluan-laluan syaitan dengan berlapar dan dahaga."[19]

---

[18] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, al-Nasa'I dan Ibn Majah. Imam al-Tirmizi mengatakan: hadis ini adalah hasan sahih.
[19] Muttafaqun 'Alaih.

Nabi ﷺ bersabda kepada 'Aishah رضي الله عنها:

«أَدِيمُوا قَرْعَ بَابِ الْجَنَّةِ يُفْتَحْ لَكُمْ فَقُلْتُ كَيْفَ نُدِيمُ قَرْعَ بَابِ الْجَنَّةِ ؟ قَالَ : بِالْجُوعِ وَالظَّمَأِ.»

Ertinya: "Hendaklah kamu semua sentiasa mengetuk pintu syurga, nescaya akan dibukakan bagi kamu. 'Aishah bertanya: Bagaimanakah kami hendak berterusan melakukannya? Sabda baginda ﷺ: Dengan cara berlapar dan dahaga.[20]

Dan nabi ﷺ bersabda:

«كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ أَنْصَافِ الْبُطُونِ فَإِنَّهُ جُزْءٌ مِنَ النُّبُوَّةِ.»

Ertinya: "Hendaklah kamu makan dan minum dengan sederhana (Ansaf al-Butun). Sesungguhnya perbuatan tersebut adalah satu juzuk daripada kenabian."[21]

---

[20] Berkata al-'Iraqi: Aku tidak dapati sanadnya. Namun al-Zabidi tidak mengulasnya.

[21] Al-Dailami meriwayatkannya dalam *Musnad al-Firdaus* dengan sanad yang dhaif. Imam al-Tirmizi meriwayatkannya dengan sanadnya daripada Rasulullah ﷺ dengan lafaz;
«أَجُوعُ يَوْمًا وَأَشْبَعُ يَوْمًا»

Rahsia Kehebatan Berlapar

Sudah tentu kamu ingin mengetahui tentang rahsia kehebatan berlapar dan kaitannya dengan jalan untuk menuju ke akhirat. Justeru ketahuilah bahawa berlapar itu mempunyai faedah yang banyak dan kesemua faedah tersebut dapat disimpulkan kepada 7 perkara.

Pertama: Menyuci hati dan menajamkan mata hati

Hal ini kerana kekenyangan itu akan mewariskan kebodohan dan dan membutakan hati. Nabi ﷺ telah bersabda:

«مَنْ أَجَاعَ بَطْنَهُ عَظُمَتْ فِكْرَتُهُ وَفَطِنَ قَلْبُهُ.»

Ertinya: "Sesiapa yang melaparkan perutnya, maka tajam mindanya dan bijak hatinya."[22]

Maka jelaslah bahawa kunci kepada kebahagian ialah ma'rifah (pengetahuan) dan ia tidak akan tercapai melainkan dengan sucinya hati. Oleh yang demikian, berlapar itu dapat mengetuk pintu syurga.

---

[22] Diriwayatkan oleh Imam al-Dailami dalam *Musnad al-Firdaus* dengan sanad yang dhaif.

Kedua: Melembutkan hati

Berlapar itu boleh melembutkan hati sehingga dapat merasai kelazatan bermunajat serta terkesan dengan zikir dan ibadah.

al-Junaid telah berkata: *"Hendaklah setiap daripada kamu mengosongkan perutnya daripada makanan sekiranya dia ingin merasai kelazatan bermunajat."*

Maka jelaslah kepada kamu bahawa perihal hati dari segi khasyiah (gentar), takut (khauf), lembut (riqqah), mengadu (munajah) dan akur dengan kehebatan Allah adalah merupakan antara kunci-kunci pintu syurga, meskipun pintu makrifah itu terletak di atasnya, maka berlapar itu adalah merupakan ketukan kepada pintu tersebut.

Ketiga: Merendahkan jiwa dan menghilangkan sifat menolak kebenaran (batar) dan melampaui batas

Nafsu tidak akan dapat dipatahkan dengan sesuatu apa pun sebagaimana lapar dapat mematahkan nafsu. Sifat melampaui batas membawa seseorang kepada lalai daripada mengingati Allah dan sifat lalai merupakan pintu neraka jahim dan kebinasaan. Maka dengan berlapar, seseorang itu dapat menutup pintu neraka tersebut. Justeru, proses untuk

menutup pintu kebinasaan ialah dengan cara membuka pintu kebahagiaan.

Oleh yang demikian, ketika mana nikmat dunia ditawarkan kepada Nabi ﷺ, baginda menjawab:

«لَا بَلْ أَجْوَعُ يَوْمًا وَأَشْبَعُ يَوْمًا فَإِذَا جِعْتُ صَبَرْتُ وَ تَضرَّعْتُ وَإِذَا شَبِعْتُ شَكَرْتُ.»

Ertinya: "Aku tidak mahu, bahkan akau ingin berlapar sehari dan kenyang sehari. Ketika dalam keadaan lapar aku dapat bersabar dan pasrah dan ketika dalam keadaan kenyang aku dapat bersyukur."[23]

Keempat: Ujian (Bala') adalah antara pintu-pintu syurga

Hal ini kerana berlapar itu merupakan penyaksian kepada merasai azab Allah dan dengan berlapar dapat menambahkan rasa takut kepada azab

---

[23] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dengan lafaz:

«عَرَضَ عَلَيَّ رَبِّي لِيَجْعَلَ لِي بَطْحَاءَ مَكَّةَ ذَهَبًا ، قُلْتُ : لَا يَا رَبِّ وَلَكِنْ أَشْبَعُ يَوْمًا وَأَجُوعُ يَوْمًا ، أَوْ قَالَ ثَلَاثًا أَوْ نَحْوَ هَذَا ، فَإِذَا جُعْتُ تَضَرَّعْتُ إِلَيْكَ وَذَكَرْتُكَ ، وَإِذَا شَبِعْتُ شَكَرْتُكَ وَحَمِدْتُكَ »

Al-Tirmizi mengatakan: hadis ini adalah hasan. Dalam *Musnad Ahmad* daripada Abu Umamah adalah riwayat sepertinya dan al-Tabarani meriwayatkannya dalam *al-Mu'jam al-Kabir*.

akhirat. Seseorang itu tidak akan mampu menyiksa dirinya dengan sesuatu apa pun seumpama siksaan berlapar. Sesungguhnya berlapar itu tidak memerlukan sesuatu yang membebankan bahkan faedah lain yang berkait dengannya ialah seseorang itu dapat menyaksikan ujian Allah secara berterusan dengan berlapar.

Kelima: Merupakan faedah yang paling besar iaitu:

Mematahkan keseluruhan nafsu syahwat yang merupakan sumber maksiat dan menguasai nafsu daripada dorongan kepada kejahatan.

Berkata Dzu al-Nun[24] رضي الله عنه: *"Ketika aku dalam keadaan kekenyangan akan memudahkan aku melakukan maksiat atau berkeinginan untuk melakukan maksiat."*

Sayyidatina 'Aishah رضي الله عنها berkata: *"Bid'ah terawal yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah ﷺ ialah kenyang. Sesungguhnya sesuatu kaum itu, apabila perut mereka kenyang, hati mereka mudah cenderung kepada dunia."*

[24] Dzu al-Nun al-Misri adalah seorang 'alim rabbani wafat pada tahun 248 H. Beliau termasuk dalam tingkatan pertama di kalangan ulama' rabbani.

Keenam: Meringankan badan untuk tahajjud dan beribadah dan melenyapkan rasa mengantuk yang menjadi penghalang kepada ibadah

Hal ini kerana modal bagi kebahagiaan ialah umur manakala tidur itu dapat mengurangkan umur apabila terhalang daripada melakukan ibadah. Punca daripada mengantuk ialah dengan banyak makan.

Berkata Abu Sulaiman al-Darani: *"Barangsiapa yang kenyang akan masuk kepadanya 6 penyakit iaitu hilangnya kemanisan ibadah, lemah dalam memelihara hikmah, melenyapkan rasa belas kasihan kepada makhluk kerana apabila seseorang itu kenyang, maka dia menyangka bahawa semua makhluk turut kenyang, berat melakukan ibadah dan bertambahnya nafsu syahwat. Ramai di kalangan orang beriman berlegar sekitar masjid sedangkan dia asyik berlegar sekitar tong sampah."*

Ketujuh: Meringankan perbelanjaan dan mengukuhkan sifat qana'ah terhadap nikmat dunia yang sedikit serta melebihkan rasa kekurangan

Hal ini kerana sesiapa yang dapat membebaskan diri daripada kerakusan perutnya maka dia tidak memerlukan kepada harta yang banyak serta akan gugur daripadanya kebanyakan keinginan dunia.

Justeru, selagi mana seseorang itu ingin meminjam harta bagi memenuhi syahwat perutnya, maka pinjamlah kepada dirinya sendiri dan tinggalkan kehendak syahwatnya.

Ketika Ibrahim bin Adham ditanya tentang sesuatu yang bernilai. Beliau menjawab: *"Ringankannya dengan meninggalkannya."*

Berperingkat-peringkat dalam mengurangi pengambilan makanan

Boleh jadi kamu akan bertanya: "Kenyang dan banyak makan telah menjadi adat kebiasaan, justeru bagaimana hendak meninggalkannya?

Maka ketahuilah bahawa perkara ini menjadi mudah bagi sesiapa yang berkehendak dengan melakukannya secara berperingkat-peringkat. Iaitu dia hendaklah mengurangkan pengambilan makanan setiap hari sebanyak satu suapan sehinggalah berkurang kepada satu gumpalan dalam tempoh sebulan. Perkara ini tidak menjadi jelas kesannya sehingga pengurangan pengambilan makanan ini menjadi adat kebiasaan seseorang. Apabila kamu telah patuh kepada proses pengurangan secara berperingkat ini, maka barulah kamu memerhati kepada masa, kadar dan jenis.

Terdapat 3 tingkatan berdasarkan kadar iaitu:

Tertinggi: Ini adalah tingkatan golongan Siddiqin. Memadai sekadar yang cukup dapat menegakkan tulang sulbi. Kadar ini sekiranya berkurangan dibimbangi akan menjejaskan akal dan kehidupan. Inilah yang dilakukan oleh Sahl al-Tustari.[25] Beliau berpandangan bahawa solat yang dilakukan secara duduk kerana lemah disebabkan berlapar adalah lebih afdhal daripada solat secara berdiri kerana kuatnya makan.

Kedua: Kamu berasa cukup dengan separuh cupak setiap hari iatu 1/3 daripada bahagian perut. Kadar ini adalah menjadi kebiasaan 'Umar ﵁ dan sekumpulan para sahabat. Bekalan makanan mereka dalam seminggu adalah satu sa' daripada barli (sha'ir).

Ketiga: Satu cupak. Dan sekiranya melebihi daripada kadar ini seseorang itu telah menyertai golongan kebiasaan dan menyimpang daripada jalan golongan Salikin yang bermusafir menuju kepada Allah. Dan kadang-kadang faktor yang memberi kesan kepada kadar pengambilan makanan adalah bergantung kepada perbezaan perihal dan individu.

---

[25] Beliau adalah antara ulama' rabbani wafat tahun 283 H.

Sehubungan itu, asas dalam pengambilan makanan ialah sekiranya seseorang itu benar-benar lapar maka hendaklah mengambilnya sebanyak 1 cupak serta menahan daripada mengambilnya setelah benar-benar berkeinginan untuk mengambilnya.

Dan antara tanda lapar yang benar ialah apabila kamu berkeinginan untuk makan mana-mana jenis roti tanpa perlu kepada makanan sampingan. Sekiranya seseorang itu berasa berat untuk makan tanpa ada makanan sampingannya, maka ini adalah tanda kekenyangan.

Waktu juga mempunyai 3 tingkatan iaitu:

Tertinggi: Seseorang itu berlapar (berpuasa) selama 3 hari dan lebih. Sesungguhnya Sayyidina Abu Bakr al-Siddiq berlapar (berpuasa) sehingga 6 hari. Dan Ibrahim bin Adham dan al-Thauri berlapar (berpuasa) selama 7 hari dan sebahagian daripada orang Salih berlapar (berpuasa) sehingga 40 hari.

Pertengahan: Seseorang itu berlapar (berpuasa) selama 2 hari.

Terendah: Seseorang itu hanya makan 1 kali dalam sehari. Barangsiapa yang makan sebanyak 2 kali maka seseorang itu tidak berada dalam keadaan

berlapar langsung dan dia telah meninggalkan kelebihan dalam berlapar.

Jenis makanan yang diambil tingkatan yang tertinggi ialah roti gandum beserta pencicahnya manakala tingkatan yang terendah ialah roti barli tanpa ada sebarang pencicahnya. Perbuatan selalu makan roti bersama pencicahnya adalah sangat makruh. Berkata Umar ﷺ kepada anaknya: “Sesekali makanlah roti bersama daging, sesekali roti bersama mentega, sesekali roti bersama susu, sesekali roti bersama garam dan sesekali roti tanpa sebarang cicahan.”

Justeru, ini adalah peringatan yang terbaik kepada orang awam. Manakala bagi golongan Salik yang mendekatkan diri kepada Allah, mereka berlebihan dalam meninggalkan makanan sampingan bersama roti bahkan berlebihan dalam meninggalkan tuntutan syahwat keseluruhannya sehinggakan sebahagian mereka berkeinginan untuk memenuhi syahwat selama 10 tahun dan 20 tahun namun mereka menyanggahi nafsunya dan menegah kehendak syahwatnya.

Sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

«شِرَارُ أُمَّتِي الَّذِينَ غُذُّوا بالنَّعيمِ وَنَبَتَتْ عَلَيْهِ أَجْسَامُهُم وإِنَّما هِمَّتُهُمْ أَلْوَانُ الطَّعامِ وَأَنْوَاعُ اللِّباسِ وَيَتَشَدَّقُون فِي الْكَلَامِ.»

Ertinya: "Sejahat-jahat umatku ialah orang yang makan dengan kurniaan nikmat lalu jasad mereka berkembang dengannya sedangkan semangat mereka hanyalah berlegar sekitar mendapatkan pelbagai makanan dan pakaian serta memekikkan suara ketika bercakap."[26]

Sesungguhnya kami telah menghuraikan jalan para Salaf dalam meninggalkan tuntutan syahwat di dalam kitab *"Kasr al-Syahwatain"* daripada kitab *Ihya' 'Ulumuddin.*[27]

---

[26] Al-'Iraqi berkata: hadis riwayat Ibn 'Adi dalam *al-Kamil* dan al-Baihaqi dalam *Shu'ab al-Iman* dan Abu Nu'aim dalam *al-Hilyah*. (Lihat takhrij lengkapnya dalam Ithaf karangan al-Zabidi j. 9, 57.)

[27] Lihat kitab *Ihya' Ulumuddin* (2011), c. 1, Jeddah: Dar al-Minhaj, j. 5, h. 281-377.

Sifat Tercela 2: Bercakap berlebihan

Sifat ini sangat perlu untuk diatasi kerana keseluruhan amalan yang dilakukan oleh anggota badan memberi kesan kepada hati. Namun lidah antara anggota yang lebih khusus dalam memberi kesan terhadap hati kerana lidah itu menyampaikan apa-apa gambaran yang terdapat di dalam hati. Maka setiap kalimah yang dituturkan oleh lidah menunjukkan kepada gambaran yang terdapat di dalam hati.

Oleh itu, sekiranya seseorang itu bercakap bohong maka percakapan itu adalah hasil daripada gambaran yang dusta di dalam hatinya dan menyebabkan wajah hatinya terpesong daripada kebenaran kerana berbohong.

Sekiranya seseorang itu memperkatakan tentang sesuatu yang melebihi daripada keperluannya maka hatinya akan menjadi hitam dan gelap sehinggalah kesan penghujung daripada banyak bercakap ialah mematikan hati. Oleh itu, Rasulullah ﷺ banyak memberi peringatan tentang perihal lidah.

Nabi ﷺ bersabda:

«مَنْ يتَوَكَّلْ لِي مَا بَيْنَ لَحْيَيْهِ وَرِجْلَيْهِ أَتَوَكَّلْ لَهُ بِالْجَنَّةِ»

Ertinya: "Barangsiapa yang dapat memberi jaminan kepadaku keselamatan apa yang terdapat di antara kedua jambangnya (lidah) dan antara kedua kakinya (kemaluan), maka aku memberi jaminan kepadanya untuk masuk syurga." [28]

Dan baginda Nabi pernah ditanya mengenai perkara yang banyak menyebabkan orang masuk neraka. Baginda nabi menjawab:

«قَالَ الْأَجْوَفَانِ الْفَمُ وَالْفَرْجُ»

Ertinya: "Dua anggota iaitu mulut dan kemaluan." [29]

Nabi ﷺ bersabda:

«وَهَلْ يَكُبُّ النَّاسَ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ أَوْ عَلَى مَنَاخِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ»

---

[28] Riwayat Imam al-Bukhari dalam *Sahih*nya.
[29] Riwayat Imam al-Tirmizi dan Ibn Majah.

Ertinya: “Tidaklah manusia itu akan disungkurkan ke dalam neraka di atas muka atau hidung mereka melainkan kerana hasil daripada ucapan lisan mereka.”[30]

Nabi ﷺ bersabda:

((مَنْ صَمَتَ نَجَا))

Ertinya: “Barangsiapa yang diam maka dia selamat.”[31]

Dan Sayyidina Mu’az pernah bertanya kepada Nabi; apakah amalan yang paling afdhal? Lalu Nabi mengeluarkan lidahnya sambil menunjukkan jari kepada lidahnya kemudian baginda bersabda:

((إِنَّ أَكْثَرَ خَطَايَا ابْنِ آدَمَ فِي لِسَانِهِ))

Ertinya: “Sesungguhnya dosa anak Adam yang paling banyak adalah disebabkan lidahnya.”[32]

Nabi bersabda:

((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ))

---

[30] Riwayat Imam al-Tirmizi dan Ibn Majah.

[31] Diriwayatkan oleh Imam al-Tabarani dengan sanad yang baik.

[32] Diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi dengan sanad yang hasan dan juga oleh al-Tabarani dan Ibn Abi al-Dunya.

Ertinya: "Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau diam."[33]

Nabi bersabda:

«مَنْ كَثُرَ كَلَامُهُ كَثُرَ سَقَطُهُ ، وَمَنْ كَثُرَ سَقَطُهُ كَثُرَتْ ذُنُوبُهُ ، وَمَنْ كَثُرَتْ ذُنُوبُهُ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ»

Ertinya: "Barangsiapa yang banyak bercakap, maka banyaklah pula kesalahannya, dan barangsiapa yang banyak kesalahannya maka banyak pula dosanya. Barangsiapa yang banyak dosa maka nerakalah lebih utama baginya." [34]

Oleh yang demikian, Sayyidina Abu Bakr al-Siddiq ﵁ meletakkan seketul batu di dalam mulutnya agar menghalang dirinya daripada bercakap.

Penyakit Lidah

Ketahuilah bahawa lidah mempunyai 20 jenis penyakit yang telah kami huraikan di dalam kitab "*Afat al-Lisan*" (Kegelinciran lidah) daripada kitab *al-*

---

[33] Muttafaqun 'Alaih.

[34] Diriwayatkan oleh Abu Nu'aim dalam al-Hilyah dengan sanad yang dhaif manakala al-Baihaqi meriwayatkan secara mauquf daripada Saidina Umar.

Ihya' dan kami telah menyebutnya dengan panjang lebar. Dan memadailah bagi kamu untuk beramal dengan satu ayat, firman Allah ﷻ:

﴿لَّا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ﴾

Ertinya: "Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan."

Surah al- Nisa': 114

Dan maksud ayat tersebut ialah janganlah kamu bercakap tentang perkara-perkara yang tidak bermanfaat bagi kamu, sebaliknya hendaklah kamu menghadkan kepada percakapan yang penting sahaja. Maka inilah cara untuk selamat.

Berkata Sayyidina Anas رضي الله عنه: Seorang pemuda di kalangan kami pernah mati syahid pada perang Uhud dan didapati terdapatnya seketul batu terikat pada perutnya kerana menahan lapar. Lalu ibunya menyapu debu-debu yang terdapat pada wajah anaknya sambil berkata: Bergembiralah kamu untuk memasuki syurga wahai anakku. Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda:

«وَما يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ كَانَ يتَكَلَّمُ فِيمَا لَا يُعْنِيهِ وَيَمْنَعُ مَا لَا يَضُرُّهُ»

Ertinya: "Dan kamu tidak mengetahui boleh jadi dia bercakap tentang perkara yang tidak bermanfaat baginya atau dia menegah dirinya daripada melakukan sesuatu yang tidak memberi mudarat kepada dirinya." [35]

Dan had bagi perkara-perkara yang tidak memberi manfaat ialah sesuatu perkara sekiranya ditinggalkan tidak menghilangkan pahala dan tidak mendatangkan kebinasaan.

Perincian sebahagian kegelinciran lidah

Barangkali kamu ingin mengetahui tentang perincian sebahagian daripada kegelinciran lidah. Dan ketahuilah bahawa daripada sejumlah 20 jenis kegelinciran lidah kebiasaannya terkena kepada manusia 5 jenis kegelinciran iaitu berdusta, mengumpat, berbantah-bantah, pujian dan bergurau.

---

[35] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, Ibn Abi al-Dunya dan al-Tabarani dalam *al-Mu'jam al-Awsat* dengan isnad yang baik.

Kegelinciran Lidah 1: Berdusta

Nabi ﷺ bersabda:

«لَا يَزَالُ الْعَبْدُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا»

Ertinya: "Dan tidaklah seorang berbuat dusta dan selalu berdusta hingga ia ditulis di sisi Allah sebagai seorang pendusta." [36]

Nabi ﷺ bersabda:

«وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيَكْذِبُ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمَ وَيْلٌ لَهُ وَيْلٌ لَهُ»

Ertinya: "Celakalah bagi orang yang berbicara lalu berdusta untuk membuat orang lain tertawa. Celakalah ia, celakalah ia." [37]

Rasulullah pernah ditanya oleh sahabat; Wahai Rasulullah, mungkinkah seorang mukmin itu terlibat dengan zina? Mungkinkah seorang mukmin itu terlibat dengan mencuri? Nabi menjawab: Kadangkala boleh terjadi demikian. Nabi ditanya lagi;

---

[36] Muttafaqun 'Alaih.

[37] Riwayat Imam Abu Daud, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ahmad. Imam al-Tirmizi menghukumkan hadis ini dengan taraf *hasan*.

Adakah dia (mukmin yang terjebak dengan maksiat) berdusta? Nabi ﷺ bersabda:

«لا إِنَّمَا يَفْتَرِي الْكَذِبَ الَّذِينَ لا يُؤْمِنُونَ بآيات الله»

Ertinya: "Tidak, hanyasanya orang yang mencipta dusta ialah orang yang tidak beriman dengan ayat-ayat Allah."[38]

Sabda Nabi ﷺ:

«أَلَا أُنَبِّئُكُمْ بِأَكْبَرِ الْكَبَائِرِ قُلْنَا بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْإِشْرَاكُ بِاللَّهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ وَكَانَ مُتَّكِئًا فَجَلَسَ فَقَالَ أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ»

Ertinya: "Mahukah aku khabarkan kepada kalian sesuatu yang termasuk daripada dosa besar? Kami menjawab; Sudah tentu wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Menyekutukan Allah dan menderhakai kedua ibu bapa, ketika itu Nabi tengah bersandar, kemudian baginda duduk lalu melanjutkan sabdanya: Hindarilah daripada percakapan dusta"[39]

---

[38] Riwayat Ibn 'Abd al-Bar di dalam *al-Tamhid* dengan sanad yang dhaif dan Ibn 'Asakir.

[39] Muttafaqun 'Alaih.

Sabda Nabi ﷺ:

«كُلُّ خصْلَةٍ يُطْبَعُ أَوْ يُطْوَى عَلَيْهَا الْمُسْلِمُ إِلَّا الْخِيَانَةَ وَالْكَذِبَ»

Ertinya: "Orang mukmin dibentuk oleh Allah dengan semua ciri-ciri melainkan khianat dan dusta." [40]

Bila diberi keringanan untuk berdusta?

Ketahuilah bahawa berdusta adalah haram dalam setiap perkara kecuali ketika darurat. Sehinggakan seorang ibu telah berkata kepada anak kecilnya; Marilah ke sini kerana ibu ingin memberikan sesuatu kepada kamu. Lalu Nabi ﷺ bertanya; Apa yang kamu akan beri kepadanya sekiranya dia datang kepada kamu? Wanita itu menjawab; Tamar. Nabi bersabda: Sekiranya kamu tidak menunaikan janjimu, nescaya akan dicatatkan bagi kamu telah berdusta."[41]

Justeru, berwaspadalah daripada berdusta termasuklah dalam khayalan dan bisikan hati. Hal ini kerana perbuatan ini menetapkan di dalam diri gambaran yang terpesong di dalam hati yang menyebabkan mimpi menjadi dusta. Kamu tidak

---

[40] Riwayat Ibn Abi Syaibah dalam *Musannaf*nya.

[41] Riwayat Imam Abu Daud dan Ahmad. Perawinya adalah thiqah.

akan dapat menyingkap rahsia-rahsia alam malakut di dalam tidur kamu bahkan pengalaman terhadap perkara ini telah membuktikannya.

Benar, hanyasanya keringanan dalam berdusta diberikan sekiranya bercakap benar itu boleh membawa kepada bahaya yang lebih berat berbanding daripada berdusta. Maka diharuskan untuk berdusta sebagaimana diharuskan bangkai, sekiranya tidak memakan bangkai itu membawa kepada bahaya yang lebih berat iaitu hilangnya nyawa berbanding dengan memakannya.

Berkata Ummu Kulthum رضي الله عنها: "Tidaklah Rasulullah ﷺ memberi keringanan untuk berdusta melainkan dalam 3 keadaan; seorang lelaki yang bercakap bertujuan untuk mendamaikan hubungan antara manusia, seorang lelaki yang berdusta di medan perang dan seorang lelaki yang berdusta dengan isterinya."[42]

Keringanan ini diberikan kerana rahsia perang sekiranya diketahui oleh pihak musuh akan menyebabkan mereka semakin berani untuk menyerang, rahsia suami sekiranya diketahui oleh isteri yang akan membawa kepada keruntuhan

---

[42] Hadis riwayat Imam Muslim dan Ahmad dengan lafaz yang hampir sama maksudnya.

rumah tangga yang lebih dahsyat berbanding dengan keburukan berdusta. Demikian juga dua orang yang bermusuh sentiasa berada dalam keadaan maksiat dan permusuhan. Justeru, sekiranya untuk mendamaikan keduanya lebih baik dengan cara berdusta, maka itu adalah lebih utama.

Ini semua sebagaimana yang terdapat dalam riwayat hadis dan segala perkara yang seumpamanya ialah seseorang itu berdusta bagi melindungi harta orang lain daripada dirampas oleh orang zalim, atau seseorang itu mengingkari sesuatu penyataan bagi menutup rahsia orang lain bahkan seseorang itu mengingkari perbuatan maksiat yang dilakukannya sendiri daripada pengetahuan orang lain. Hal ini kerana mewarwarkan perbuatan fasiq (mujaharah) dan menzahirkannya adalah haram.

Demikian juga sekiranya seseorang itu mengingkari jenayah yang dilakukan terhadap orang lain bertujuan untuk mententeramkan hatinya. Demikian juga pengingkaran suami terhadap isterinya yang boleh mendatangkan kemudharatan sekiranya tidak berdusta. Kesemua keringanan yang diberikan ini adalah bertujuan untuk menolak kemudharatan.

Walaubagaimanapun, tidak diharuskan untuk berdusta bagi mendapatkan pertambahan harta dan

kedudukan. Dan keadaan inilah yang menjadikan ramai manusia berdusta.

Kemudian, sekiranya seseorang itu terpaksa berdusta maka hendaklah dia berusaha untuk menyusun percakapannya yang mempunyai maksud kefahaman yang pelbagai (ma'arid)[43] sehinggakan dirinya tidak dianggap berbohong.

Ibrahim bin Adham apabila dicari oleh orang ramai di rumahnya, dia berkata kepada pembantu rumahnya; "Katakanlah kepada mereka; carilah dia di masjid."

Al-Sya'bi pernah melakar satu bulatan kemudian berkata kepada pembantunya; "Letakkanlah jari kamu di dalam lakaran bulatan ini dan katakanlah; Dia tidak ada di sini."

Sebahagian daripada orang soleh yang tidak dapat menghadiri jemputan daripada pemerintah memberi jawapan; "Sejak aku berpisah dengan kamu, tidaklah aku mengangkat rusukku daripada bumi melainkan apa yang dikehendaki Allah." Sebahagian mereka mengingkari apa yang pernah mereka katakan dengan ucapan;

---

[43] Ma'arid ialah seerti dengan tauriyah dalam percakapan iaitu bercakap sesuatu perkara namun maksud yang dikehendaki adalah lain. Namun perbuatan ini tidaklah menjadi suatu kebiasaan sebaliknya hanya digunakan apabila terdesak.

" إِنَّ اللهَ لَيَعْلَم مَا قُلْتُ مِنْ ذَلِكَ مِنْ شَيْءٍ "

Ertinya: “Sesungguhnya Allah mengetahui, aku tidak mengatakan terhadap perkara ini sesuatu apa pun.”

Maka ucapan itu memberi maksud penafian secara samar disebabkan adanya kalimah “ma” iaitu tidak sedangkan yang dimaksud daripada ucapan itu ialah Allah mengetahui apa yang aku katakan mengenai perkara tersebut.

Dan diharuskan menggunakan kaedah kiasan (ma’arid) untuk tujuan yang ringan sebagaimana sabda Nabi ﷺ:

«إِنَّ الْجَنَّةَ لا تَدْخُلُهَا عَجُوزٌ»

Ertinya: “Sesungguhnya tidak boleh masuk syurga bagi orang tua.”[44]

Sabda Nabi ﷺ:

«وَنَحْمِلُكَ عَلَى وَلَدِ الْبَعِيرِ»

Ertinya: “Dan aku akan membawa kamu di atas anak unta.”[45]

[44] Riwayat Imam al-Tirmizi.

Sabda Nabi ﷺ:

«وَفِي عَيْنَيْ زَوْجِكَ بَيَاضٌ»

Ertinya: “Dan di dalam kedua-dua mata suami kamu adanya putih.”[46]

Hal ini kerana kalimah-kalimah ini memberi makna yang samar berbeza dengan maksud yang dikehendaki. Justeru, perkara ini diharuskan untuk diucapkan kepada isteri, anak bagi menyenangkan hati mereka dengan gurauan.

Demikian juga bagi orang yang terhalang daripada makan disebabkan berpuasa, maka janganlah berdusta dengan mengatakan; Aku tidak menyukai sedangkan dia sangat menyukai makanan tersebut. Sebaliknya dia hendaklah menggunakan kaedah kiasan (ma’arid). Nabi ﷺ pernah berkata kepada seorang wanita yang mengucapkan sedemikian;

«لَا تَجْمَعِي كَذِبًا وَجُوعًا»

Ertinya: “Janganlah kamu menghimpunkan pendustaan dan berlapar.”[47]

---

[45] Riwayat Imam Abu Daud dan al-Tirmizi.
[46] Riwayat al-Zubair bin Bakar dan Ibn Abi al-Dunya.
[47] Riwayat Imam al-Tabarani.

Kegelinciran Lidah 2: Mengumpat[48]

Firman Allah ﷻ:

﴿أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ﴾

Ertinya: "Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya Yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya."

Surah al-Hujurat: 12

Nabi ﷺ bersabda:

«الْغِيبَةُ أَشَدُّ مِنَ الزِّنَا»

Ertinya: "Mengumpat itu lebih dahsyat daripada zina."[49]

---

[48] Kamu menyebut tentang perihal saudara kamu yang dia tidak sukai untuk didengari. Lihat Jurjani, al- (2004), *op. cit*., h. 137.

[49] Riwayat Ibn Hibban dalam *al-Dhu'afa'*, Ibn Abi al-Dunya dan Ibn Marduyah dalam *al-Tafsir*. Imam al-Suyuti menghukumkan hadis ini sebagai dha'if.

Dan Allah telah mewahyukan kepada Nabi Musa ﷺ bahawa barangsiapa yang mati dalam keadaan bertaubat daripada perbuatan mengumpat, maka dia adalah orang terakhir masuk syurga. Dan barangsiapa yang mati dalam keadaan berterusan dengan perbuatan mengumpat, maka dia adalah orang pertama yang akan masuk neraka.

Nabi ﷺ bersabda:

«مَرَرْتُ لَيْلَةَ أُسْرِيَ بِي عَلَى قَوْمٍ يَخْمُشُونَ وُجُوهَهُمْ بِأَظْفَارِهِمْ، فَقِيلَ لِي: هَؤُلَاءِ الَّذِينَ يَغْتَابُونَ النَّاسَ.»

Ertinya: "Pada malam peristiwa isra' aku telah berjalan melalui suatu kaum yang mencakar muka-muka mereka dengan kuku-kuku mereka. Maka aku dimaklumkan: Mereka adalah orang yang mengumpat."[50]

Ketahuilah bahawa batasan bagi mengumpat sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah ﷺ ialah kamu memperkatakan tentang perihal yang tidak disukai oleh saudara kamu sekiranya perkara tersebut sampai kepadanya walaupun kamu benar,

---

[50] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud secara musnad dan mursal. Riwayat secara musnad adalah lebih sahih.

sama ada kamu menyebut tentang kekurangan pada dirinya, akalnya, pakaiannya, perbuatannya, perkataannya, rumahnya, keturunannya, kenderaannya mahu pun sesuatu yang berkait dengannya. Hal ini termasuklah ucapan kamu seperti; *"Sesungguhnya lengan bajunya terlalu luas, atau pakaiannya terlalu labuh."*

Pernah disebutkan dihadapan baginda Rasulullah ﷺ; "Betapa lemahnya orang itu," lalu baginda Rasulullah ﷺ bersabda: *"Kamu telah mengumpatnya."*[51]

Dan Sayyidah 'Aishah pernah menunjukkan isyarat tangannya kepada seorang perempuan yang memberi maksud perempuan itu pendek. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda: *"Kamu telah mengumpatnya."*[52]

Maka dengan demikian, diketahui bahawa mengumpat itu bukan sekadar hanya terbatas pada ucapan lidah sahaja bahkan tiada beza antara pemahaman yang terhasil daripada tangan, simbol, isyarat, pergerakan, penceritaan atau kiasan yang difahami seperti kata-kata kamu; *"Sesungguhnya*

---

[51] Diriwayatkan oleh Imam al-Tabarani dengan sanad yang dhaif.

[52] Riwayat Imam Ahmad dan asalnya daripada Imam Abu Daud dan al-Tirmizi dan Imam al-Tirmizi mensahihkannya dengan lafaz yang lain.

sebahagian daripada kaum kerabat kami dan sebahagian daripada kawan-kawan kami begini dan begini…"

Dan ketahuilah bahawa seburuk-buruk jenis mengumpat ialah umpatan ahli al-Qurra'.[53] Contohnya mereka berkata; *"Segala puji bagi Allah yang tidak menguji kami dengan menghampiri pemerintah untuk menuntut keduniaan," atau; "Kami berlindung dengan Allah daripada kurangnya sifat malu,"* sedangkan mereka memahami maksud yang dikehendaki dengan ucapan tersebut.

Antara kata-kata mereka; *"Alangkah baiknya sekiranya si fulan itu tidak diuji seperti mana kami diuji. Dia kurang sabar terhadap dunia maka kami memohon kepada Allah Ta'ala untuk menyelamatkan kami,"* sedangkan tujuan ucapan mereka adalah untuk mengumpat.

Justeru mereka menghimpunkan antara mengumpat dan riya' serta menzahirkan sifat menyerupai orang soleh yang berwaspada daripada mengumpat. Dan inilah keburukan-keburukan yang mereka tertipu dengannya sedangkan menyangkakan mereka telah meninggalkan perbuatan mengumpat.

---

[53] Penuntut ilmu atau ulama'.

Dan demikian juga, kadangkala seseorang itu mengumpat tentang sesuatu sedangkan perkara itu telah pun diabaikan oleh orang yang berada dalam suatu majlis dengan berkata; "Maha suci Allah, ini sungguh menakjubkan," sehingga membuatkan orang ramai memberi perhatian untuk mendengar kata-katanya. Maka dia menggunakan ucapan zikir bagi membenarkan tindakan buruknya.

Ada juga yang berkata; *"Hatiku sibuk teringatkan akan si fulan. Moga Allah ampunkan dosa-dosa kami dan dosa-dosanya,"* sedangkan tujuan sebenarnya bukanlah untuk berdoa sebaliknya untuk memperkenalkan keburukan orang lain. Sekiranya ucapan itu bermaksud untuk berdoa sepatutnya dia menyembunyikannya. Dan sekiranya seseorang itu bersedih hatinya disebabkan perbuatan orang lain, sepatutnya dia menutup keaiban dan maksiat orang lain tersebut.

Demikian juga perihal kepada pendengar, kadangkala terzahir rasa cenderung dengan ucapan orang yang mengumpat sehingga membuatkan bertambahnya kesungguhan untuk mengumpat, sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ:

«وَالْمُسْتَمِعُ أَحَدُ الْمُغْتَابَيْنِ»

Ertinya: “Dan orang yang mendengar umpatan termasuk dalam kalangan orang yang mengumpat.”[54]

Justeru, bagaimana pula perihal orang yang menggerakkan keghairahan untuk mengumpat?

Demikian juga kadangkala seseorang itu berkata; *“Janganlah mengumpat si fulan,”* sedangkan hatinya tidak benci terhadap umpatan tersebut namun tujuan ucapan tersebut adalah untuk dikenali sebagai orang yang wara’. Hal ini juga tidak mengeluarkan seseorang daripada dosa mengumpat selagi mana dia tidak membenci dengan hatinya terhadap umpatan tersebut serta tidak terjebak dengan dosa riya’. Maka seseorang itu akan terkeluar daripada dosa mengumpat sekiranya hatinya membenci perbuatan mengumpat dan mendustakan apa yang disampaikan oleh pengumpat dan tidak mempercayainya disebabkan pengumpat itu adalah fasiq yang berhak untuk didustakan.

Seorang muslim yang disebutkan dalam sesuatu umpatan berhak untuk disangka dengan sangkaan yang baik. Rasulullah ﷺ bersabda:

---

[54] Riwayat al-Tabarani dengan sanad yang dhaif.

«إِنَّ اللهَ حَرَّمَ مِنَ الْمُسْلِمِ دَمَهُ وَعِرْضَهُ وَمَالَهُ وَأَنْ يُظَنَّ بِهِ ظَنُّ السُّوءِ.»

Ertinya: "Sesungguhnya Allah memuliakan darah, maruah dan harta seorang muslim serta Allah mengharamkan seseorang muslim itu disangka dengan sangkaan yang buruk."[55]

Maka mengumpat dengan hati adalah haram sebagaimana mengumpat dengan lidah juga adalah haram melainkan seseorang itu terpaksa untuk mengetahuinya yang tidak boleh diabaikan.

Waktu yang diberi rukhsah[56] untuk mengumpat?

Hanyasanya terdapat 6 keadaan yang diberi keringanan untuk mengumpat:

Pertama: Orang yang dizalimi mengadu tentang kezaliman yang dilakukan oleh orang yang zalim

[55] Riwayat Imam al-Baihaqi dalam *al-Shu'ab* dengan sanad yang dhaif. Manakala Imam Muslim dan Ibn Majah meriwayatkan dengan lafaz:كل المسلم حرام دمه وماله وعرضه

[56] Rukhsah di sini bermaksud keringanan yang diizinkan oleh syara'. Mahmud Abdul Rahman Abd Mun'im, Dr. (t.t.) *Mu'jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Dar al-Fadhilah, j.2, h. 135-136.

terhadapnya ketika menghadap pihak pemerintah bagi menghentikan kezaliman tersebut.

Sekiranya mengadu kepada selain daripada pemerintah atau pihak yang tidak mampu menghalang kezaliman, maka adalah tidak boleh.

Al-Hajjaj pernah diumpat dihadapan sebahagian ulama' salaf lantas mereka berkata: *"Sesungguhnya Allah akan membalas ke atas orang yang mengumpat al-Hajjaj sebagaimana Allah juga akan menghukum al-Hajjaj terhadap perbuatannya yang zalim."*

Kedua: Orang yang diminta bantuan untuk mengubah kemungkaran harus baginya untuk diperdengarkan umpatan tersebut.

Ketiga: Orang yang ingin mendapatkan fatwa sekiranya perlu untuk menyebutkan umpatan tersebut ketika pertanyaannya sebagaimana pertanyaan Hindun kepada Nabi ﷺ; *"Sesungguhnya Abu Sufian seorang suami yang kedekut tidak memberi nafkah yang secukupnya kepada saya."* Ini adalah merupakan suatu pengaduan namun dihalalkan sekiranya terdapat faedah daripadanya untuk mengetahui sesuatu hukum.

Keempat: Memperingatkan seorang muslim mengenai kejahatan seseorang sekiranya dia mengetahui dan jika dia tidak menyebutnya nescaya akan diterima persaksian orang tersebut. Sebagaimana seseorang itu memberi tahu kepada pembayar zakat mengenai perihal amil yang akan dibuat urusan dengannya atau kepada orang yang akan bernikah mengenai perihal orang yang akan dinikahinya. Sekiranya dia membiarkan urusan tersebut berlaku sehingga dapat mendatangkan kemudharatan maka dia boleh memberitahu keburukan pihak tersebut kepada siapa yang akan terkena mudharat itu sahaja.

Kelima: Ketika seseorang itu hanya dikenali dengan nama yang tidak elok seperti al-A'mash (Si Rabun), al-A'raj (Si Tempang). Namun sekiranya seseorang itu menyebut mereka dengan nama yang lain adalah lebih baik.

Keenam: Sekiranya seseorang itu terang-terang melakukan keaiban bahkan berbangga-bangga di khalayak ramai maka tidak makruh untuk menyebut keaiban tersebut seperti orang pondan dan pemilik rumah pelacuran.

Al-Hasan berkata; *"Tiga golongan yang tidak dikira sebagai mengumpat ke atas mereka ialah orang*

yang mengikut hawa nafsu, orang fasiq yang jelas sifat fasiqnya dan pemerintah yang zalim."

Kegelinciran Lidah 3: Suka berbantah-bantah dan berdebat (al-Mira' wa al-mujadalah)

Nabi ﷺ bersabda:

«مَن تَركَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُحِقٌّ بُنِيَ لَهُ بَيْتٌ فِي أَعْلَى الْجَنَّةِ، وَمَنْ تَركَهُ وَهُوَ مُبْطِلٌ بُنِيَ لَهُ بَيْتٌ فِي رَبَضِ الجنَّةِ.»

Ertinya: *"Barangsiapa yang meninggalkan perdebatan sedangkan dia berada di pihak yang benar, akan dibina baginya mahligai di dalam syurga yang tertinggi. Baransiapa yang meninggalkan perdebatan sedangkan dia berada di pihak yang batil, akan dibina baginya mahligai di tepian syurga."*[57]

---

[57] Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan al-Tirmizi dan dia berkata; hadis Hasan.

Dan Nabi ﷺ bersabda:

«لَا يَسْتَكْمِلُ عَبْدٌ حَقِيقَةَ الْإِيمَانِ حتَّى يَدَعَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُحِقٌّ.»

Ertinya: *"Seseorang hamba itu tidak dapat menjadi sempurna pada hakikat keimanan sehinggalah dia meninggalkan perdebatan walaupun dia adalah benar."*[58]

Maksud perdebatan itu ialah membalas hujahan terhadap ucapan orang lain dengan menzahirkan kekurangannya sama ada dengan lafaz atau makna.

Dan kadangkala pendorong terhadap berlakunya perdebatan ialah kerana ingin meninggi diri dengan menzahirkan kelebihan diri dan sebabnya pula ialah kebodohan yang teruk, dan kadangkala pendorong terhadap perdebatan adalah kerana tabiat kebinatangan (al-sabu'iyyah) yang terdapat dalam tabiat diri yang dijelmakan untuk memperlekehkan orang lain dan mengalahkannya.

Justeru, suka berbantah-bantah dan berdebat dapat menguatkan kedua-dua sifat buruk ini yang membinasakan. Bahkan wajib bagi seseorang itu untuk membenarkan apa yang dia dengar tentang kebenaran dan berdiam diri ketika mendengar

---

[58] Diriwayatkan oleh Ibn Abi al-Dunya dengan sanad yang dhaif.

tentang kesalahan, melainkan sekiranya dengan menyebutnya mempunyai faedah agama dan ucapannya dapat didengari oleh orang lain lalu dia mengingatkan orang lain dengan lembut dan bukannya dengan kekerasan.

Kegelinciran Lidah 4: Berlebihan dalam bergurau

Berlebihan dalam bergurau menyebabkan banyak ketawa, mematikan hati, mewariskan sifat dendam, menjatuhkan kemuliaan dan kehormatan.

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ يُضحِكُ بِهَا جُلَسَاءَهُ فَيَهْوِي بِهَا أَبْعَدَ مِنَ الثُّرَيَّا.»

Ertinya: "Sesungguhnya seorang yang bercakap dengan suatu ucapan bertujuan untuk orang ramai ketawa

dengannya, maka akan dicampakkannya ke dalam neraka yang lebih jauh dari bintang-bintang."[59]

Dan Nabi ﷺ bersabda:

«لَا تُمَارِ أَخَاكَ وَ لَا تُمَازِحْهُ»

Ertinya: *"Janganlah kamu berdebat dengan saudara kamu dan janganlah kamu mempermainkannya."*[60]

Dan ketahuilah bahawa bergurau dengan kadar sedikit dalam sebahagian waktu adalah tidak mengapa terutamanya ketika bersama dengan isteri dan kanak-kanak bagi menggembirakan hati mereka.

Dikisahkan tentang perkara ini daripada Rasulullah ﷺ namun baginda bersabda:

«إِنِّي لَأَمْزَحُ وَلَا أَقُولُ إِلَّا حَقًّا.»

Ertinya: "Sesungguhnya aku bergurau dan tidaklah aku bercakap melainkan yang benar."[61]

---

[59] Dikeluarkan oleh Ibn Abi al-Dunya dengan sanad yang hasan dan diriwayatkan oleh al-Syaikhan (Imam al-Bukhari dan Muslim) sepertinya.

[60] Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dia berkata; hadis gharib.

Dan tidak semudah itu bagi orang lain mengikut kaedah yang dilakukan oleh baginda nabi.

Dan sesungguhnya diriwayatkan bahawa baginda pernah bersaing dengan 'Aishah dalam berlumba lari.[62]

Nabi ﷺ pernah berkata kepada seorang wanita tua:

((لَايَدْخُلُ الْجَنَّةَ عَجُوزٌ.))

Ertinya: "Orang tua tidak akan masuk syurga."[63]

Iaitu tidak akan menjadi tua orang yang masuk syurga.

Dan nabi ﷺ pernah bertanya kepada seorang kanak-kanak:

((يَا أَبَا عُمَيْرٍ، مَا فَعَلَ النُّغَيْرُ ؟))

Ertinya: "Wahai bapa 'Umair, apa yang dilakukan oleh al-Nughair?"[64]

---

[61] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmizi dengan lafaz yang hampir dan dia berkata; hadis hasan sahih.
[62] Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan Ibn Majah.
[63] Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan telah disebut dalam takhrij terdahulu.

Al-Nughair ialah anak burung merpati yang menjadi mainan kanak-kanak tersebut.

Dan Nabi ﷺ pernah berkata kepada Suhaib ketika dia sedang makan tamar:

«أَتَأْكُلُ التَّمْرَ وَأَنْتَ رَمِدٌ ؟ فَقَالَ إِنَّمَا آكُلُ بِالشِّقِّ الآخَرِ، فَتَبَسَّمَ رَسُولُ اللهِ ﷺ.»

Ertinya: *"Adakah kamu makan tamar sedangkan kamu sakit mata? Lalu beliau menjawab; Aku makan pada bahagian lain, lalu Rasulullah ﷺ pun tersenyum."*[65]

Justeru, inilah dan seumpamanya contoh-contoh yang termasuk dalam gurauan yang dibolehkan dengan syarat perbuatan ini tidak dilakukan sebagai suatu kebiasaan.

---

[64] Muttafaqun 'Alaih.

[65] Diriwayatkan oleh Ibn Majah, al-Hakim dan perawi-perawinya adalah thiqah.

Kegelinciran Lidah 5: Berlampauan dalam pujian

Sebagaimana yang berlaku kepada kebiasaan orang ramai ketika menziarahi golongan pembesar dan pemerintah yang mempunyai pangkat dan kerabat yang merupakan anak-anak dunia (al-Muhtasyimin) serta sebagaimana yang berlaku kepada kebiasaan golongan tukang cerita (al-Qussas) dan pemberi peringatan (al-Muzakkir) yang memuji orang-orang kaya yang hadir di dalam majlis-majlis mereka.

Terdapat enam penyakit dalam pujian. Empat penyakit berlaku kepada orang yang memuji manakala dua penyakit berlaku kepada orang yang dipuji.

Pertama: Sesungguhnya seseorang itu berlebih-lebihan dalam memuji maka dia menyebutnya dengan sesuatu yang tidak sepatutnya terhadap orang yang dipuji. Maka dia telah menjadi seorang pendusta.

Kedua: Seseorang itu menzahirkan kecintaan terhadap orang yang dipuji dengan perkara-perkara yang dia sendiri tidak menyakininya. Maka dia telah menjadi seorang munafiq dan riya'.

Ketiga: Seseorang itu memperkatakan sesuatu yang dia sendiri tidak pasti, Maka dia menjadi seorang yang tergesa-gesa seperti kata-katanya; “Sesungguhnya dia seorang yang adil, Sesungguhnya dia seorang yang wara’,” dan lain-lain lagi ucapan yang seseorang itu sendiri tidak pasti.

Pernah seorang lelaki telah memuji seseorang di hadapan Rasulullah ﷺ lalu baginda bersabda:

«وَيْحَكَ قَطَعْتَ عُنُقَ صَاحِبِكَ ،إِنْ كَانَ لَابُدَّ مِنْ كَوْنِ أَحَدِكُمْ مَادِحًا أَخَاهُ، فَلْيَقُلْ : أَحْسَبُ فُلَانًا وَ لَا يُزَكِّي عَلَى اللهِ أَحَدًا، حَسِيبُهُ اللهُ إِنْ كَانَ يَرى أَنَّهُ كَذَلِكَ.»

Ertinya: *“Celaka kamu, kamu telah memotong leher sahabat kamu, Sekiranya seseorang itu ingin memuji saudaranya maka hendaklah dia berkata; Aku menyangka si fulan seorang yang….dan bukanlah aku memujinya sebagai orang yang suci di sisi Allah. Allah lah sebagai penghitungnya sekalipun seseorang itu memang mengetahui tentang perihal saudaranya.”*[66]

---

[66] Muttafaqun ‘Alaih daripada hadis Abi Bakrah yang seumpamanya dan diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi al-Al-Dunya

Keempat: Seseorang itu menggembirakan orang yang dipujinya. Boleh jadi orang yang dipujinya itu seorang yang zalim, maka dia telah melakukan maksiat dengan memasukkan kegembiraan dalam hatinya.

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ اللَّهَ لَيَغْضَبُ إِذَا مُدِحَ الْفَاسِقُ.»

Ertinya: *"Sesungguhnya Allah murka apabila dipuji orang yang fasiq."*[67]

Al-Hasan telah berkata; "Barangsiapa yang menyeru kepada orang fasiq untuk terus kekal dengan kefasiqannya, maka sesungguhnya dia lebih suka untuk melakukan maksiat."

Justeru, orang yang zalim dan fasiq sepatutnya dicela agar dia terputus keinginannya terhadap kezaliman dan kefasiqan.

Adapun bagi orang yang dipuji, salah satu penyakit hati yang akan terkena padanya ialah:

---

dengan lafaz penulis. Imam Abu Daud dan Ibn Majah meriwayatkannya dengan lafaz yang hampir dengan hadis ini.

[67] Diriwayatkan oleh Ibn Abi al-Dunya dan al-Baihaqi dengan sanad yang dhaif.

(Kelima) Orang yang dipuji akan berlaku dalam dirinya sifat sombong atau berasa takjub dengan diri sendiri sedangkan kedua-duanya adalah perkara yang membinasakan. Oleh sebab itu, nabi ﷺ bersabda yang bermaksud: *“Kamu telah memotong leher sahabat kamu.”*

(Keenam) Orang yang dipuji akan berasa gembira dengan pujian terhadapnya lalu menyebabkan dia menjadi lemah untuk beramal dan redha dengan keadaan dirinya yang dipuji.

Nabi ﷺ bersabda:

«لَوْ مَشى رَجُلٌ إِلَى رَجُلٍ بِسِكِّينٍ مُرْهَفٍ كَانَ خَيْرًا لهُ مِنْ أَنْ يُثْنِيَ عَلَيْهِ

فِي وَجْهِهِ.»

Ertinya: *“Sekiranya seseorang itu berjalan kepada orang lain dengan membawa pisau yang tajam lebih baik daripada dia memuji orang tersebut di hadapannya.”*[68]

Sekiranya sesuatu pujian itu terselamat daripada penyakit-penyakit ini terhadap orang yang memuji

---

[68] Imam al-‘Iraqi berkata; Aku tidak mendapati asal bagi sanad hadis ini. Imam al-Zabidi tidak menyatakan komentarnya dalam *al-Ithaf*.

dan orang yang dipuji, maka tidak mengapa pujian tersebut bahkan disunatkan memujinya.

Nabi ﷺ bersabda:

«لَوْ وُزِنَ إِيمَانُ أَبِي بَكْرٍ بِإِيمَانِ الْعَالَمِينَ لَرَجَحَ.»

Ertinya: *"Sekiranya ditimbang Iman Abu Bakr berbanding dengan Iman sekalian alam nescaya berat lagi timbangan Iman Abu Bakr."*[69]

Nabi ﷺ bersabda:

«لَو لَمْ أُبعَثْ لَبُعِثْتَ يَا عُمَرُ.»

Ertinya: *"Sekiranya bukan aku yang diutuskan sebagai rasul, nescaya kamulah wahai Umar yang akan diutuskan sebagai rasul."*

Dan sesungguhnya Rasulullah ﷺ memuji ramai dalam kalangan sahabat kerana baginda mengetahui bahawa pujian beliau akan menambahkan kesungguhan mereka dan tidak mewariskan rasa takjub dengan kelebihan diri.

---

[69] Diriwayatkan oleh Ibn 'Adi dan al-Dailami daripada hadis Ibn 'Umar dengan sanad yang dhaif. Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam *Shu'ab al-Iman* secara mauquf setakat 'Umar dengan isnad yang sahih.

Bagaimana seorang yang dipuji untuk selamat?
Orang yang dipuji wajib untuk meneliti akan bahaya penghujung daripada pujian, perincian riya', penyakit amalan dan mengingati apa-apa yang dia ketahui tentang keburukan batin dalam dirinya terutama apa-apa yang terdapat dalam fikirannya. Sekiranya orang yang memujinya mengetahui tentang perkara-perkara tersebut nescaya orang tersebut akan menahan pujiannya.

Justeru, seharusnya orang yang dipuji menzahirkan tidak suka terhadap pujian dan membencinya di dalam hati. Perkara ini diisyaratkan dengan sabda nabi ﷺ:

«احْثُوا التُّرَابَ فِي وُجُوهِ الْمَدَّاحِينَ.»

Ertinya: "Taburkanlah tanah ke atas muka orang yang memuji."[70]

Dan sebahagian daripada para sahabat ketika dipuji mereka membaca doa:

اَللَّهُمَّ إِنَّ عَبْدَكَ هَذَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ بِمَقْتِكَ وَأَنَا أُشْهِدُكَ عَلَى مَقْتِهِ.

---

[70] Diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan lafaz;
احثوا فى وجوه المداحين التراب.

Ertinya: “Ya Allah, sesungguhnya hambaMu ini mendekatkan aku kepada kemurkaanMu, dan aku bersaksi kepadaMu terhadap kemurkaannya.”

Dan Sayyidina Ali’ ﵁ ketika dipuji beliau membaca doa:

اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا لَا يَعْلَمُون، وَلَا تُؤَاخِذْنِي بِمَا يَقُولُون، وَاجْعَلْنِي خَيْرًا مِمَّا يَظُنُّونَ.

Ertinya: *“Ya Allah, ampunkanlah aku terhadap perkara yang mereka tidak tahu. Janganlah engkau menyeksa aku terhadap apa yang mereka perkatakan. Dan jadikanlah aku lebih baik daripada apa yang mereka sangkakan.”*

Sifat Tercela 3: Marah

Ketahuilah bahawa marah itu adalah nyalaan api yang diambil daripada api Allah yang dinyalakan, yang dapat membakar sehingga sampai ke hati. Dan barangsiapa yang hatinya dikuasai dengan perasaan marah, sesungguhnya hatinya telah bersegera ke saluran syaitan. Sesungguhnya syaitan adalah makhluk yang diciptakan daripada api.

Dan menahan diri daripada marah berlebihan adalah termasuk daripada perkara penting dalam agama. Nabi ﷺ bersabda:

«لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرَعَةِ إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ.»

Ertinya: *"Bukanlah orang yang kuat itu adalah orang hebat dalam berlawan. Sebaliknya orang yang kuat ialah orang yang mampu menahan dirinya ketika marah."*[71]

Nabi ﷺ bersabda:

«الْغَضَبُ يُفْسِدُ الْإِيمَانَ كَمَا يُفْسِدُ الصَّبِرُ الْعَسَلَ.»

---

[71] Muttafaqun 'Alaih.

Ertinya: "Marah itu dapat merosakkan iman sebagaimana cuka itu dapat merosakkan madu."[72]

Nabi ﷺ bersabda:

((مَا غَضَبَ أَحَدٌ إِلَّا أَشْفَي عَلَى جَهَنَّمَ.))

Ertinya: "Tidaklah seseorang itu marah melainkan hanya mendekatkan dirinya dengan neraka jahannam."[73]

Dan seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah; "Wahai Rasulullah, apakah perkara yang paling dahsyat? Rasulullah menjawab: Kemurkaan Allah. Lalu lelaki itu bertanya lagi; Justeru, apakah yang dapat menyelamatkanku daripada kemurkaan Allah? Nabi menjawab: Hendaklah kamu tidak marah."[74]

Dan pernah seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah ﷺ; "Perintahkanlah aku dengan suatu amal yang aku perlu kurangkan? Nabi ﷺ bersabda: Janganlah kamu marah."[75]

---

[72] Diriwayatkan oleh Imam al-Tabarani dan al-Baihaqi dengan sanad yang dhaif.
[73] Diriwayatkan oleh Imam al-Bazzar dan Ibn 'Adi dengan isnad yang dhaif.
[74] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibn 'Abd al-Bar dan Ibn Hibban menghukum hadis ini sebagai sahih.
[75] Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan al-Tirmizi.

Bagaimana tidak diambil berat mengenai penyakit marah sedangkan marah itu boleh membawa kepada penyakit zahir iaitu memukul, mencela dan mengumpat serta penyakit batin iaitu iri hati, hasad, menzahirkan keburukan, gembira dengan musibah yang menimpa orang lain, suka menyebarkan rahsia, membuka keaiban yang terselindung, seronok dengan musibah yang menimpa orang yang dibencinya serta berdukacita dengan nikmat yang diperolehi oleh orang lain. Justeru, setiap satu daripada sifat-sifat buruk ini adalah suatu kebinasaan.

Mengubati sifat marah

Terdapat dua tugas bagi kamu sekiranya ingin mengubati sifat marah:

Pertama: Mematahkannya dengan cara latihan.

Dan bukanlah maksud saya mematahkan itu ialah dengan membuangnya kerana sifat ini tidak dapat dihilangkan sepenuhnya dan tidak harus untuk dilenyapkan. Bahkan sekiranya sifat marah ini lenyap daripada seseorang wajib untuk dia mendapatkannya kembali. Hal ini kerana marah itu adalah alat berperang dengan orang-orang kafir,

mencegah kemungkaran dan memperbanyak amalan kebaikan.

Sifat marah itu ibarat seperti anjing pemburu. Latihan tersebut hanya diperlukan untuk menjinakkan sifat marah sehingga tunduk kepada akal dan syara'. Maka sifat marah itu hanya akan bangkit dengan arahan akal dan syara' dan akan tenang dengan arahan kedua-duanya serta sesekali tidak akan menyalahi kedua-duanya sebagaimana akurnya anjing pemburu terhadap tuannya. Kesemua ini boleh terjadi dengan melawan nafsu (mujahadah) iaitu dengan membiasakan diri dengan sifat penyantun dan menanggung dengan penuh sabar ketika terdedah kepada perkara-perkara yang menimbulkan kemarahan.

Kedua: Mengawal sifat marah ketika ia memberontak dengan menahan diri dengan diam tanpa bicara dan dibantu dengan panduan ilmu dan amal.

Adapun panduan ilmu: Seseorang itu hendaklah mengetahui bahawa tiada sebab untuk marah melainkan dia mengingkari terhadap sesuatu yang telah ditetapkan mengikut kehendak Allah yang sememangnya bukan mengikut kehendaknya

sendiri. Dan perkara ini merupakan kemuncak kejahilan.

Di samping itu, seseorang itu hendaklah mengetahui bahawa kemurkaan Allah ke atasnya adalah lebih besar daripada kemarahannya atas sesuatu. Sesungguhnya kemuliaan Allah adalah sangat besar sedangkan berapa ramai orang yang telah berbuat maksiat dan menyalahi perintahNya. Justeru kenapa seseorang itu hendak marah kepada Allah sekiranya orang lain menyalahi perintahnya. Dan segala perintahnya kepada hamba, ahli keluarga dan teman-temannya tidaklah menjadi lebih wajib dipatuhi berbanding perintah Allah ke atas dirinya.

Adapun panduan amal: Seseorang itu hendaklah membaca:

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيم

Ertinya: "Aku memohon perlindungan Allah daripada syaitan yang direjam."

Hal ini kerana dia mengetahui punca kemarahan itu adalah datang daripada syaitan.

Sekiranya dia masih tidak tenang, maka hendaklah dia duduk sekiranya dia masih berdiri ketika marah. Dan hendaklah dia berbaring sekiranya dia masih

dalam keadaan duduk ketika marah. Hal ini adalah berdasarkan hadis.[76] Perubahan kedudukan postur seseorang itu memberi kesan kepada proses untuk bertenang.

Sekiranya seseorang itu masih belum tenang maka hendaklah dia mengambil wudhu'. Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ الْغَضَبَ مِنْ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ مِنَ النَّارِ وَإِنَّمَا تُطْفَأُ النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ.»

Ertinya: "Sesungguhnya marah itu daripada syaitan dan syaitan diciptakan daripada api. Sementara api akan dapat dipadamkan dengan air. Sekiranya salah seorang daripada kamu marah, maka hendaklah dia berwudhu'."[77]

[76] Diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi al-Dunya dengan isnad yang sahih suatu hadis dengan makna tersebut. Dan Imam Ahmad turut meriwayatkannya dalam *Musnad*nya dan demikian juga Abu Daud dan Ibn Hibban.

[77] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Ahmad dan al-Tabarani dalam *al-Mu'jam al-Kabir*.

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ الْغَضَبَ جَمْرَةٌ فِي قَلْبِ ابْنِ آدَمَ أَلا ترَون إِلَى حُمْرَةِ عَيْنَيْهِ وَانْتِفَاخِ أَوْدَاجِهِ فَمَنْ وَجَدَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَلْيَضْرِبْ خَدَّهُ بِالْأَرْضِ.»

Ertinya: "Sesungguhnya marah itu adalah batu api di dalam hati anak Adam. Tidakkah kamu melihat kepada merahnya mata dan membengkaknya urat orang yang marah. Sekiranya kamu mendapati keadaan tersebut berlaku, maka pukullah pipinya dengan tanah."[78]

Perkara ini adalah memberi isyarat dengan meletakkan anggota yang paling mulia iaitu muka kepada tempat yang paling hina iaitu tanah bagi mematahkan sifat sombong yang merupakan sebab besar berlakunya marah. Di samping itu perkara ini juga memberi isyarat bagi menyedarkan bahawa seseorang itu adalah hamba yang hina maka tidak layak untuk sombong.

[78] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan dia berkata; hasan sahih.

Rasulullah ﷺ bersabda:

«إِنَّ الرَّجُلَ لَيُدرِكُ بِالْحِلْمِ دَرَجَةَ الصَّائِمِ الْقَائِمِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيُكْتَبُ جَبَّارًا وَمَا يَمْلِكُ إِلَّا أَهْلَ بَيْتِهِ.»

Ertinya: "Sesungguhnya seorang yang penyabar dan pemaaf itu dapat mencapai darjat orang yang mendirikan malam dengan ibadah dan berpuasa. Dan sesungguhnya akan ditulis baginya sebagai orang yang perkasa terhadap apa yang dimilikinya melainkan kepada ahli keluarganya."[79]

Nabi ﷺ bersabda:

«مَنْ كَظَمَ غَيْظًا وَلَوْ شَاءَ أَنْ يُمْضِيَهُ لَأَمْضَاهُ مَلَأَ اللهُ قَلْبَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَمْنًا وَإِيمَانًا.»

Ertinya: "Barangsiapa yang dapat menahan kemarahan ketika mana sekiranya dia ingin melepaskannya dia mampu melakukannya, nescaya Allah akan memenuhkan

---

[79] Diriwayatkan oleh Imam al-Tabarani dengan sanad dhaif dan diriwayatkan juga oleh Abu Nu'aim dalam *al-Hilyah*.

hatinya pada hari kiamat dengan penuh keamanan dan keimanan."[80]

Nabi ﷺ bersabda:

«مَا مِنْ جُرْعَةٍ أَحَبَّ إِلَى اللهِ مِنْ جُرْعَةِ غَيْظٍ يَكْظِمُهَا عَبْدٌ، مَا كَظَمَهَا عبدٌ لِلَّهِ إِلَّا مَلَأَ جَوْفَهُ إِيمَانًا.»

Ertinya: "Tiada suatu tegukan yang paling disukai Allah melainkan tegukan kemarahan yang ditahan oleh seorang hamba. Tidaklah seorang hamba itu menahan kemarahannya melainkan Allah akan memenuhkan dadanya dengan iman."[81]

---

[80] Diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi al-Dunya dengan isnad yang dhaif dan Imam al-Tirmizi meriwayatkan seumpamanya dengan sanad yang hasan.

[81] Diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi al-Dunya dan pada hadisnya dhaif. Dan terdapat hadis-hadis dalam kitab-kitab Sahih tentang perihal menahan kemarahan.

Sifat Tercela 4: Hasad

Rasulullah ﷺ bersabda:

«الْحَسَدُ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ.»

Ertinya: "Hasad itu akan memakan amalan kebaikan sebagaimana api memakan kayu-kayu kering."[82]

Rasulullah ﷺ bersabda:

«ثَلَاثٌ لَا يَنْجُو مِنْهُنَّ أَحَدٌ : الظَّنُّ وَالطِّيَرَةُ وَالْحَسَدُ وَسَأُحَدِّثُكُمْ بِالْمَخْرَجِ مِنْ ذَلِكَ، إِذَا ظَنَنْتَ فَلَا تُحَقِّقْ، وَإِذَا تَطَيَّرْتَ فَامْضِ، وَإِذَا حَسَدْتَ فَلَا تَبْغِ.»

Ertinya: "Tiga perkara yang seseorang itu tidak dapat berlepas diri daripadanya iaitu berprasangka, ramalan dan hasad. Dan aku akan menceritakan kepada kamu jalan keluar daripadanya. Apabila kamu berprasangka maka janganlah kamu menyakininya adalah benar. Dan apabila kamu melihat tanda-tanda ramalan buruk maka

[82] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Ibn Majah dengan isnad yang dhaif dan al-Khatib dengan isnad yang hasan.

teruskanlah urusanmu. Dan sekiranya timbul rasa hasad maka janganlah kamu mengikutinya."[83]

Nabi ﷺ bersabda:

«دَبَّ إِلَيْكُمْ دَاءُ الْأُمَمِ قَبْلِكُمْ الْحَسَدُ وَالْبَغْضَاءُ،وَالْبَغْضَاءُ هِيَ الْحَالِقَةُ.»

Ertinya: "Telah menular dalam kalangan kamu penyakit-penyakit umat terdahulu iaitu hasad dan benci. Dan kebencian itu adalah pemusnah kepada agama."[84]

Nabi Zakaria عليه السلام berkata; Allah Ta'ala telah berfirman yang bermaksud: *"Orang yang hasad adalah musuh kepada nikmatKu, pembenci kepada ketetapanKu dan tidak redha dengan agihanKu yang telah Aku bahagikan antara hamba-hambaKu."*

Ketahuilah bahawa hasad itu adalah haram dan hasad itu ialah kamu suka untuk menghilangkan nikmat yang terdapat pada orang lain atau kamu suka dengan turunnya musibah ke atas orang lain.

Dan tidaklah haram untuk berlumba-lumba (munafasah) iaitu kamu cemburu (ghibtah) terhadap nikmat yang diperolehi oleh orang lain dan kamu

---

[83] Diriwayatkan oleh Ibn Abi al-Dunya dan dalam sanadnya terdapat dua orang perawi yang dhaif manakala riwayat al-Tabarani seperti riwayat Ibn Abi al-Dunya.

[84] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan al-Bazzar dengan isnad yang baik.

berkeinginan untuk memiliki seumpamanya tanpa menghilangkan nikmat tersebut daripadanya.

Dan diharuskan untuk suka dengan kehilangan nikmat daripada orang yang sekiranya dia memperolehi nikmat itu akan membantunya untuk melakukan kezaliman dan maksiat kerana kamu bukan bermaksud menghilangkan nikmat sebaliknya kamu suka dengan lenyapnya kezaliman. Dan buktinya, sekiranya seseorang itu meninggalkan kezaliman dan maksiat kamu tidak suka akan hilangnya nikmat tersebut daripadanya.

Punca hasad sama ada disebabkan kesombongan, permusuhan dan kekotoran jiwa ketika mana seseorang itu kedekut dengan nikmat Allah terhadap hambanya tanpa mempunyai tujuan yang munasabah.

Mengubati sifat hasad

Ketahuilah bahawa hasad termasuk antara penyakit-penyakit besar bagi hati. Dan penyakit hati tidak dapat diubati melainkan dengan penawar ilmu dan amal.

Adapun pengubatan melalui ilmu:

Penawarnya ialah seseorang itu hendaklah mengetahui bahawa sifat hasadnya itu dapat mendatangkan mudharat kepada dirinya sendiri dan sedikitpun tidak memudharatkan orang yang dihasad bahkan mendatangkan manfaat kepada orang yang dihasadnya.

Adapun hasad itu dapat membahayakan dirinya dengan membatalkan segala kebaikannya dan mendedahkan dirinya kepada kemurkaan Allah ketika mana dia tidak berpuas hati dengan ketentuan Allah dan kedekut dengan nikmat Allah yang telah Allah luaskan nikmatNya kepada hambaNya daripada perbendaharaanNya. Dan ini adalah merupakan bahaya terhadap agamanya.

Adapun bahaya terhadap dunianya ialah seseorang itu akan sentiasa berada dalam keadaan sedih dan berdukacita kerana itulah yang dikehendaki oleh musuh terhadap lawannya. Sesungguhnya tujuan yang paling penting dan penuh nikmat bagi seorang musuh ialah apabila orang yang dihasadnya bersedih. Sesungguhnya orang yang hasad inginkan musibah kepada musuhnya namun akhirnya dia yang mendapat musibah tersebut.

Dan orang yang kuat hasad tidak terlepas daripada kesedihan dan musibah ketika mana musuhnya atau salah seorang daripada mereka berada dalam kenikmatan.

Dan adapun hasad itu dapat memberi manfaat kepada musuhnya dan bukannya bahaya kerana kenikmatan itu tidak dapat hilang dengan hasad musuhnya bahkan hasad itu melipat gandakan kebaikan orang yang dihasad iaitu akan dipindahkan segala kebaikan orang yang hasad kepada dirinya terutama sekiranya musuhnya berlampauan dalam mencacinya. Sesungguhnya dia menjadi mangsa kezaliman orang yang hasad kepadanya.

Orang yang hasad menuntut untuk hilangnya nikmat dunia daripada musuhnya walau bagaimana pun yang berlaku ialah bertambah pada musuhnya kenikmatan akhirat. Sedangkan orang yang hasad itu bukan sahaja mendapat azab di dunia bahkan turut akan mendapat azab di akhirat.

Orang yang hasad itu ibarat seperti orang yang melemparkan batu kepada musuhnya namun tidak mengenai musuhnya tetapi kembali mengenai matanya lalu membutakan matanya. Ditambah pula dengan kegembiraan musuhnya iaitu iblis.

Sesungguhnya orang yang hasad itu akan hilang nikmat dan hilang redha dengan ketentuan Allah. Sekiranya dia redha dengan ketentuan Allah sudah tentu dia akan mendapat pahala terutamanya jika dia cemburu terhadap ilmu dan wara’ dan berkeinginan untuk memperolehinya. Hal ini kerana orang yang mencintai ilmu pahalanya adalah besar.

Adapun pengubatan melalui amali:

Orang yang hasad hendaklah mengetahui tentang hukum hasad dan segala yang berkaitan dengannya sama ada dari segi perkataan dan perbuatan. Maka dia hendaklah menyanggahi dan melawan sifat hasad dengan memuji orang yang dihasadnya, menzahirkan kegembiraan dengan nikmatnya serta tawadhu’ terhadapnya.

Oleh yang demikian, orang yang dihasadnya berubah menjadi kawannya, menghilangkan sifat hasad dan membebaskan daripada dosa dan kesakitan.

Firman Allah ﷻ:

﴿ٱدۡفَعۡ بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِي بَيۡنَكَ وَبَيۡنَهُۥ عَدَٰوَةٞ كَأَنَّهُۥ وَلِيٌّ حَمِيمٞ ۝﴾

Ertinya: “Tolaklah (kejahatan Yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila Engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.”

Surah Fussilat: 34

Bagaimana untuk membebaskan daripada dosa hasad?

Sudah tentu jiwa kamu tidak setuju untuk menyamakan antara musuh kamu dan teman kamu? Bahkan kamu tidak suka perkara buruk menimpa teman kamu namun tidak demikian sekiranya dia musuh kamu. Kamu gembira dengan nikmat yang ada pada teman kamu namun tidak demikian sekiranya dia musuh kamu.

Kamu akan menjawab; *“Aku tidak akan dibebani dengan perkara yang aku tidak mampu.”*

Sekiranya kamu tidak mampu untuk menyamakan antara musuh dan teman, maka hendaklah kamu membebaskan daripada dosa hasad dengan 2 perkara:

Pertama: Hendaklah kamu tidak menzahirkan sifat hasad melalui lidah, anggota dan amalan pilihan kamu. Bahkan hendaklah kamu melawan segala puncanya.

Kedua: Hendaklah kamu benci terhadap diri sendiri sekiranya kamu suka terhadap hilangnya nikmat daripada salah seorang hamba Allah. Sekiranya rasa benci seiring dengan faktor agama iaitu dengan suka kepada hilangnya nikmat yang dituntut secara tabiat, maka terhindarlah kamu daripada dosa. Dan kamu tidak dituntut untuk mengubah tabiat kerana kamu tidak mampu untuk melakukannya dalam kebanyakan keadaan,

Dan tanda benci itu ialah sekiranya kamu mampu unuk menghilangkan nikmat seseorang sedangkan kamu tidak melakukannya bahkan kamu suka dengannya. Dan sekiranya kamu mampu untuk membantu seseorang untuk terus kekal dalam kenikmatannya atau bertambah nikmatnya, lalu kamu melakukannya berserta rasa benci kamu terhadap perkara tersebut, maka kamu tidak berdosa terhadap apa yang menjadi tabiat kamu.

Sesungguhnya tabiat itu hanya dapat dikuasai oleh orang yang sangat mencintai tuhannya tanpa peduli kepada apa jua kritikan (al-Mustahtar billah), yang

memutuskan pandangannya daripada dunia dan makhluk. Bahkan dia mengetahui bahawa penerima nikmat itu sekiranya ditentukan Allah berada di dalam neraka maka tiada manfaat nikmat tersebut. Dan sekiranya penerima nikmat itu ditentukan Allah untuk berada dalam syurga, maka apakah nilai nikmat tersebut berbanding syurga Allah.

Bahkan dia melihat setiap makhluk adalah hamba Allah maka dia mencintai mereka kerana mereka merupakan hamba kepada kekasihnya. Dan wajib seseorang itu menzahirkan kesan nikmat kekasihnya ke atas hamba Alah. Ini adalah keadaan yang jarang berlaku dan tidak termasuk dalam perkara yang dipertanggungjawab (taklif).

Sifat Tercela 5: Bakhil dan Cinta Harta

Dan ketahuilah bahawa sifat bakhil termasuk di antara perkara besar yang membinasakan (muhlikat).

Firman Allah ﷻ:

﴿ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ۞ ﴾

Ertinya: "Dan sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya."

Surah al-Hashr: 9

Dan firman Allah ﷻ:

﴿ وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ هُوَ خَيْرًا لَّهُم ۖ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ ۖ ﴾

Ertinya: "Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil Dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya -menyangka Bahawa

keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. bahkan ia adalah buruk bagi mereka.”

Surah Ali ‘Imran: 180

Dan firman Allah ﷻ:

﴿ٱلَّذِينَ يَبۡخَلُونَ وَيَأۡمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلۡبُخۡلِ وَيَكۡتُمُونَ مَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضۡلِهِۦۗ وَأَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ عَذَابٗا مُّهِينٗا ۝﴾

Ertinya: “Iaitu orang yang bakhil dan menyuruh manusia supaya bakhil serta menyembunyikan apa-apa jua yang Allah berikan kepada mereka dari limpah kurniaNya, dan (sebenarnya) Kami telah sediakan bagi orang kafir itu azab seksa yang amat menghina.”

Surah al-Nisa’: 37

Nabi ﷺ bersabda:

«إِيَّاكُمْ وَالْبُخْلَ، فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ»

Ertinya: "Jauhilah diri kamu daripada bakhil. Sesungguhnya sifat bakhil itu telah membinasakan umat terdahulu."[85]

Nabi ﷺ bersabda:

«السَّخَاءُ شَجَرَةٌ تَنْبُتُ فِي الْجَنَّةِ فَلَا يَلِجُ الْجَنَّةَ إِلَّا سَخِيٌّ، وَالْبُخْلُ شَجَرَةٌ تَنْبُتُ فِي النَّارِ فَلَا يَلِجُ النَّارَ إِلَّا بَخِيلٌ.»

Ertinya: "Sifat pemurah itu adalah suatu pohon yang tumbuh di dalam syurga, maka hanya golongan pemurah yang akan masuk dalam syurga. Manakala sifat bakhil itu adalah pohon yang tumbuh di dalam neraka, maka golongan bakhil itu pasti memasuki neraka."[86]

---

[85] Terdapat hadis dengan lafaz; «إياكم والشح...» yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dan di dalam kitab *Kanz al-'Ummal* daripada Ibn Jarir; «إياكم والبخل فإن البخل دعا أقواما فمنعوا زكاتهم ...».

[86] Diriwayatkan oleh Imam al-Daraqutni dengan lafaz yang hampir dan di dalam sanad hadis ini terdapat perawi yang amat lemah dan Imam Ibn Hibban meriwayatkan hadis ini dalam kitab *al-Dhu'afa'*.

Rasulullah ﷺ bersabda:

«ثَلَاثٌ مُهْلِكَاتٌ شُحٌّ مُطَاعٌ وَهَوًى مُتَّبَعٌ وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ»

Ertinya: *"Terdapat tiga perkara yang membinasakan; bakhil yang ditaati, hawa nafsu yang diikuti serta rasa berbangga terhadap diri sendiri."*[87]

Rasulullah ﷺ bersabda:

«شَرُّ مَا فِي رَجُلٍ شُحٌّ هَالِعٌ وَجُبْنٌ خَالِعٌ»

Ertinya: *"Seburuk-buruk sifat yang terdapat pada diri seseorang ialah bakhil lagi tamak haloba dan penakut lagi tidak malu mengikut hawa nafsu."*[88]

Rasulullah ﷺ bersabda:

«إِنَّ اللهَ يُبْغِضُ الْبَخِيلَ فِي حَيَاتِهِ، السَّخِيَّ عِنْدَ مَوْتِهِ.»

---

[87] Diriwayatkan oleh Imam al-Tabarani di dalam *al-Mu'jam al-Awsat*, Al-Bazzar dan Abu Nu'aim. Kesemua mereka meriwayatkan dengan sanad yang dhaif.
[88] Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dengan sanad yang baik.

Ertinya: *"Sesungguhnya Allah benci terhadap orang yang bakhil ketika hidupnya dan orang yang pemurah ketika hampir kematiannya."*[89]

Rasulullah ﷺ bersabda:

«السَّخِيُّ الْفَاجِرُ أَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنَ الْعَابِدِ الْبَخِيلِ.»

Ertinya: *"Orang pemurah yang melakukan dosa lebih dicintai Allah berbanding dengan ahli ibadah yang bakhil."*[90]

Rasulullah ﷺ bersabda:

«لَا يَجْتَمِعُ اثْنَانِ فِي مُؤْمِنٍ: الْبُخْلُ وَسُوءُ الْخُلُقِ.»

Ertinya: *"Tidak akan terhimpun dua sifat dalam diri seseorang mukmin iaitu bakhil dan akhlak yang buruk."*[91]

---

[89] Pengarang kitab *al-Firdaus* menyebutnya sedangkan anaknya tidak meriwayatkannya. Imam al-'Iraqi berkata: Aku tidak menemui baginya sanad. Imam al-Suyuti berkata: Diriwayatkan oleh al-Khatib dalam kitab al-Bukhala' daripada Sayyidina 'Ali ؓ.

[90] Petikan daripada hadis riwayat Imam al-Tirmizi dan beliau mengatakan; hadis gharib.

[91] Diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'i, Ibn Hibban dan al-Hakim dengan lafaz;«لا يجتمع شح وإيمان في قلب عبد أبدا.» =

Punca bakhil ialah cintakan harta

Ketahuilah bahawa punca kedekut ialah cintakan harta yang merupakan sifat yang tercela. Orang yang tidak mempunyai harta tidak terzahir sifat kedekutnya dengan menahan harta, sebaliknya dapat terzahir dengan sifat cintakan harta.

Boleh jadi seseorang itu pemurah namun cintakan harta, hal ini kerana dia menjadi pemurah untuk disebut-sebut sebagai seorang dermawan. Justeru, sifat ini juga adalah tercela kerana cintakan harta akan membuatkan seseorang itu lalai daripada mengingati Allah, menumpukan hatinya kepada keduniaan dan seseorang itu akan dihukum berdasarkan hubungannya dengan harta sehingga dia merasa berat untuk mati sedangkan kematian itu adalah merupakan jalan untuk bertemu dengan Allah.

Firman Allah ﷻ:

﴿يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَـٰدُكُمْ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَـٰسِرُونَ ۝﴾

=Ertinya: *"Tidak akan terhimpun sifat kedekut dan iman di dalam hati seorang hamba."*

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya). dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi."

Surah al-Munafiqun: 9

Firman Allah ﷾:

﴿وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّمَآ أَمۡوَٰلُكُمۡ وَأَوۡلَٰدُكُمۡ فِتۡنَةٞ ﴾

Ertinya: *"Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian (fitnah)."*

Surah al-Anfal: 28

Firman Allah ﷾:

﴿أَلۡهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ۝﴾

Ertinya: *"Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat Dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh)."*

Surah al-Takathur: 1

Nabi ﷺ bersabda:

«لَا تَتَّخِذُوا الضَّيْعَةَ ، فَتُحِبُّوا الدُّنْيَا»

Ertinya: *"Janganlah kamu membolot kekayaan tanah (al-Dhai'ah) kerana kamu akan mencintai dunia."*[92]

Dan nabi ﷺ pernah ditanya: "Siapakah umatmu yang paling jahat?" Nabi ﷺ bersabda:

«الْأَغْنِيَاءُ.»

Ertinya: *"Orang yang kaya."*[93]

Dan Nabi ﷺ bersabda:

«مَنْ أَخَذَ مِنَ الدُّنْيَا فَوْقَ مَا يَكْفِيهِ أَخَذَ حَتْفَهُ وَهُوَ لَا يَشْعُرُ.».

Ertinya: *"Sesiapa yang mengambil dunia melebihi daripada yang secukup bagi dirinya, maka dia telah*

---

[92] Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan al-Hakim dan al-Hakim telah mensahihkan isnadnya manakala al-Tirmizi mengatakan; hadis hasan.

[93] Imam al-'Iraqi berkata: gharib dan aku tidak jumpa hadis ini dengan lafaz demikian. Imam al-Zabidi mendatangkan riwayat lain dalam kitab *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*.

menemui kebinasaan sedangkan dia tidak menyedarinya.”[94]

Seorang lelaki telah berkata:

“Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku tidak suka akan kematian. Nabi ﷺ bertanya; Adakah kamu memiliki harta? Beliau menjawab; Ya. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda: Dahulukanlah harta kamu ke dalam syurga. Sesungguhnya hati seseorang itu adalah bersama hartanya. Sekiranya dia mendahulukan hartanya ke dalam syurga, sudah tentu dia akan suka untuk bertemu dengan kematian. Sekiranya dia melewat-lewatkan hartanya daripada masuk ke dalam syurga, sudah tentu dia suka untuk lewat mati.”[95]

Nabi ﷺ bersabda:

«إِذَا مَاتَ الْعَبْدُ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ مَا قَدَّمَ؟ وَقَالَ النَّاسُ مَا خَلَّفَ؟»

---

[94] Imam al-‘Iraqi berkata: Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan pada sanadnya dhaif.

[95] Imam al-‘Iraqi berkata: Aku tidak menemuinya, namun diriwayatkan oleh Ibn al-Mubarak dalam kitab *al-Zuhud* dan Abu al-Nu’aim dalam kitab *al-Hilyah*.

Ertinya: “Apabila seseorang itu mati, malaikat akan bertanya; Apa yang kamu bawa? Manusia menjawab; Apa yang telah dia tinggalkan?”[96]

Nabi ﷺ bersabda:

«تَعِسَ عَبْدُ الدِّرْهَمِ، تَعِسَ عَبْدُ الدِّينَارِ، تَعِسَ وَانْتَكَسَ وَإِذَا شِيكَ فَلَا انْتُقِشَ»

Ertinya: “Celakalah hamba dirham, celakalah hamba dinar. Celaka dan binasalah dia. Apabila duri terkena pada anggotanya, maka tidak ada orang yang mengasihaninya.”[97]

Harta secara zatnya tidaklah tercela

Ketahuilah bahawa harta itu bukanlah tercela dalam setiap keadaan kerana Rasulullah ﷺ bersabda:

---

[96] Diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi dalam kitab Syu’ab al-Iman.

[97] Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari namun tidak terdapat lafaz; وإذا شيك

«نِعْمَ الْمَالُ الصَّالِحُ لِلرَّجُلِ الصَّالِحِ»

Ertinya: "Sebaik-baik harta yang elok adalah untuk orang yang soleh."[98]

Nabi ﷺ bersabda:

«الدُّنْيَا مَزْرَعَةُ الْآخِرَةِ»

Ertinya: "Dunia itu adalah ladang akhirat."[99]

Dan mana mungkin harta itu tercela secara mutlak sedangkan seorang hamba itu merupakan seorang musafir yang sedang menuju kepada Allah, dunia adalah merupakan tempat persinggahan dalam permusafirannya dan anggota badannya adalah merupakan kenderaannya. Seseorang itu tidak mungkin dapat menuju kepada Allah melainkan dengan menggunakan kenderaannya iaitu anggota badan. Anggota badan seseorang itu tidak dapat bertahan dalam perjalanannya melainkan dengan

---

[98] Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Tabarani dengan sanad yang sahih.

[99] Imam al-'Iraqi berkata: Aku tidak berjumpa hadis dengan lafaz ini secara marfu' dan al-'Uqaili meriwayatkan dalam kitab *al-Dhu'afa'* dan Abu Bakr bin Lal dalam kitab *Ni'mat al-Dar al-Al-Dunya liman Tazawwadu minha lil Akhirah* dan isnadnya adalah dhaif. Lihat *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*: 10/628.

mengambil makanan dan mengenakan pakaian. Tidak ada cara untuk mendapatkan makanan dan pakaian melainkan dengan memperolehi harta. Namun barangsiapa yang yang memahami faedah harta dan mengetahui bahawa harta adalah alat untuk memberi makan kepada kenderaannya dalam menempuh perjalanan menuju Allah, maka dia tidak akan cenderung kepada harta dan tidak mengambilnya melainkan sekadar bekalan perjalanannya sahaja. Sekiranya seseorang itu hanya berpada dengan keadaan tersebut maka dia akan bahagia. Sebagaimana sabda Nabi ﷺ kepada ‘Aishah رضي الله عنها:

«إِذَا أَرَدْتِ اللِّحَاقَ بِي فَاقْنِعِي مِنَ الدُّنْيَا بِزَادِ الرَّاكِبِ، وَلَا تُجَدِّدِي وَلَا تَخْلِعِي قَمِيصًا حَتَّى تَرْقِعِيهِ.»

Ertinya: “Sekiranya kamu ingin berjumpa denganku di akhirat kelak, maka berpadalah dalam mengambil dunia sekadar bekalan seorang musafir, Janganlah kamu

memperbaharui dan membuang pakaian sehingga kamu memperbaikinya.”[100]

Nabi ﷺ berdoa:

«اَللَّهُمَّ اجْعَلْ قُوتَ آلِ مُحَمَّدٍ كَفَافًا.»

Ertinya: *“Ya Allah, jadikanlah makanan ahli keluarga Muhammad sekadar mencukupi.”*[101]

Sekiranya seseorang itu mengambil dunia melebihi kadar secukupnya nescaya dia akan binasa. Sebagaimana sabda nabi ﷺ:

«مَنْ أَخَذَ مِنَ الدُّنْيَا فَوْقَ مَا يَكْفِيهِ أَخَذَ حَتْفَهُ وهلك وَهُوَ لا يَشْعُرُ»

Ertinya: *“Sesiapa yang mengambil dunia melebihi daripada yang secukup bagi dirinya, maka dia telah menemui kebinasaan sedangkan dia tidak menyedarinya.”*[102]

---

[100] DIriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan al-Hakim. Hadis ini adalah gharib.
[101] Muttafaqun ‘Alaih.
[102] Dikeluarkan oleh al-Bazzar daripada hadis Anas dengan sanad yang dhaif.

Dan demikian bagi seorang musafir, sekiranya dia mengambil barang-barang yang melebihi daripada keperluan bekalan perjalanan, nescaya dia akan mati di bawah bebanan berat barang-barang tersebut sedangkan dia masih belum sampai ke tempat tujuannya. Maka, berlebih-lebihan ke atas kadar secukupnya adalah suatu kebinasaan daripada 3 sudut:

Pertama: Mendorong kepada maksiat.

Hal ini kerana dia berkesempatan untuk melakukan maksiat daripada harta yang diperolehi dan sukar untuk terhindar daripada kemaksiatan. Dan ujian kenikmatan itu lebih besar daripada ujian kesengsaraan atau kesempitan hidup. Dan sabar daripada melakukan maksiat di saat berkemampuan untuk melakukannya adalah suatu yang amat berat.

Kedua: Mendorong kepada menikmati perkara-perkara yang harus.

Dan ini adalah kedudukan yang lebih rendah justeru jasadnya membesar dengan menikmati perkara-perkara harus dan dia mungkin tidak dapat bersabar sekiranya tidak dapat merasainya. Dan demikian dia tidak mungkin dapat berterusan dalam kenikmatan melainkan dengan meminta bantuan daripada orang lain dan meminta perlindungan kepada orang-orang

yang zalim. Kesemua ini membawa kepada nifaq, dusta, riya', permusuhan dan kebencian. Dan daripada sifat ini menerbitkan sejumlah perkara-perkara yang membinasakan. Oleh sebab itu nabi ﷺ bersabda:

((حُبُّ الدُّنْيَا رَأْسُ كُلِّ خَطِيئَةٍ.))

Ertinya: *"Cintakan dunia adalah punca utama kepada segala dosa."*[103]

Ketiga: Melalaikan daripada mengingati Allah ﷻ.

Mengingati Allah itu adalah asas kebahagiaan akhirat. Namun hati yang cintakan dunia akan sibuk dengan permusuhan terhadap golongan yang berjaya, berkira-kira dengan rakan kongsi, merancang strategi untuk waspada daripada musuh, merancang untuk mengembangkan lagi harta dan bagaimana untuk memperolehinya terlebih dahulu, kemudian penjagaannya dan seterusnya mengeluarkannya. Kesemua perkara ini menggelapkan hati, menghilangkan kesuciannya dan melalaikannya daripada mengingati Allah.

---

[103] Diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi al-Dunya dan al-Baihaqi dalam *Shu'ab al-Iman* daripada riwayat al-Hasan secara mursal. Imam al-Suyuti menghukumkan hadis ini sebagai dhaif.

Sebagaimana firman Allah Ta’ala:

﴿أَلۡهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ۝ حَتَّىٰ زُرۡتُمُ ٱلۡمَقَابِرَ ۝ كَلَّا سَوۡفَ تَعۡلَمُونَ

۝ ثُمَّ كَلَّا سَوۡفَ تَعۡلَمُونَ ۝ كَلَّا لَوۡ تَعۡلَمُونَ عِلۡمَ ٱلۡيَقِينِ ۝

لَتَرَوُنَّ ٱلۡجَحِيمَ ۝ ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا عَيۡنَ ٱلۡيَقِينِ ۝ ثُمَّ لَتُسۡـَٔلُنَّ

يَوۡمَئِذٍ عَنِ ٱلنَّعِيمِ ۝﴾

Ertinya: “Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh). Sehingga kamu masuk kubur. Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)! Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)!

Demi sesungguhnya! kalaulah kamu mengetahui - (Apa yang kamu akan hadapi) - dengan pengetahuan yang yakin, (tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekalan kamu untuk hari Akhirat). (Ingatlah) Demi sesungguhnya! - kamu akan melihat neraka yang marak menjulang.Selepas itu - Demi sesungguhnya! - kamu (Wahai orang-orang yang derhaka) akan

melihatnya Dengan penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)! Selain dari itu, Sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)!"

Surah al-Takathur: 1

Kadar kecukupan harta

Sudah tentu kamu ingin mengetahui kadar kecukupan harta? Kamu akan berkata; "Tiada seorang pun dalam kalangan kaya melainkan akan mendakwa bahawa apa yang terdapat di tangannya masih belum sampai kadar secukupnya."

Maka ketahuilah bahawa harta yang paling penting ialah harta yang dapat memperolehi makanan dan pakaian sahaja.

Sekiranya kamu meninggalkan perbuatan bermewah-mewah dalam berpakaian, maka akan cukup bagi kamu dalam setahun 2 dinar bagi musim sejuk dan musim panas. Lalu daripada duit tersebut kamu mendapatkan pakaian yang kasar bagi mengatasi cuaca panas dan sejuk.

Sekiranya kamu meninggalkan tabiat bermewah-mewah dalam pemakanan dan telalu kenyang ketika makan dalam semua keadaan kamu, maka akan

cukup bagi kamu satu cupak (mud),[104] maka dalam setahun cukup bagi kamu 500 kati (ritl).[105] Maka cukuplah bagi perbelanjaan makanan kamu -sekiranya kamu tidak berlebih-lebihan dan memadai dengan mengambil sedikit pemakanan dalam kebanyakan waktu makan- sekitar 3 dinar dalam setahun ketika harga barang mahal.

Justeru, jumlah secukupnya bagi kamu ialah 5 dinar dan 500 kati. Dan ini adalah kadar kecukupan harta bagi perbelanjaan orang bujang.

Sekiranya kamu berkeluarga, maka ambillah perkiraan bagi setiap ahli keluarga seumpama kadar kecukupan harta bagi seorang bujang.

Sekiranya kamu orang yang bekerja dan pekerjaan kamu dalam sehari dapat mencukupkan keperluan dalam satu hari, maka apabila telah selesai kerja maka sibukkanlah diri kamu dengan ibadah.

---

[104] Mud ialah sukatan dan menurut pandangan mazhab Hanafi ialah 1,032 liter dan menurut pandangan jumhur ialah 0. 687 liter.

[105] Ritl (kati) sekiranya disebut secara umum dalam perkara furu' fiqh bermaksud ritl Baghdad atau ritl 'Iraq. Ritl 'Iraq menurut pandangan mazhab Hanafi 130 dirham atau menyamai =406.25 gram. Manakala mazhab jumhur ritl 'Iraq ialah 128 dirham 4 asba' iaitu 382.5 gram. Lihat 'Ali Jum'ah, Dr. (2001), *al-Makayil wa al-Mawazin al-Syar'iyyah*, c. 2, Kaherah: al-Quds, h. 29-30.

Sekiranya kamu mencari lebih daripada itu maka kamu termasuk dalam kalangan ahli dunia.

Sekiranya kamu tidak bekerja kerana sibuk dengan ilmu dan ibadah namun kamu memiliki simpanan harta, maka termasuk juga kadar kecukupan harta kebiasaannya sepertimana yang disebutkan di atas.

Aku juga berharap agar kamu tidak menjadi dalam kalangan ahli dunia terutama pada zaman ini. Sesungguhnya hati-hati manusia telah berubah dan hatinya telah dikuasai dengan sifat kedekut serta hilang kesungguhan untuk mencari golongan yang memerlukan bantuan. Justeru, cukupkanlah harta dengan kadar ini lebih utama daripada meminta-minta. Perkara ini boleh terjadi dengan syarat berlaku dalam keadaan kamu suka dan tidak menunjukkan dengan ketara kelaparan dan kesejukan sehingga kamu membuang dan meninggalkannya, kamu tidak benci untuk mati dan tidak cinta terhadap harta.

Kamu hendaklah menjadikan harta itu -yang merupakan tempat masuk makanan kamu- ibarat seperti tandas (al-Khala') iaitu tempat buang sisa-sisa perut kamu. Kamu hanya memerlukannya ketika kecemasan sahaja.

Sekiranya kamu dapat melepaskan diri daripada cintakan harta dengan kerelaanmu, kamu dapat terkeluar daripada larangan dalam sabda nabi ﷺ:

«لَا تَتَّخِذُوا الضَّيْعَةَ فَتُحِبُّوا الدُّنْيَا.»

Ertinya: "Janganlah kamu memiliki harta, kerana kamu akan mencintai dunia."[106]

Sesungguhnya, sekiranya kamu berniat untuk mengosongkan masa kamu dengan ibadah bertujuan untuk membantu agama, hakikatnya kamu adalah orang yang mempunyai bekal dan bermusafir, bukannya orang yang cederung kepada harta.

Dan boleh jadi sebahagian manusia tidak dapat menanggung rasa kecukupan dengan kadar yang telah saya sebutkan sebelum ini melainkan setelah seseorang itu bersungguh-sungguh dan melalui kepayahan.

---

[106] Diriwayatkan oleh al-Hakim dan beliau menghukumkannya sebagai sahih pada isnadnya dan diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan beliau menghukumnya sebagai hasan dan juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan lafaz; فترغبوا

Tidaklah menjadi suatu kesalahan dalam agama sekiranya berlakunya pertambahan terhadap kadar yang ditetapkan ini. Seseorang itu tidak menjadi dalam kalangan anak dunia dan tidak pula terkeluar daripada golongan anak akhirat serta golongan yang bermusafir kepada Allah selagi mana dia berniat mendapatkan harta bagi menghindari kesakitan yang dapat melalaikannya daripada mengingati Allah dan beribadah tanpa bertujuan untuk bersedap-sedap dan bermewah-mewah dengan dunia. Kemudian sekiranya terdapat lebihan daripada makanan, dia akan memberi kepada orang yang susah dan memerlukannya.

Dan setelah diberikan keringanan ini, tidak ada pendorong lain bagi pertambahan terhadap kadar harta dunia melainkan untuk berseronok-seronok (al-Tana'um) atau untuk bersedekah (al-Tasadduq) atau sebagai penyelamat sekiranya hartanya ditimpa musibah. (al-Istizhar).

Sekiranya seseorang itu mencari harta untuk berseronok-seronok, maka dia akan tersasar daripada jalan menuju kepada Allah dan menyibukkan diri dengan dunia.

Sekiranya seseorang itu mencari harta untuk bersedekah, maka meninggalkan harta itu lebih utama daripada bersedekah. Nabi ‘Isa عليه السلام berkata; “Wahai orang yang mencari dunia, kamu akan binasa. Maka sekiranya kamu meninggalkan dalam pencarian dunia adalah lebih baik dan lebih baik.”

Sekiranya seseorang itu mencari harta sebagai penyelamat kerana takut kepada musibah, maka tiada sebab untuk melakukannya kerana perbuatan itu merupakan buruk sangka yang tiada kesudahannya. Sebaliknya seseorang itu hendaklah menolaknya dengan berbaik sangka dengan perancangan Allah iaitu dengan menggambarkan bahawa sesuatu harta itu boleh ditimpa dengan musibah walaupun masih belum berlaku. Sebagaimana seseorang itu juga dapat menggambarkan bahawa akan terbuka baginya rezeki daripada pintu yang tidak disangka-sangka.

Firman Allah سبحانه وتعالى:

﴿وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجٗا ٢ وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ﴾

Ertinya: *“Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya).*

Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.”

Surah al-Talaq: 2-3

Dan sekiranya seseorang itu tidak ditimpa dengan sebarang musibah dan keadaan ini adalah jarang-jarang berlaku, maka seseorang hamba itu tidak sepatutnya menyakini bahawa dengan dia selamat- sepanjang umurnya- adalah suatu yang pasti. Bahkan bencana itu dapat menjernihkan hati, mensucikannya dan mengosongkannya daripada kesemua sifat-sifat buruk.

Oleh sebab itu, ujian dan musibah ini diberikan kepada para nabi, kemudian kepada para wali, kemudian kepada golongan yang seumpama mereka dan seterusnya, maka mereka menyerahkan urusan dunia berdasarkan limpahan kurniaan Allah.

Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya kamu tidak akan ditimpa dengan musibah melainkan padanya terdapat kebaikan dan pilihan kamu. Sesungguhnya Allah itu yang mengatur alam al-mulk dan alam al-malakut dan lebih mengetahui tentang perkara yang terbaik bagi kamu.

Harta itu ibarat seperti ubat

Apa yang saya sebutkan ini adalah secara lebih kurang, boleh jadi bertambah dan berkurang atas seseorang berdasarkan ijtihad dalam sebahagian individu dan dalam sebahagian keadaan. Namun saya percaya dengan pasti bahawa harta itu ibarat seperti ubat iaitu dapat memberi manfaat daripadanya dengan kadar yang tertentu dan boleh membunuh sekiranya dengan kadar yang berlebihan. Sekiranya hampir kepada berlebihan dalam mengambilnya juga akan mengakibatkan seseorang itu sakit walaupun tidak membunuhnya.

Justeru, kamu hendaklah bersungguh-sungguh untuk mendekati harta hanya sekadar darurat dan waspadalah daripada berlebihan dan bermewah-mewah dengan harta kerana demikian itu adalah bahaya yang besar. Dan tidaklah ketika proses pengurangan mengambil harta melainkan akan berhadapan dengan sedikit kesusahan pada hari-hari-hari tertentu.

Dan orang yang mempunyai keyakinan yang mantap tidak akan berasa berat untuk menjadikan dirinya lapar demi menyambut keraiannya dalam syurga firdaus kerana mengetahui bahawa kelazatan di dalam syurga adalah berdasarkan kadar kelaparannya di dunia.

Batasan kedekut

Sudah tentu kamu ingin mengetahui tentang batasan[107] kedekut iaitu seseorang itu kadangkala berasa syak sama ada dia kedekut ataupun tidak. Dan ramai orang berbeza pendapat tentangnya.

Maka ketahuilah bahawa batasan kedekut itu ialah menghalang diri daripada pemberian terhadap apa yang diwajibkan syara' atau menjaga maruah diri. Janganlah kamu menyangkakan bahawa seseorang yang menyerahkan sesuatu pemberian kepada isterinya dan kaum kerabatnya yang diwajibkan oleh qadhi lalu menyempitkan pemberiannya selepas itu dengan kadar sesuap tidaklah dianggap sebagai kedekut walaupun padanya terdapat ketetapan syara'. Dan sekiranya seseorang itu mengembalikan roti atau daging kepada penjual roti dan penyembelih haiwan disebabkan berkurangnya sedikit kadar timbangannya tidaklah dianggap sebagai kedekut walaupun padanya terdapat hak dari sudut syara'.

Sesungguhnya makna ketentuan syara' dalam pemberian ini ialah bertujuan memutuskan permusuhan golongan yang kedekut melalui

---

[107] Batasan sesuatu ialah suatu pernyataan yang menerangkan tentang hakikat perihal sesuatu. Lihat Jurjani al- (2004), *Op.cit.*, h. 74.

penentuan kadar yang mampu dikeluarkan oleh orang yang kedekut.

Oleh sebab itu Allah berfirman:

﴿إِن يَسْـَٔلْكُمُوهَا فَيُحْفِكُمْ تَبْخَلُواْ وَيُخْرِجْ أَضْغَٰنَكُمْ ۝﴾

Ertinya: *“(Tabiat kamu Wahai manusia) jika Tuhan meminta kepada kamu harta benda kamu serta mendesak kamu memberikannya, nescaya kamu akan berlaku bakhil kedekut, dan kebakhilan itu akan melahirkan kemarahan dan kebencian kamu.”*

Surah Muhammad: 37

Bahkan hendaklah seseorang itu memelihara maruah dirinya dan menolak persepsi buruk terhadap dirinya. Perkara ini adalah berbeza mengikut perbezaan individu dan kadar hartanya.

Sesiapa yang memiliki harta dan berkemampuan sedikit untuk memutuskan sindiran dan celaan orang yang perasan tentang perihal dirinya yang kedekut, namun tidak melakukan pemberiannya, maka dia adalah kedekut walaupun pemberian itu tidaklah menjadi suatu kewajipan kepadanya.

Nabi ﷺ bersabda:

((مَا وَقَى الْمَرْءُ بِهِ عِرْضَهُ فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ.))

Ertinya: *“Setiap apa yang dapat memelihara maruah diri dengan hartanya, maka pemberiannya itu adalah sedekah.”*[108]

Dan hakikatnya pada harta itu dijadikan mempunyai faedah dengan sebabnya harta itu disimpan dan dalam memberinya kepada orang lain juga mempunyai faedah. Maka selagimana terzahir bagi seseorang bahawa faedah pemberian itu lebih besar daripada faedah menyimpannya, kemudian sukar baginya untuk membelanjakannya maka dia adalah seorang kedekut yang mencintai harta.

Dan tidak sepatutnya harta itu dicintai pada sifat kebendaannya tetapi disebabkan faedahnya. Maka gunakanlah harta kepada faedahnya yang paling kuat. Justeru, memelihara maruah adalah lebih utama dan lebih kuat faedahnya berbanding

---

[108] Diriwayatkan oleh Abu Ya’la, Ibn ‘Adi daripada hadis Jabir dan dia mendhaifkannya. Dan di dalam kitab *Fath al-Bari* dinyatakan: Diriwayatkan seumpamanya oleh Muslim daripada hadis Huzaifah dan diriwayatkan juga oleh al-Daraqutni dan al-Hakim.

daripada bermewah-mewah dengan makanan yang banyak sebagai contohnya.

Dan kadang-kadang kedekut dan cintakan harta membuatkan seseorang itu jahil tentang faedah yang paling kuat dan utama dan inilah kedekut yang paling teruk. Sekiranya dia mengetahui tentang faedah tersebut namun berasa susah untuk memberikan hartanya dan memberikan hartanya secara terpaksa maka dia juga dikira kedekut.

Sesungguhnya seseorang itu akan terlepas daripada sifat kedekut sekiranya dia tidak berasa berat hati ketika membelanjakan hartanya kepada perkara-perkara yang sepatutnya dibelanjakan menurut pertimbangan akal dan syara'.

Dan darjat golongan pemurah tidak akan dapat diperolehi melainkan dengan memberikan hartanya dengan kadar yang melebihi daripada kadar kewajipan syara' dan kehormatan diri.

Mengubati sifat kedekut

Sudah tentu kamu mahu untuk memahami tentang cara mengubati sifat kedekut. Maka ketahuilah bahawa ubatnya ialah penawar yang terdiri daripada aspek ilmu dan amal.

Adapun penawar melalui aspek ilmu ialah kamu hendaklah mengetahui tentang terdapatnya kebinasaan pada sifat kedekut pada hari akhirat dan kehinaan di dunia dan harta itu tidak akan mengikutnya-sekalipun kekal- sehingga ke kuburnya. Harta itu hanyalah milik Allah yang diberikan kepada seseorang untuk digunakan kepada perkara-perkaranya yang penting.

Kamu hendaklah mengetahui bahawa menahan harta sekiranya memilikinya adalah untuk berseronok-seronok dengan nafsu semata-mata, maka sesuatu yang diperkatakan dengan baik dan pahala akhirat adalah lebih besar dan lazat daripadanya. Memenuhi kehendak syahwat adalah tabiat binatang manakala memenuhi kehendak syara' adalah merupakan tabiat orang yang berakal.

Sekiranya seseorang itu menyimpan hartanya untuk ditinggalkan kepada anaknya, maka seolah-olah dia meninggalkan sesuatu yang baik untuk anaknya sedangkan dia menghadap tuhannya dengan keburukan dan inilah kejahilan yang sebenar. Bagaimana tidak? Jika anaknya seorang yang baik, maka Allahlah yang akan mencukupkan rezeki anak tersebut dan sekiranya anaknya seorang yang fasiq maka dia akan menggunakan harta tersebut untuk melakukan maksiat. Justeru bapanya menjadi

penyebab kepada anaknya kekal dalam maksiat, maka dialah yang terkena mudarat sedangkan orang lain sedang berseronok-seronok dengan hartanya.

Dan penawar melalui aspek amal pula ialah seseorang itu hendaklah membuatkan dirinya membelanjakan hartanya walaupun berasa berat hati dan sentiasa melakukannya sehinggalah perbuatan itu menjadi adat kebiasaannya. Dan antara strategi helahnya untuk menundukkan hati ialah dengan memujuk hatinya dengan mendapat nama yang baik dan akan mendapat balasan sehinggalah hatinya suka untuk memberi. Kemudian setelah itu secara berperingkat-peringkat dia menghilangkan sifat ini daripada dirinya.

Sifat Tercela 6: Cinta Kedudukan dan Kemegahan

﴿ تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا ۚ وَٱلْعَـٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ۝ ﴾

Ertinya: "Negeri akhirat (yang telah diterangkan nikmat-nikmatnya) itu, Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.

Surah al-Qasas: 83

Rasulullah ﷺ bersabda:

«حُبُّ الْمَالِ وَ الْجَاهِ يُنْبِتَانِ النِّفَاقَ فِي الْقَلْبِ، كَمَا يُنْبِتُ الْمَاءُ البَقْلَ»

Ertinya: "*Cintakan harta dan kemegahan itu dapat menumbuhkan sifat munafik di dalam hati, seperti air yang menumbuhkan sayur-sayuran*"[109]

---

[109] Al-Iraqi mengatakan bahawa tidak didapati lafaz yang sebegitu, al-Zabidi mengatakan hadis ini telah di dikeluarkan oleh Abu Mansur al-Dailami di dalam *Musnad al-Firdaus* dengan sanad yang *dhaif.*

Rasulullah ﷺ juga bersabda:

«مَا ذِئْبَانِ ضَارِيَانِ أُرْسِلَا فِي زَرِيبَةِ غَنَمٍ بِأَكْثَرَ فَسَادًا فِيهَا مِنْ حُبِّ

الْمَالِ وَالْجَاهِ فِي دِينِ الرَّجُلِ الْمُسْلِمِ»

Ertinya: “Dua ekor serigala buas yang dilepaskan di dalam kandang kambing tidaklah menimbulkan kerosakan yang lebih besar daripada cinta harta dan kedudukan terhadap agama seseorang muslim.[110]

Baginda juga bersabda dengan memuji sikap tidak menonjolkan diri:

«رُبَّ أَشْعَثَ أَغْبَرَ ذِي طِمْرَيْنِ لَا يُؤْبَهُ لَهُ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ

لَأَبَرَّهُ»

Ertinya: “Ada ramai orang yang kusut masai, berdebu, berpakaian compang camping dan tidak diperhatikan oleh orang lain, tetapi jika dia bersumpah atas nama Allah Azza Wa Jalla, nescaya Allah akan memenuhi sumpahnya”[111]

[110] Diriwayatkan oleh al-Nasa’i dan al-Tirmizi dengan status hasan sahih, namun terdapat beberapa perbezaan lafaz.

[111] Diriwayatkan oleh Muslim.

Rasulullah ﷺ juga bersabda:

«إِنَّ أَهْلَ الْجَنَّةِ كُلُّ أَشْعَثَ أَغْبَرَ ذِي طِمْرَيْنِ ، إِذَا اسْتَأْذَنُوا عَلَى الْأُمَرَاءِ لَمْ يُؤْذَنْ لَهُمْ، وَإِذَا طَلَبُوا النِّسَاءَ لَمْ يُنْكَحُوا، أَوْ إِذَا قَالُوا الْحَدِيثَ لَمْ يُنْصَتْ لِقَوْلِهِمْ، حَوَائِجُ أَحَدِهِمْ تَتَجَلْجَلُ فِي صَدْرِهِ، لَوْ قُسِمَ نُورُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى النَّاسِ لَوَسِعَهُمْ »

Ertinya: "Sesungguhnya para penghuni syurga itu orang-orang yang kusut masai, berdebu, berpakaian compang-camping dan tidak diperhatikan orang. Jika mereka meminta izin untuk bertemu para penguasa, pasti tidak mendapat keizinan. Jika mereka melamar wanita, pasti lamaran mereka tertolak. Jika mereka bercakap, tiada sesiapa yang mempedulikan kata-kata mereka. Namun apabila terdapat keperluan di kalangan mereka, akan bergemuruhlah di dada mereka. Jika cahaya mereka dibahagikan kepada semua manusia pada hari kiamat, nescaya akan mencukupi semuanya"[112]

[112] Hadis yang sama makna dengan hadis sebelum ini, al-'Iraqi telah menyalinnya dalam keadaan bersih dan tidak mentakhrijkannya, al-Zabidi juga tidak menjejakinya, namun hadis ini boleh di lihat dalam *Syu'ab al-Iman*.

Sulaiman Bin Hanzalah berkata; *"Suatu ketika, semasa kami berdekatan dengan Ubai Bin Ka'ab sambil berjalan di belakangnya, apabila Sayyidina Umar melihatnya, beliau terus merotan kami dan Ubai. Maka Ubai Bin Ka'ab berkata; "Lihatlah Wahai Amirul Mukminin! Apakah yang telah kamu lakukan? (perbuatan merotan tersebut). Maka Sayyidina Umar menjawab*; *"Sesungguhnya perbuatan ini (berjalan di belakang sebagai penghormatan) akan menyebabkan pengikut akan menjadi hina manakala fitnah akan terpalit kepada pemimpin."*

Al-Hasan mengatakan; *"Derap bunyi tapak kasut yang hebat di belakang seseorang sebenarnya amat kecil yang hanya membuat hati orang-orang yang bodoh sahaja terpaut padanya."*

Abu Ayyub berkata; *"Demi Allah! Tidaklah seseorang hamba yang membenarkan Allah ﷻ, melainkan dia tidak menyedari kedudukannya sendiri di sisi Allah. Maka, dari ini kamu akan dapat memahami betapa tercelanya populariti dan sesuatu kedudukan, kecuali apabila Allah Azza Wa Jalla yang membuat seseorang menjadi terkenal dalam urusan agama tanpa dipinta seperti kemasyhuran para Nabi, Khulafa' Rasyidin, para ulama dan wali-wali Allah."*

Hakikat Kemegahan Adalah Menguasai Hati

Hakikat sesuatu kemegahan adalah apabila berkemampuan menguasai hati orang lain agar tunduk kepada pemilik kemegahan sesuai dengan keinginannya. Mengucapkan kata-kata yang berisi puji-pujian kepadanya hinggakan segala keinginannya dipenuhi.

Seperti menanggapi pengertian “harta” ialah memiliki dirham untuk mencapai berbagai-bagai tujuan. Maka, itulah pengertian “kemegahan”; iaitu menguasai hati. Akan tetapi, “kemegahan” lebih disenangi kerana ia memudahkan jalan memperolehi kekayaan berbanding harta.

Begitu juga untuk mencapai kemegahan, kerana kemegahan terhindar dari kecurian, perampasan sukar diganggu. Kemegahan akan bertambah besar dan berkembang tanpa ada susah payah. Sebab, orang yang hatinya sudah dikuasai oleh keyakinan dengan keagungan seseorang, dia akan sentiasa memburu hati semua manusia terhadap pemilik keagungan.

Pada “kemegahan” itu terdapat lagi satu rahsia iaitu “kemegahan” itu maknanya sesuatu yang membawa kepada tinggi hati, kesombongan dan juga

kemuliaan. Semua sifat ini juga merupakan sifat ketuhanan *Ilahiyyah* yang memang disukai oleh manusia dan sesuai dengan keadaan manusia itu.

Perkara ini adalah disebabkan sememangnya terdapat rahsia antara roh dengan urusan ketuhanan. Perkara ini diberikan Allah petunjuknya melalui firmanNya di dalam surah al-Isra’ ayat 85:

﴿ وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنۡ أَمۡرِ رَبِّي وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلۡعِلۡمِ إِلَّا قَلِيلٗا ۝ ﴾

Ertinya: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.”

Maka, ia adalah urusan ketuhanan yang sesuai dengan tabiat manusia dan sikap kebiasaan serta menyendiri dalam keberadaan. Padahal ia adalah hakikat ketuhanan kerana tidak ada yang *maujud* bersama Allah.

Segala keberadaan yang ada, semuanya bagaikan bayang-bayang dari cahaya kekuasaan. Ia berada pada hubungan sebab dan akibat, bukan hubungan kebersamaan. Segala yang wujud ini tidak ada yang

bersama Allah. Manusia sememangnya menginginkan hal tersebut. Bahkan, setiap jiwa ingin menyatakan: "*Akulah tuhanmu yang Maha Tinggi*."

Akan tetapi, itu dinyatakan hanya oleh Firaun dan disembunyikan oleh yang lain.

Jika dia tidak memiliki kesendirian dalam wujud, maka dia tidak ingin kehilangan perasaan lebih tinggi dan berkuasa ke atas segala yang *maujud* untuk digunakan sesuai dengan tujuannya, iaitu sifat ketuhanan. Akan tetapi, itu tak boleh dilakukan oleh manusia, baik di langit, bintang, samudera dan pergunungan. Maka, jika dia ingin menguasai seluruh, hendaklah dengan ilmu kerana ilmu merupakan salah satu alat penguasaan juga.

Seperti orang yang tidak mampu menciptakan sesuatu yang menakjubkan, lalu dia ingin mengetahui bagaimana menciptakannya. Demikian pula dia ingin tahu keajaiban laut dan yang berada di bawah gunung serta mengkhayalkan bahawa setiap mata yang berada di muka bumi akan terasa kagum padanya sama ada haiwan, benda-benda, mahupun tumbuh-tumbuhan. Dia ingin menguasainya, membuat pengakuan dan berkhayal bahawa

manusia akan mengaguminya. Maka, dia ingin menguasai manusia melalui hatinya. Dia menguasai hatinya dengan menempatkan kekaguman dalam hati mereka. Penghormatan tercapai dengan keyakinan akan adanya kesempurnaan sifat padanya. Sebab, keagungan diikuti oleh keyakinan akan kesempurnaan.

Namun manusia juga suka kemegahannya meluas. Kemudian menyebarlah kemasyhurannya hingga ke negeri yang dia tahu bahawa dia belum pernah sampai dan belum pernah melihat penduduknya. Sebab, semua itu berhubung dengan sifat ketuhanan. Setiap kali manusia lebih pintar, maka sifat ini akan menguat dan nafsu kebinatangannya akan lemah.

Kemuliaan Dan Kesempurnaan

Mungkin kamu akan berkata: "Jika demikian, maka mengapa mencari kemuliaan itu tercela? Bukankah ia dihasilkan oleh akal dan keistimewaan roh yang berhubung dengan urusan-urusan ketuhanan?"

Ketahuilah bahawa ketinggian darjat hakiki yang dicari oleh orang-orang yang terpuji tidaklah tercela. Ini adalah kerana semua tujuannya adalah untuk

mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala. Itulah kemuliaan dan kesempurnaan yang tidak mengandungi kehinaan, kekayaan yang tidak diiringi oleh kefakiran, keabadian yang tiada akhir dan kenikmatan yang tak ada celanya. Mencarinya adalah hal yang terpuji.

Yang tercela adalah mencari kesempurnaan yang ilusi, bukan yang hakiki. Kesempurnaan yang hakiki berdasar pada ilmu, kebebasan dan kemampuan, yang tidak dibatasi oleh yang lain. Namun tidak akan terbentuk pada seorang hamba suatu hakikat "kemampuan" kerana kemampuannya hanya diwujudkan oleh kekayaan dan kemegahan. Itulah kesempurnaan yang palsu kerana ia adalah perkara yang sementara, yang tidak memiliki keabadian. Tidak ada kebaikan pada sesuatu yang tidak memiliki keabadian.

Bahkan, dikatakan dengan nukilan hikmah:
"Kegelisahanku yang terbesar ada pada kebahagiaan…
Yang pemiliknya meyakini ia akan hilang..."

Bagaimana? Kerana kekuatan ini bersifat sementara, bersamaan dengan kecepatan berakhirnya oleh kematian dan gangguan-gangguan yang lain, ia tak

akan bersih dari kotoran. Maka, siapa yang menganggapnya sebagai kesempurnaan, salahlah dia. Akan tetapi, kesempurnaan ada pada perkara-perkara yang abadi dan baik yang dicapai oleh kedekatan kepada Allah ﷻ. Ia tidak akan hilang disebabkan kematian, bahkan akan bertambah berlipat kali ganda tanpa batas.

Itulah makrifat sejati terhadap Zat, Sifat, dan Perbuatan Allah ﷻ. Itulah ilmu tentang segala yang *maujud.* Sesungguhnya di dalam yang *maujud* tidak terdapat apa pun selain Allah ﷻ dan segala perbuatanNya.

Akan tetapi, kadangkala orang melihatnya tidak dari kenyataan bahawa itu adalah perbuatan Allah ﷻ, seperti orang yang melihat pembedahan untuk tujuan kedoktoran, atau melihat struktur alam untuk mengetahui pencarian dalil dengan hukum-hukum perbintangan. Semua ini tidak memiliki kemampuan.

Ini termasuklah kesempurnaan sejati adalah “kebebasan”, iaitu terputusnya hubunganmu dengan seluruh ketergantungan duniawi, bahkan dari semua pihak yang akan berpisah darimu kerana kematian dan hanya cukup memberi perhatian kepada yang yang tidak boleh kamu hindari darinya, iaitu Allah ﷻ.

Sebagaimana Allah ﷻ memberikan wahyu kepada Nabi Daud عليه السلام: *"Wahai Daud, Aku adalah Temanmu yang tak boleh kamu hindari, maka tetaplah bersama Temanmu."*

Ilmu dan kebebasan merupakan bekalan yang baik. Kedua-duanya adalah kesempurnaan sejati. Sementara harta dan keturunan adalah hiasan kehidupan dunia, yang kedua-duanya merupakan kesempurnaan yang sementara. Orang-orang yang terbalik adalah mereka yang berlawan dengan hakikat, lalu mereka menolak untuk mencari kesempurnaan sejati dan sibuk mencari kesempurnaan sementara. Mereka inilah yang akan mati terbakar oleh api penyesalan di saat mereka mengetahui bahawa mereka mendapat kerugian di dunia dan akhirat.

Adapun negeri akhirat, mereka mencarinya, tetapi belum memperolehi perantaranya yang berupa makrifat dan kebebasan. Adapun dunia, ia telah meninggalkan mereka dan kembali kepada musuh-musuh mereka, dan merekalah ahli-ahli waris mereka.

Janganlah kamu sekali-kali menduga bahawa iman dan ilmu terpisah darimu kerana kematian.

Sesungguhnya kematian tidak mampu menghancurkan kedudukan ilmu sama sekali, sedangkan kematian bukanlah penghancur hingga kamu menyangka bahawa dirimu jika sudah tiada, maka akan lenyap pula sitat-sifatmu. Akan tetapi, makna kematian adalah terputusnya hubungan nyawa dengan badan menuju tempat kembalinya.

Jika nyawa sudah terlepas dari badan, maka ia akan berada seperti keadaan sebelum dia mati, iaitu dia seorang yang berpengetahuan (alim) atau bodoh. Pemahaman tentang ini panjang. Di sebaliknya ada rahsia-rahsia yang tidak dapat disingkap oleh buku ini.

Mengawal Cinta Kemegahan

Jika kamu telah mengetahui hakikat kemegahan dan kepentingannya, bahawa ia adalah kesempurnaan yang palsu, maka kamu pun telah mengetahui cara penyembuhan dalam mengendalikan kesukaannya dari hati. Jika kamu tahu bahawa seandainya penghuni bumi bersujud kepadamu misalnya, tidaklah akan abadi -kecuali dalam masa yang sebentar- baik yang sujud mahupun yang disujudkan.

Mengapa? Amatlah kedekut masa padamu untuk menyerahkan kekuasaan dalam wilayahmu kepadamu, lebih-lebih kampungmu atau negerimu. Mengapa kamu rela meninggalkan kekuasaan yang abadi dan kemegahan yang panjang yang ada di sisi Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan di sisi malaikatNya, demi kemegahanmu yang rendah dan menyusahkan di sisi sekumpulan orang yang dungu, yang mereka tidak akan bermanfaat bagimu dan tidak pula memudaratkanmu serta mereka tidak mampu menguasai kematian atau kehidupan untukmu, tidak juga tempat kembalinya rezeki ataupun ajalmu.

Sememangnya, menguasai hati seperti menguasai harta benda. Kamu memerlukannya sedikit untuk menjaga dirimu dari kezaliman, permusuhan dan dari sesuatu yang mengganggu keselamatan dan waktu lapangmu yang kamu jadikan sebagai penolong atas agamamu.

Pencarianmu terhadap kemampuan ini dibenarkan, dengan syarat kamu berasa cukup dengan kemampuan yang penting, seperti dalam masalah harta. Juga dengan syarat, kamu jangan mengusahakannya dengan cara mempamerkan ibadahmu, kerana itu terlarang, seperti yang akan dibahaskan nanti.

Janganlah kamu mencarinya dengan berpura-pura, dengan menampakkan apa yang sesungguhnya tidak ada pada dirimu, kerana tidak ada bezanya antara orang yang ingin menguasai hati orang lain dengan berpura-pura, dan orang yang ingin memiliki harta.

Jika kamu telah memperoleh kemegahan dengan cara yang benar dan kamu meletakkan satu batasan yang mewujudkan sikap berhati-hati dari segala gangguan maka kamu telah mengharapkan keselamatan.

Akan tetapi, berwaspada kerana kamu dalam bahaya yang besar, lebih besar daripada bahaya harta. Sebab, kemegahan yang sedikit mendorong untuk memperbanyakkannya kerana ia lebih nikmat daripada harta.

Pendorong Sifat Mencari Kemegahan

Salah satu pendorong munculnya sifat mencari kemegahan adalah sifat suka pujian. Manusia rasa senang dipuji kerana tiga perkara.

Pertama: Pemilik pendorong munculnya sifat mencari kemegahan akan rasa dirinya sempurna. Rasa sempurna itu nikmat. Sebab, kesempurnaan merupakan salah satu sifat ketuhanan.

Kedua: Dia terasa menguasai hati si pemujinya dan munculnya pendorong munculnya sifat mencari kemegahan pada dirinya yang dia banggakan.

Ketiga: Dia merasakan bahawa orang yang memuji itu menyebarkan pujian untuknya sehingga pendorong munculnya sifat mencari kemegahannya pun bertambah luas.

Demikian pula jika pujian berasal dari nurani dengan sifat-sifat kesempurnaan yang pendorong munculnya sifat mencari kemegahannya luas dan kemampuan pada dirinya sendiri. Di hadapan orang ramai akan bertambahlah kesenangan terhadap pujian itu.

Kelazatan yang pertama tersebut akan hilang kerana bersumber daripada orang yang tidak memiliki nurani, kerana ia tidak merasakan kesempurnaan. Kenikmatan kedua akan hilang kerana bersumber daripada orang yang rendah yang tidak memiliki kemampuan, kerana penguasaan hatinya tidak diperhitungkan. Nikmat yang ketiga akan hilang

kerana dipuji di saat sendirian, bahkan di khalayak ramai, kecuali jika terjadi bahawa dia juga memuji di tengah khalayak ramai.

Adapun celaan, maka ia tidak disukai kerana bertentangan dengan sebab-sebab ini. Kebanyakan manusia telah dibinasakan oleh sifat suka dipuji dan benci kritikan yang membawa mereka kepada sifat riya' dan pelbagai jenis maksiat.

Maka ubatnya adalah dengan memikirkan tentang kelazatan yang pertama iaitu pujian disebabkan oleh banyak harta dan kemegahan hendaklah dipasakkan sebagai kesempurnaan yang palsu dan sementara serta menjadi penyebab hilangnya kesempurnaan yang sejati, maka dia layak untuk berasa sedih kerananya, bukannya berasa senang dengannya.

Jika pujian itu berdasarkan kesempurnaan ilmu dan sifat warak, maka kegembiraannya adalah kerana adanya sifat tersebut dan bersyukur kepada Allah ﷻ atas nikmat tersebut, bukan bersyukur atas yang lain. Ini adalah jika dia memiliki sifat tersebut.

Akan tetapi, jika dia tidak memiliki sifat tersebut, maka rasa senang atasnya merupakan sikap kedunguan, seperti senangnya seseorang yang

dipuji oleh orang lain dengan ucapan: "*Alangkah wanginya apa yang di perut atau perutmu*," padahal dia tahu bahawa yang ada di dalamnya adalah kotoran dan bau busuk.

Ini juga keadaan orang yang rasa senang kerana pujian atas kewarakan, zuhud dan ilmu, padahal dia tahu dari dalam dirinya sendiri bahawa dirinya tidak memilikinya.

Adapun rasa senang yang kedua dan ketiga merupakan rasa senang terhadap kedudukan pada diri orang yang memuji dan orang lainnya, maka ubatnya adalah seperti yang telah kami kemukakan dalam masalah cinta kedudukan.

Sifat Tercela 7: Cintakan Dunia

Ketahuilah bahawa cinta dunia merupakan kepala segala kesalahan. Dunia yang dimaksudkan bukanlah harta dan kemegahan sahaja, tetapi kedua-duanya hanya sebahagian dari dunia, bahkan dua cabang di antara cabang-cabangnya. Cabang dunia amatlah banyak.

'Duniamu' adalah ungkapan untuk keadaanmu sebelum mati. **'Akhiratmu'** adalah ungkapan untuk keadaanmu setelah mati. Semua bahagian yang kamu miliki sebelum kematian, maka ia adalah duniamu, kecuali ilmu, makrifat dan kebebasan. Apa sahaja yang tetap bersamamu setelah kematian, maka itu juga merupakan kelazatan menurut orang-orang yang berakal. Akan tetapi, itu bukan sebahagian dari dunia, meskipun ia berada di dunia.

Bahagian-bahagian dunia ini memiliki kerjasama dan berhubung dengan bahagian akhirat serta berkaitan dengan amal-amal perbuatanmu yang bergantung pada kebaikannya.

Bahagian-bahagian dunia itu akan dikembalikan pada "benda" yang wujud, bahagianmu di dunia dan usahamu dalam mengurus dunia. Adapun yang

dimaksudkan dengan “benda” adalah bumi dan segala isinya. Allah ﷻ berfirman:

﴿ إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى ٱلْأَرْضِ زِينَةً لَّهَا لِنَبْلُوَهُمْ ﴾

Ertinya: “Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak menguji mereka…”

Surah al-Kahfi: 7

Apa yang dicari manusia merupakan sebahagian dari bumi. Adapun wujudnya berupa tempat tinggal dan tempat bercucuk tanam. Sedangkan tumbuh-tumbuhannya untuk berubat dan makanan asas. Bahan galiannya untuk membuat mata wang, perabot dan peralatan. Binatang-binatangnya untuk dijadikan sebagai tunggangan atau untuk dimakan. Anak Adam untuk dinikahi dan diperlakukan dengan baik. Allah Yang Maha Suci telah menggabungkan semua itu dalam firmanNya:

﴿ زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلْمَـَٔابِ ۝ ﴾

Ertinya: "Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)."

Surah Ali 'Imran: 14

Adapun bahagianmu dari dunia tersebut diungkapkan oleh al-Quran dengan istilah hawa nafsu, seperti firman Allah ﷻ:

﴿ وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ ٱلْهَوَىٰ ۝ ﴾

Ertinya: "Dan ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu…"

Surah al-Nazi'at: 40

Allah ﷻ juga berfirman sebagai penjelasannya dalam surah al-Hadid ayat 20:

﴿ أَنَّمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرُۢ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَوْلَـٰدِ ۖ ﴾

Ertinya: *“Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak,”*

Ini termasuk dalam semua bahagian dunia ini adalah semua perosak batin yang berupa sifat dengki, sombong, iri hati, riya’, kemunafikan, bermegah-megah, berbanyak-banyak, cinta dunia dan suka pujian. Itulah dunia batin.

Adapun kebendaan, iaitu dunia zahir, adalah kesibukanmu dalam usaha mengurusnya, iaitu sejumlah usaha dan produksi yang manusia sibuk dengannya. Dalam kesibukannya itu, mereka melupakan diri mereka, asal mereka dan tempat kembali mereka kerana mereka tenggelam dalam kesibukan dengan dunia.

Yang menyibukkan mereka dengan kebendaan ini adalah dua ikatan:

Pertama: Ikatan hati yang disebabkan oleh mencintai bahagian-bahagiannya.

Kedua: Ikatan jasmani yang disebabkan oleh kesibukan mengurusnya. Inilah hakikat dunia yang mencintainya merupakan kepala daripada segala kesalahan.

Sebenarnya dunia diciptakan untuk menjadi bahan bekalan menuju ke alam akhirat. Akan tetapi, kerana banyaknya kesibukan dunia dan pelbagai jenis nafsu dunia membuatkan orang-orang yang dungu melupakan perjalanan dan tujuan mereka. Cita-cita mereka hanya terhad pada dunia. Mereka seumpama orang yang melaksanakan ibadah haji yang sedang berada di padang pasir. Dia sibuk mengurus untanya, memberi makan dan menggemukkannya. Maka dia akan ditinggalkan oleh teman-temannya sehingga dia pun terlepas dari ibadah hajinya dan diserang oleh binatang padang pasir.

Dunia Sebagai Ladang Akhirat

Dunia yang tercela dan merosakkan ini sebenarnya adalah kebun akhirat bagi orang yang mengenalinya. Sebab, dia tahu bahawa dunia adalah salah satu tempat singgah dari persinggahan

para penempuh jalan menuju Allah ﷻ. Ianya bagai benteng yang dibina di tengah jalan. Di dalamnya disediakan banyak makanan, bekalan dan keperluan-keperluan perjalanan.

Barang siapa yang menambah bekalan dari dunia untuk akhirat dan menghadkan sekadar had keperluan yang telah kami sebutkan dalam masalah makanan, pakaian, isteri dan perkara-perkara penting yang lain, bererti dia telah berkebun dan bercucuk tanam, dan dia akan memetik hasil yang dia tanam di akhirat nanti. Akan tetapi, barang siapa yang singgah dan sibuk dengan kelazatan dunia, maka dia akan binasa.

Perumpamaan manusia di bumi adalah bagaikan sekumpulan orang yang menaiki kapal yang membawa mereka ke suatu pulau. Kemudian kelasi kapal menyuruh mereka keluar untuk memenuhi segala keperluan mereka dan mengingatkan mereka akan bahaya tempat tersebut dan kapal yang akan segera berangkat. Mereka pun bertebaran di pulau itu. Sebahagian mereka segera pergi dan memenuhi keperluannya, lalu mereka kembali ke kapal. Maka mendapat tempat yang kosong dan luas.

Sebahagian mereka terpegun dan melihat bunga-bunga pulau tersebut, cahayanya, keindahan batuannya, keajaiban hutan dan suara merdu burung-burung, kemudian dia kembali ke kapal, tetapi dia tidak mendapat tempat, kecuali tempat yang sesak dan sempit. Sebahagian mereka mengumpulkan karangan kerang dan batu-batu yang keindahannya membuat rasa kagum sehingga dia tidak tega membiarkan kecuali dengan membawa sebahagian darinya. Namun, dia tidak menemui tempat dalam perahu, kecuali ruangan sempit yang dia persempitkan dan perberatkan lagi dengan batu-batu dan karangan kerang tersebut. Akan tetapi, dia juga tidak sanggup membuangnya sehingga dia tidak mendapat tempat untuknya. Dia pun merangkulnya sehingga dia rebah kerana keletihan.

Sebahagian mereka memasuki hutan sehingga terlupakan kapal dan sibuk melihat bunga-bungaan serta menikmati buah-buahannya. Ketika melihat-lihat itu hatinya tak pernah lepas dari rasa takut akan binatang buas dan khuatir terjatuh dan kecederaan. Ketika dia kembali ke kapal, dia tidak menjumpai kapal itu sehingga dia pun tinggal di pantai. Lalu dia diserang binatang buas dan dimakan oleh singa. Inilah gambaran pencinta dunia

dihubungkan dengan dunia dan akhirat. Perhatikan dan pertimbangkanlah jika kamu memiliki akal.

Permusuhan Dunia Terhadap Akhirat

Orang yang mengenali dirinya, mengenali Tuhannya, mengenali hiasan dunia dan mengenali akhirat. Berbekal cahaya kearifan dia menyaksikan wajah permusuhan dunia terhadap akhirat. Sebab, telah tersingkap baginya dengan pasti bahawa tidak ada kebahagiaan di negeri akhirat, kecuali bagi orang yang lebih mengutamakan Allah Yang Maha Suci dengan makrifat dan cinta kepadaNya.

Sesungguhnya cinta tak akan diraih kecuali dengan zikir secara berterusan. Sesungguhnya makrifat tidak akan diperolehi kecuali dengan mencari dan berfikir terus-menerus. Tidak ada kesempatan untuk memperoleh kedua-duanya, kecuali orang yang menolak kesibukan dunia. Makrifat dan cinta tidak akan mampu bersemayam di hati, selagi hati tidak dibebaskan daripada cinta kepada selain Allah ﷻ.

Bebasnya hati daripada selain Allah merupakan tujuan utama kesibukannya dengan cinta kepada Allah ﷻ dan makrifat kepadaNya. Perkara itu tidak dapat dibentuk kecuali hanya bagi yang menolak dunia dan berasa cukup dengan bekalan dan

keperluan sekadarnya. Jika kamu telah menjadi sebahagian daripada *Ahli Basirah*,[113] maka sesungguhnya kamu telah menjadi golongan *Ahli Zauq*[114] dan *Ahli Syahadah*.[115] Jika kamu tidak tergolong, maka kamu hanya wajar menjadi *Ahli Taqlid*[116] dalam perkara iman.

---

[113] Golongan yang mempunyai hati yang kukuh dan bercahaya yang terhasil daripada pandangan makrifat yang mengukuhkan isyarat dan menghasilkan firasat. Rafiq al-'Ajam, Dr. (1999), *Mausu'ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* Beirut: Maktabah Lubnan, h. 148.

[114] Golongan yang asyik dan tenggelam dalam lautan keimanan yang merupakan prinsip awal di peringkat tajalli ketuhanan. Rafiq al-'Ajam, Dr. (1999),*Ibid.,* h. 372-373.

[115] Golongan ahli syahadah itu ada tiga; yang pertama dan terkecil ialah golongan yang melihat sesuatu dengan pandangan pengajaran. Golongan kedua ialah golongan pertengahan iaitu yang mendapat isyarat petunjuk, yang dijadikan Allah di dalam genggamannya kebenaran, yang tiada berbaki di dalam hatinya melainkan Allah Azza Wa Jalla. Golongan ketiga ialah golongan 'Arifin yang hatinya senantiasa menyaksikan Allah dengan kesaksian yang teguh, segala yang wujud merupakan kesaksiannya dengan kehebatan Allah. Rafiq al-'Ajam, Dr. (1999),*Ibid.,* h. 120.

[116] Golongan yang mengikut, ada tiga jenis golongan taqlid, pertama yang mengikut nenek moyang mereka, kedua mengikut para ulamak mereka dan ketiga yang mengikut para Nabi di kalangan mereka. Pengetahuan mereka adalah berdasarkan apa yang di khabarkan oleh ikutan mereka. Rafiq al-'Ajam, Dr. (1999),*Ibid.,* h.118.

Perhatikanlah peringatan Allah ﷻ, kamu harus berpegang pada al-Quran dan as-Sunnah. Allah ﷻ berfirman:

﴿ مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَـٰلَهُمْ ﴾

Ertinya: "Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh al-Quran tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka,"

Surah Hud: 15

﴿ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمُ ٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا عَلَى ٱلْـَٔاخِرَةِ ﴾

Ertinya: "(Kekufuran mereka) yang demikian, ialah kerana mereka lebih mengutamakan kehidupan dunia daripada hari akhirat."

Surah an-Nahl:107

Allah ﷻ berfirman:

﴿ فَأَمَّا مَن طَغَىٰ ۝ وَءَاثَرَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ۝ ﴾

Ertinya: "Maka (dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya); adapun orang yang melampau (perbuatan derhakanya). Serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata."

Surah an-Nazi'at: 37-38

Barangkali satu pertiga al-Quran berisi tentang celaan terhadap dunia dan celaan terhadap pencintanya.

Nabi ﷺ bersabda:

«الدُّنْيَا مَلْعُونَةٌ مَلْعُونٌ مَا فِيهَا، إِلَّا مَا كَانَ لِلَّهِ تَعَالَى مِنْهَا.»

Ertinya: "Dunia terlaknat. Terlaknat pula yang berada di dalamnya, kecuali yang ada bahagian Allah Ta'ala di dalamnya."[117]

Nabi ﷺ bersabda:

«يَا عَجَبًا كُلَّ الْعَجَبِ لِلْمُصَدِّقِ بِدَارِ الْخُلُودِ وَهُوَ يَسْعَى لِدَارِ الْغُرُورِ.»

Ertinya: *"Sungguh sangat mengagumkan bagi orang yang membenarkan hari akhirat, tetapi dia bekerja untuk negeri yang penuh penipuan."*[118]

Nabi ﷺ bersabda:

«الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا فَنَاظِرٌ كَيْفَ تَعْمَلُوْنَ.»

---

[117] Hadis riwayat Ibn Majah dan al-Tirmizi serta mengatakan status hadis ini *hasan.*

[118] Hadis di keluarkan oleh Ibnu Abi al-Dunya secara *mursal.*

Ertinya: “Dunia ini manis dan segar, dan sesungguhnya Allah menjadikan kamu sebagai khalifah di atasnya, maka Dia selalu melihat apa yang kamu lakukan." [119]

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَخْلُقْ خَلْقًا أَبْغَضَ إِلَيْهِ مِنَ الدُّنْيَا، وَإِنَّهُ لَمْ يَنْظُرْ

إِلَيْهَا مُنْذُ خَلَقَهَا.»

Ertinya: “Sesungguhnya Allah ﷻ. tidak menciptakan makhluk yang lebih Dia benci daripada dunia. Dan sesungguhnya Dia tidak pernah memandang sejak Dia menciptakannya.”[120]

Nabi ﷺ bersabda:

«مَنْ أَصْبَحَ وَالدُّنْيَا أَكْبَرُ هَمِّهِ فَلَيْسَ مِنَ اللهِ فِي شَيْءٍ ، وَأَلْزَمَ اللهَ قَلْبَهُ

أَرْبَعَ خِصَالٍ : هَمًّا لَا يَنْقَطِع عَنْهُ أَبَدًا, وَشُغْلاً لَا يَتَفَرَّغُ عَنْهُ أَبَدًا, وَفَقْرًا

[119] Riwayat Ibn Majah dan al-Tirmizi.

[120] Dikeluarkan oleh Ibnu Abi al-Dunya, al-Baihaqi secara mursal dan al-Hakim meriwayatkannya di dalam *al-Tarikh*, al-Suyuti mengatakan hadis ini dhaif.

لَا يَبْلُغُ غِنَاهُ أبدًا, وَأَمَلًا لَا يَبْلُغُ مُنْتَهَاهُ أَبَدًا.»

Ertinya: "Barang siapa yang menjalani harinya, sementara dunia menjadi perhatiannya yang terbesar, maka dia tidak akan mendapat apapun dari Allah dan hatinya akan selalu diisi oleh empat perkara: kebimbangan yang tak akan pernah lepas selamanya, kesibukan yang tiada henti selamanya, kefakiran yang tak akan pernah cukup selamanya dan keinginan yang tak pernah tercapai selamanya."[121]

Abu Hurairah berkata: Nabi ﷺ bersabda;

«يَا أَبَا هُرَيْرَةَ أَلَا أُرِيكَ الدُّنْيَا جَمِيعَهَا؟»

Ertinya: "Wahai Abu Hurairah, mahukah kamu kuperlihatkan dunia seluruhnya? Aku menjawab, Tentu (wahai Rasulullah). Kemudian Baginda memegang tanganku pada tempat sampah yang berisi tengkorak manusia, kotoran manusia, kain-kain bekas dan tulang belulang. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda:

---

[121] Riwayat al-Tabarani di dalam *al-Awsat*, Ibnu Abi al-Dunya meriwayatkannya dengan sanad yang dhaif. Al-Hakim pula dari hadis Huzaifah dan diriwayatkan juga dengan tambahan oleh pengarang *al-Firdaus* dari hadis Ibnu Umar, kedua-duanya berstatus dhaif.

«يَا أَبَى هُرَيْرَةَ هَذِهِ الرُّؤُوسُ كَانَتْ تَحْرِصُ كَحِرْصِكُمْ وَتَأَمَّلُ آمَالِكُمْ، ثُمَّ هِي الْيَوْمَ عِظَامٌ بِلَا جِلْدَ، ثُمَّ سَتَصِيرُ رَمَادًا، وَهَذِهِ العَذِرَاتُ أَلْوَانُ أَطْعِمَتِهِمْ اكْتَسَبُوهَا مِنْ حَيْثُ اكْتَسَبُوهَا، ثُمَّ قَذَفُوهَا مِنْ بُطُونِهِمْ، فَأَصْبَحَتِ النَّاسُ يَتَحَامُونَهَا، وَهَذِهِ الْخِرَقُ الْبَالِيَةُ كَانَتْ رِيَاشُهُمْ وَلِبَاسُهُمْ فَأَصْبَحَتْ وَالرِّيَاحُ تَصْفِقُهَا، وَهَذِهِ الْعِظَامُ عِظَامُ دَوَابِّهِمِ الَّتِي كَانُوا يَنْتَجِعُونَ عَلَيْهَا أَطْرَافَ الْبِلَادِ، فَمَنْ كَانَ بَاكِيًا عَلَى الدُّنْيَا فَلْيَبْكِ.»

Ertinya: "Wahai Abu Hurairah, tengkorak-tengkorak ini dahulunya sangat tamak, seperti ketamakan kamu dan berkeinginan, seperti keinginan kamu. Kemudian ia sekarang hanyalah tulang tanpa kulit dan kemudian akan menjadi tanah. Kotoran-kotoran manusia ini adalah warna makanan mereka yang mereka cari, seperti kamu mencarinya, lalu mereka buang dari perut mereka sehingga menjadi seperti ini dan orang-orang pun mengelilinginya. Namun bekas kain-kain ini adalah hiasan dan pakaian mereka, lalu jadilah ia seperti ini yang diterbang-terbangkan oleh angin. Sedangkan tulang belulang ini adalah tulang belulang binatang tunggangan mereka yang mereka tunggangi untuk bepergian mencari rezeki ke seluruh penjuru negeri. Maka, siapa yang mahu

menangisi dunia, hendaklah dia menangis.”[122]

Nabi ﷺ bersabda:

«لَيَجِيئَنَّ أَقْوَامٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَعْمَالُهُمْ كَجِبَالِ تِهَامَةِ، فيؤمَرُ بِهِمْ إِلَى النَّارِ.»

Ertinya: “*Pasti akan datang suatu kaum pada hari kiamat nanti dengan membawa amal seperti gunung Tihamah, tetapi mereka dimasukkan ke dalam neraka*.”

Para sahabat bertanya; “Wahai Rasulullah, apakah mereka melakukan solat?” Baginda menjawab:

«نَعَمْ، كَانُوا يُصَلُّونَ وَيَصُومُونَ وَيَأْخُذُونَ هَنَةً مِنَ اللَّيْلِ، فَإِذَا عُرِضَ لَهُمْ شَيْءٌ مِنَ الدُّنْيَا وَثَبُوا عَلَيْهِ.»

Ertinya: “*Betul. Mereka melakukan solat, puasa dan memanfaatkan sedikit waktu malam untuk solat malam. Akan tetapi, jika mereka dihidangkan sesuatu dari dunia, mereka terus menyambarnya*.”[123]

---

[122] Al-‘Iraqi mengatakan bahawa hadis ini tidak ditemui asalnya, al-Zabidi mengatakan bahawa ia disebut oleh pengarang *al-Qut* daripada Hasan al-Basri secara *mursal*.

[123] Dikeluarkan oleh Abu Nu’aim dengan sanad yang daif.

Nabi Isa ﷵ berkata: “*Cinta dunia dan akhirat tidak akan menempati hati seorang mukmin, sebagaimana air dan api tidak akan menempati satu bekas*.”

Nabi kita ﷺ pun bersabda:

«احْذَرُوا الدُّنْيَا فَإِنَّهَا أَسْحَرُ مِنْ هَارُوتَ وَمَارُوتَ.»

Ertinya: “Berhati-hatilah kamu terhadap dunia. Sesungguhnya ia lebih menyihir daripada Harut dan Marut.”[124]

Nabi Isa ﷵ berkata: *“Wahai para pengikutku yang setia (kaum Hawari), relakanlah oleh kamu dunia yang sedikit demi selamatnya agama, sebagaimana kerelaan pencinta dunia akan agama yang sedikit demi selamatnya dunia.”*

Nabi Isa ﷵ juga berkata kepada kaum Hawari: *"Aku akan lebih banyak makan roti dari gandum dengan garam kasar dan memakai kain kasar dan tidur di atas kotoran demi keselamatan dunia dan akhirat."*

---

[124] Ibnu Abi al-Dunya dan al-Baihaqi di dalam *Syu’ab al-Iman* dengan sanad yang dhaif, al-Zahabi mengatakan mungkar dan tiada asalnya.

Diriwayatkan juga bahawa telah disingkapkan dunia kepada Nabi Isa عليه السلام sehingga dia melihatnya dalam bentuk seorang nenek tua yang buruk rupa dengan berbagai perhiasan. Kemudian dia bertanya kepada wanita tua tadi: “*Berapa ramai orang yang telah menikahimu?”* Dia menjawab: “Aku tak boleh menghitung mereka.”

Nabi Isa عليه السلام bertanya lagi: *“Mereka menceraikanmu atau mereka mati, meninggalkanmu?”* Dia menjawab: “Bahkan, aku telah membunuh mereka semuanya.”

Lalu Nabi Isa عليه السلام berkata: *“Hairan sekali para suamimu yang masih ada. Mengapa mereka tidak mengambil pelajaran dari suami-suamimu yang terdahulu?”*

Badan Dan Hati Yang Memakai Dunia

Ketahuilah bahawa orang yang menyangka bahawa dirinya memakai dunia pada badannya sahaja dan mampu mengosongkan hatinya dari dunia, maka sesungguhnya dia telah tertipu.

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّمَا مَثَلُ صَاحِب الدُّنْيَا كَمَثَلِ الْمَاشِي فِي الْمَاءِ, هَلْ يَسْتَطِيعُ الَّذِي يَمْشِي فِي الْمَاءِ أَنْ لَا تَبْتَلَّ قَدَمَاهُ؟»

Ertinya: "Perumpamaan pencinta dunia adalah seperti orang yang berjalan di atas air. Mungkinkah orang yang berjalan di atas air kakinya tidak basah?"[125]

Saidina Ali ؓ pernah menulis surat kepada Salman al-Farisi ؓ: *"Perumpamaan dunia adalah seperti ular. Licin bila dipegang, tetapi bisanya mampu membunuh. Hindarilah semua yang mengagumkanmu darinya kerana tiada pihak yang menjagamu darinya. Ia memberikan kerisauan kepadamu. Ketika kamu yakin akan berpisah dengan dunia maka kamu wajar gembira dengan sesuatu yang masih ada di dunia dan hindarilah perkara yang berasal darinya. Kerana apabila orang yang memiliki dunia telah merasa tenang, maka dia akan kembalikan semula seseorang pada sesuatu yang tidak disukai."*

---

[125] Dikeluarkan oleh Ibnu Abi al-Dunya dan al-Baihaqi di dalam *Syu'ab al-Iman* dari riwayat al-Hasan al-Basri, beliau berkata : Disampaikan kepadaku bahawa Rasulullah …. dan disambung oleh al-Baihaqi dari riwayat al-Hasan al-Basri daripada Anas.

Nabi Isa ﷵ berkata: *"Perumpamaan dunia seperti orang yang meneguk air laut. Setiap kali meneguknya, maka bertambahlah kehausan hingga membunuhnya."*

Ketahuilah bahawa orang yang terasa tenang dengan dunia, padahal dia yakin bahawa dunia sedang berjalan meninggalkannya, maka dia adalah manusia yang paling dungu. Bahkan, perumpamaan dunia itu seperti rumah yang disediakan dan diperindah oleh pemiliknya untuk para tetamu yang datang dan pergi. Lalu masuklah seseorang ke dalam rumah tersebut. Maka dia pun diberi bekas perasap dari emas yang berisi setanggi dan wangian untuk disedut dan diletakkan kembali untuk orang berikutnya dan bukan untuk dimiliki. Akan tetapi, orang tadi tidak mengetahui peraturannya dan menyangka bahawa baki diberikan untuknya. Ketika hatinya mula berminat dengannya, dia diminta untuk mengembalikannya. Maka, dia pun gelisah dan menderita.

Sesiapa sahaja yang tahu tentang peraturan bekas perasap itu, maka dia akan memanfaatkannya, berterima kasih kepadanya, dan mengembalikannya semula kepada pemiliknya dengan senang hati dan

hatinya pun terasa lega.

Demikianlah peraturan Allah di dunia. Sesungguhnya dunia adalah rumah bagi para tetamu yang singgah, bukan sebagai tempat menetap. Tujuannya agar mereka mengambil bekalan yang bermanfaat dari sana, seperti mereka memanfaatkan pinjaman bekas perasap tadi, yang kemudian mereka meninggalkannya untuk orang yang berkunjung berikutnya dengan senang hati tanpa ada pautan hati dengannya, tidak seperti orang yang mengaitkan hatinya padanya.

Sifat Tercela 8: Sombong

Berkenaan dengan a*l-Kibr* atau sombong, Allah ﷻ berfirman di dalam surah al-Mukmin ayat 35 dan 76:

﴿ كَذَٰلِكَ يَطۡبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلۡبِ مُتَكَبِّرٖ جَبَّارٖ ۝ ﴾

Ertinya: "Demikianlah Allah mengunci mati ke atas hati tiap-tiap orang yang sombong takabbur, lagi bermaharajalela pencerobohannya!"

﴿ فَبِئۡسَ مَثۡوَى ٱلۡمُتَكَبِّرِينَ ۝ ﴾

Ertinya: "Maka seburuk-buruk tempat bagi orang-orang yang sombong takabbur ialah neraka Jahannam."

Firman Allah ﷻ di dalam hadis Qudsi;

((الْكِبْرِيَاءُ رِدَائِي، والْعَظَمَةُ إِزَارِي ، فَمَنْ نَازَعَنِي فِيهِمَا قَاصَمْتُهُ.))

Ertinya:"Keagungan adalah selendangKu, Kesombongan adalah jubahKu. sesiapa sahaja yang menyaingiKu dengan kedua-dua sifat itu, maka Aku akan memusuhinya"[126]

---

[126] Hadis Qudsi ini diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Ibnu Hibban serta Abu Daud, kesemuanya dengan pelbagai lafaz yang hampir sama. Manakala dalam sahih Muslim menyebut الْكِبْرِيَاءُ رِدَاؤه.

Nabi ﷺ bersabda:

«لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبْرٍ.»

Ertinya: "Tidak akan masuk syurga orang yang di dalam hatinya ada kesombongan sebesar zarah/atom."[127]

Nabi ﷺbersabda:

«يُحْشَرُ الْجَبَّارُونَ وَالْمُتَكَبِّرُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي صُوَرُ الذَّرِّ يَطَؤُهُمُ النَّاسُ لِهَوَانِهِمْ عَلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ.»

Ertinya: "Orang-orang yang angkuh dan sombong pada hari kiamat akan dibawa dalam bentuk debu yang berterbangan. Manusia akan menginjak mereka kerana mereka menghina Allah ﷻ."[128]

Nabi ﷺ bersabda kepada Bilal:

«إِنَّ فِي جَهَنَّمَ وَادِيًا يُقَالُ لَهُ : هَبْهَبُ حَقًّا عَلَى اللهِ أَنْ يُسْكِنَهُ كُلَّ

---

[127] Riwayat Muslim, Tirmizi, Abi Daud, Ibn Majah dan Imam Ahmad di dalam satu riwayat sehingga kalimah مِثْقَالُ ذَرَّةٍ

[128] Riwayat al-Bazzar dengan sanad yang hasan.

جَبَّارٍ ، فَإِيَّاكَ يَا بِلَالُ أَنْ تَكُونَ مِمَّنْ يَسْكُنُهُ.»

Ertinya: "*Sesungguhnya di dalam neraka terdapat satu lembah yang disebut Habhab. Hak Allah lah untuk menempatkan orang-orang yang angkuh di sana. Maka, kamu harus berhati-hati wahai Bilal, jangan sampai kamu termasuk orang yang tinggal di dalamnya*." [129]

Nabi ﷺ berdoa:

«اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ نَفْخَةِ الْكِبْرِيَاءِ.»

Ertinya: "*Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari dengusan kesombongan*."[130]

Nabi ﷺ bersabda:

«لَا يَنْظُرُ اللَّهُ تَعَالَى إِلَى مَنْ جَرَّ ثَوْبَهُ خُيَلَاءَ.»

Ertinya: "Allah ﷻ tidak akan memandang orang yang

---

[129] Riwayat Abu Ya'la, al-Tabarani, al-Hakim dan al-'Iraqi mendhaifkannya.

[130] Al-'Iraqi mengatakan: beliau tidak menjumpai lafaz sedemikian.

melabuhkan pakaiannya kerana sombong."[131]

Nabi ﷺ bersabda:

«مَنْ تَعَظَّمَ فِي نَفْسِهِ أَوْ اخْتَالَ فِي مِشْيَتِهِ لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضْبَانُ.»

Ertinya: "Barang siapa yang membangga- bangga dirinya dan bertingkah ketika berjalan, nescaya dia akan bertemu Allah dalam keadaan marah kepadanya." [132]

Nabi ﷺ bersabda, berkenaan dengan keutamaan rendah hati:

«مَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا وَمَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ.»

Ertinya: "Allah akan menambah kemuliaan seorang hamba kerana memaafkan (kesalahan orang lain). Dan tidak akan berkurangan harta dengan bersedekah. Dan

---

[131] Riwayat al-Bukhari, Muslim dan al-Tirmizi dengan lafaz اِزاره بدل ثوبه

[132] Riwayat Ahmad, Tabarani dan al-Hakim mensahihkannya. Begitu juga al-Baihaqi dan al-Bukhari di dalam *Adab al-Mufrad*, al-Haithami mengatakan bahawa semua rijalnya adalah mengikut syarat sahih.

tiadalah sikap rendah diri seseorang melainkan Allah akan meninggikan darjatnya." [133]

Nabi ﷺ bersabda:

«طُوبَى لِمَنْ تَوَاضَعَ مِنْ غَيْرِ مَسْكَنَةٍ»

Ertinya: "Beruntunglah orang yang bersikap rendah hati bukan kerana miskin."[134]

Allah ﷻ mewahyukan kepada Nabi Musa عليه السلام: "*Aku hanya menerima solat orang yang merendah diri kerana keagunganKu, tidak bersikap tinggi hati kepada makhlukKu, hatinya selalu takut kepadaKu, menghabiskan waktu siangnya untuk berzikir kepadaKu dan menahan nafsunya dari pelbagai keinginan keranaKu*."

Nabi ﷺ bersabda:

«إِذَا تَوَاضَعَ الْعَبْدُ لِلَّهِ رَفَعَ اللهُ رَأْسَهُ إِلَى السَّمَاءِ السَّابِعَةِ.»

Ertinya: "Apabila seorang hamba bertawadhu' kerana Allah, nescaya Allah akan mengangkatnya ke langit yang ketujuh."[135]

---

[133] Riwayat Muslim.

[134] Riwayat al-Baghawi, al-Tabarani dan al-Bazzar.

[135] Riwayat al-Baihaqi dengan sanad yang dhaif

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ التَّوَاضُعَ لَا يَزِيدُ الْعَبْدُ إِلَّا رِفْعَةً, فَتَوَاضَعُوا رَحِمَكُمُ اللهُ»

Ertinya: "Sesungguhnya sikap tawadhu' itu menambah kemuliaan seorang hamba. Oleh kerana itu, bertawadhu'lah kamu, semoga Allah akan menyayangi kamu."[136]

Nabi ﷺ bersabda:

«انَّهُ لَيَعْجِبُنِي أَنْ يَحْمِلَ الرَّجُلُ الشَّيْءَ فِي يَدِهِ فَيَكُوْنُ مِهْنَةً لِأَهْلِهِ يَدْفَعُ بِهِ ٱلكِبْرَ عَنْ نَفْسِهِ.»

Ertinya: "Sesungguhnya mengagumkanku seseorang yang membawa sesuatu di tangannya, kemudian dia berkhidmat untuk keluarganya, yang dia dapat mencegah kesombongan dari dirinya kerana layanan (kepada keluarganya) tadi." [137]

---

[136] Riwayat Ibn 'Adi dengan sanad yang dhaif

[137] Al-'Iraqi mengatakan bahawa hadis ini gharib.

Hakikat Kesombongan

Hakikat kesombongan adalah melihat diri sendiri lebih tinggi daripada orang lain dalam sifat-sifat kesempurnaan. Maka, muncullah dalam hati sifat kebanggaan kerana keburukan dan pegangan tersebut. Berikutan itu Rasulullah ﷺ berdoa:

«اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ نَفْخَةِ الْكِبْرِيَاءِ.»

Ertinya: "Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari dengusan kesombongan."[138]

Maka dengan itu, apabila sebahagian sahabat minta izin dari Umar رضي الله عنه untuk memberi nasihat (ceramah) setelah solat Subuh. Umar berkata; *"Sebenarnya aku takut nanti kamu akan bersikap bongkak apabila mengetahui kedudukan kamu yang tinggi mencapai bintang."*

Kebongkakan ini memunculkan perbuatan meninggikan diri pada seseorang hamba. Misalnya, bersikap menonjolkan diri dalam setiap pertemuan, mengambil jalan paling depan ketika berjalan, melihat dengan pandangan melecehkan kepada orang lain, dan marah jika orang lain tidak

---

[138] Al-'Iraqi mengatakan beliau tidak menjumpai lafaz sedemikian.

mengucapkan salam lebih dahulu kepadanya, kemudian dia mengurangkan keperluan dan penghormatannya kepada orang tersebut.

Juga mengakibatkan seorang hamba bersikap kasar ketika diberi nasihat dan sebaliknya dia bersikap kasar dalam memberikan nasihat dan mengajar, menolak kebenaran jika berbincang dan melihat kepada orang ramai seolah-olah melihat keldai.

Sikap sombong ini dianggap dosa besar hingga tak akan masuk syurga orang yang memiliki kesombongan dalam hatinya walau hanya sebesar zarah. Sebab, di sebalik kesombongan ini terdapat tiga keburukan yang besar.

Keburukan Pertama : Menyaingi Allah ﷾ dalam sifat yang khusus bagiNya. Ini adalah kerana kesombongan adalah selendangNya, seperti yang telah Allah ﷾ firmankan[139]. Juga keagungan tidak layak kecuali hanya untukNya. Maka, dari manakah kamu dapat mengaitkan sesuatu keagungan kepada seorang hamba yang lemah yang tidak menguasai apa pun permasalahan dirinya, lebih-lebih urusan orang lain?

---

[139] Di dalam hadis qudsi yang telah dinyatakan pada halaman 165.

Keburukan Kedua: Membawanya untuk menentang kebenaran dan memandang rendah orang lain. Nabi ﷺ bersabda menjelaskan makna sombong:

«الْكِبْرُ مَنْ سَفَّهُ الْحَقَّ وَغَمَصَ النَّاسَ.»

Ertinya: "Kesombongan berasal dari ketidaktahuan akan kebenaran dan merendahkan orang lain, bersikap sombong pada kebenaran, menutup pintu kebahagiaan dan meremehkan orang lain." [140]

Sebahagian ulama' berkata bahawa Allah ﷻ menyembunyikan tiga perkara di sebalik tiga perkara:

a) **Menyembunyikan keredaanNya di sebalik ketaatan kepadaNya.**
Maka, janganlah sekali-kali kamu merendahkan sesuatu dari ketaatanNya kerana boleh jadi reda Allah ada di dalamnya.

b) **Menyembunyikan murkaNya di sebalik bermaksiat kepadaNya.**
Janganlah kamu menganggap remeh suatu maksiat betapa pun kecilnya ia. Sebab, boleh

[140] Riwayat Muslim dan juga al-Tirmizi.

jadi, ada kemurkaan Allah ﷻ di dalamnya.

c) **Menyembunyikan waliNya di kalangan hamba-hambaNya.**
Maka, janganlah sekali-kali meremehkan salah seorang di antara mereka, boleh jadi dia adalah wali Allah ﷻ.

Keburukan Ketiga: Menjadi penghalang antara dirinya dan semua akhlak terpuji.

Ini adalah kerana ;

a) Orang yang sombong tak akan mampu mencintai orang lain sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.
b) Orang yang sombong juga tidak boleh bersikap rendah hati, meninggalkan kekerasan, kedengkian dan amarah.
c) Orang yang sombong tidak juga mampu menahan marah dan untuk memberi nasihat dengan lembut dan tidak pula mampu meninggalkan riya'.

Kesimpulannya, akhlak buruk akan mengakibatkan seorang yang sombong bergelumang dalam dosa. Adapun akhlak yang mulia akan menuntun seorang hamba untuk meninggalkan kesombongan.

Mengubati Kesombongan

Perubatan yang terbaik untuk menghilangkan keburukan sifat sombong adalah dengan mengenali diri sendiri yang kejadian awalnya adalah daripada setitis mani yang menjijikkan. Manakala pengakhirannya adalah bangkai yang busuk. Sedangkan selama tempoh waktu antara kedua-dua perkara tersebut dia hanya membawa kotoran. Ini dapat difahami daripada firman Allah ﷻ:

﴿ قُتِلَ ٱلۡإِنسَٰنُ مَآ أَكۡفَرَهُۥ ۞ مِنۡ أَيِّ شَيۡءٍ خَلَقَهُۥ ۞ مِن نُّطۡفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ ۞ ثُمَّ ٱلسَّبِيلَ يَسَّرَهُۥ ۞ ثُمَّ أَمَاتَهُۥ فَأَقۡبَرَهُۥ ۞ ﴾

Ertinya: "Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar) itu, betapa besar kekufurannya? (Tidakkah ia memikirkan) dari apakah ia diciptakan oleh Allah? Dari air mani diciptakanNya, serta dilengkapkan keadaannya dengan persediaan untuk bertanggungjawab. Kemudian jalan (baik dan jahat), dimudahkan Tuhan kepadanya (untuk menimbang dan mengambil mana satu yang ia pilih). Kemudian dimatikannya, lalu diperintahkan supaya ia dikuburkan."

Surah 'Abasa: 17-21

Seseorang mesti tahu bahawa dia diciptakan dari rahsia ketiadaan yang sebelumnya dia bukanlah sesuatu yang boleh disebut. Tidak ada sesuatu pun yang lebih ringan daripada ketiadaan. Kemudian Dia

(Allah) menciptakannya dari tanah, kemudian dari setitis air mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging, tanpa pendengaran dan penglihatan, tanpa kehidupan dan kekuatan. Dia (Allah) menciptakan semuanya untuk dirinya setelah melewati keadaan yang amat sangat lemah yang akan diserang penyakit dan gangguan.

Berdasarkan wataknya, Dia berlawan antara satu sama lain, kemudian mereka saling menghancurkan.
Dia boleh menjadi sakit, rasa lapar dan haus dengan dipaksa.
Dia ingin mengetahui sesuatu, tetapi Dia (Allah) membuatnya bodoh.
Dia ingin melupakan sesuatu, tetapi Dia (Allah) mengingatkannya.
Dia membenci sesuatu, tetapi Dia (Allah) membuatnya bermanfaat.
Dia menginginkan sesuatu, tetapi Dia (Allah) memberinya kerugian.
Dia tidak boleh berasa selamat walaupun sekejap dari kemungkinan nyawanya, akalnya, kesihatan atau salah satu anggota tubuhnya akan dicabut.
Maka, akhirnya adalah kematian dan berhadapan dengan balasan dan perhitungan.

Jika dia termasuk penghuni neraka, maka babi adalah lebih baik daripada dirinya. Apakah dasarnya sehingga dia layak memiliki sifat sombong itu, sementara dia adalah seorang hamba yang dikuasai dan lemah, tidak mampu melakukan apa pun.

Al-Hasan al-Basri berkata kepada orang yang berjalan dengan sombong: "*Jalan seperti ini tidak layak bagi orang yang ada kotoran di dalam perutnya.*"

Lantas, apakah layak orang yang membasuh kotorannya dengan tangannya dua kali sehari, setiap hari dan dia pun selalu membawanya, untuk memiliki kesombongan?

Rincian Dalam Mengubati Kesombongan

Ubat kepada sifat sombong secara terperinci dengan memerhatikan penyebab kesombongan terdiri dari empat jenis;

Ubat Pertama: Ilmu

Nabi ﷺ bersabda:

«آفَاتُ الْعِلْمِ الخُيَلاءُ.»

Ertinya: "Perosak ilmu adalah kesombongan." [141]

Nabi ﷺ bersabda:

«لاَ تَكُوْنُوْا مِنْ جَبَابِرَةِ الْعُلَمَاءِ, فَلَا يَفِي عِلْمُكُم بِجَهْلِكُمْ.»

Ertinya: "Janganlah kamu menjadi ulama-ulama yang bersifat sombong kerana ilmu kamu tidak akan menghapus kebodohan kamu." [142]

Hanya sedikit ulama yang akan bebas daripada penyakit sombong. Sebab, dia melihat dirinya berada di atas orang lain disebabkan ilmu yang merupakan keutamaan termulia pada sisi Allah ﷻ.

Kadangkala dia bersikap sombong dengan agama kerana melihat dirinya lebih mulia di sisi Allah ﷻ daripada orang lain.

Kadangkala dia sombong dengan dunia kerana memandang dirinya mempunyai hak ke atas orang lain. Dia berasa hairan kepada orang lain jika mereka tidak bersikap rendah kepadanya. Yang seperti inilah yang lebih layak disebut orang bodoh.

---

[141] Riwayat al-Qudha'i dengan sanad yang dhaif dan lafaz yang hampir sama.

[142] Riwayat ini terdapat di dalam *Ihya'* dan al-Khatib juga meletakkan hadis ini di dalam al-Jami'.

Ini kerana, ilmu yang sejati adalah ilmu yang boleh mengenalkannya dengan Tuhannya, dirinya, bahaya akhir kehidupan dan hujjah Allah ﷻ kepadanya. Hendaklah dia memerhatikan yang terakhir. Ketika dia melihat orang bodoh, lalu berkata: *“Dia melakukan maksiat kepada Allah disebabkan oleh kebodohannya. Akan tetapi, aku menderhakaiNya dengan ilmu, maka hujah Allah ke atasku lebih berat.”*

Abu Darda' رضي الله عنه berkata: *"Barang siapa yang bertambah ilmunya, bertambah rendahlah hatinya."*

Allah ﷻ berfirman kepada NabiNya ﷺ dalam surah Al-Syu’ara’ ayat 215:

﴿ وَٱخۡفِضۡ جَنَاحَكَ لِمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ۝ ﴾

Ertinya: *“Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman.”*

Nabi ﷺ bersabda:

«يَكُونُ قَوْمٌ يَقْرَؤُونَ الْقُرْآنَ، فَلَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ، يَقُولُونَ قَدْ قَرَأْنَا الْقُرْآنَ، فَمَنْ أَقْرَأُ مِنَّا وَأَعْلَمُ مِنَّا؟ ثُمَّ الْتَفَتَ وَقَالَ : أُولَئِكَ مِنْكُمْ أَيُّهَا

الْأُمَّةُ أُولَئِكَ هُمْ وَقُودُ النَّارِ.»

Ertinya: "Akan ada nanti suatu kaum yang mereka membaca Al-Quran, tetapi tidak lebih sekadar melalui tekak mereka. Mereka berkata; Kami telah membaca Al-Quran. Adakah yang lebih banyak membaca dan lebih pandai daripada kami?" Kemudian Rasulullah ﷺ berpaling seraya berkata: Mereka itulah sebahagian dari kamu wahai umatku. Mereka itulah kayu bahan bakar api neraka."[143]

Ulama salaf sangat berhati-hati tentang perkara ini. Pada suatu ketika, Huzaifah ؓ melaksanakan solat mengimami suatu kaum. Ketika selesai salam, dia berkata dengan menginsafi dirinya: *"Hendaklah kamu mencari imam selain aku, atau kamu akan solat sendiri-sendiri. Sesungguhnya aku telah memandang dalam diriku bahawa tidak ada seorang pun di kalangan kaum ini yang lebih mulia daripada-ku."*

Setiap orang mesti berfikir bahawa ada ramai orang Muslim yang pernah bertemu dengan Umar ؓ sebelum dia memeluk Islam dan mereka merendahkannya. Kemudian akhir kehidupan Umar

---

[143] Diriwayatkan oleh Ibn Mubarak dalam *al-Zuhd* dan *al-Raqaiq.*

seperti yang kita tahu, mereka itu (yang sebelumnya merendahkannya) adalah orang Muslim yang mungkin murtad setelah Umar memeluk Islam. Orang yang sombong adalah sebahagian dari neraka dan orang yang disombongi ada kemungkinan adalah penghuni syurga.

Tidak ada seorang alim pun kecuali dia wajar membayangkan sebagai peringatan bahawa Allah akan memberinya akhir kehidupan yang buruk dan memberi akhir kehidupan yang baik bagi orang yang bodoh. Lalu, mengapa dia menjadi sombong padahal dia tahu akan perkara tersebut?
Nabi ﷺ bersabda:

«يُؤْتَى بِالْعَالِمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيُلْقَى فِي النَّارِ, فَتَنْدَلِقُ أَقْتَابُهُ فَيَدُورُ بِهَا كَمَا يَدُورُ الْحِمَارُ بِالرَّحَا, فَيُطِيفُ بِهِ أَهْلُ النَّارِ فَيَقُولُونَ: مَا لَكَ!؟ فَيَقُولُ كُنْتُ آمُرُ بِالْخَيْرِ وَلَا آتِيهِ, وَأَنْهَى عَنِ الشَّرِّ وَآتِيهِ.»

Ertinya: "Pada hari kiamat nanti, akan dihadirkan seorang yang berilmu, tetapi kemudian dia dimasukkan ke dalam neraka. Maka terburailah ususnya. Dia pun berpusing-pusing dengan ususnya tersebut, seperti keldai mengelilingi penggilingan. Kemudian penghuni neraka mengelilinginya seraya bertanya; Mengapa keadaan mu begini? Dia akan menjawab; Aku dahulu menyuruh

(orang lain) berbuat baik, tetapi aku sendiri tidak melakukannya. Aku melarang orang berbuat keburukan, tetapi aku sendiri melakukannya." [144]

Lalu, orang berilmu manakah yang boleh terselamat daripada hal itu, sementara dia tidak disibukkan oleh rasa takutnya daripada sifat sombong?

Allah ﷻ berfirman berkaitan dengan Bal'am bin Ba'ura, salah seorang ulama besar Bani Israil:[145]

﴿فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث﴾

Ertinya: *"Maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika Engkau membiarkannya: ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah*."

Surah al-'Araf: 176

Ini disebabkan dia selalu mengikut nafsunya. Allah ﷻ juga berfirman tentang seorang ulama Yahudi:

﴿كَمَثَلِ ٱلْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًۢا ۚ﴾

---

[144] Muttafaqun 'Alaih daripada Usamah bin Zaid.

[145] Beliau adalah salah seorang ulamak Bani Israil pada zaman Nabi Musa, atau beliau adalah berasal dari suku Kan'an yang telah dikurniakan ilmu sebahagian daripada Kitab Allah. Ithaf (10/346). Lihat kisahnya dalam kitab tafsir.

Ertinya: “*Seperti keldai yang membawa kitab-kitab yang tebal*.”

Surah al-Jumu'ah: 5

Hendaklah dia melihat riwayat hadis tentang para ulama yang buruk sehingga rasa takutnya akan mengalahkan perasaan sombong. Sikap sombong akan tetap bersarang bersama hal ini bagi orang yang sibuk dengan ilmu-ilmu yang tidak bermanfaat dalam agama, seperti ilmu debat dan ilmu bahasa, atau bagi orang yang sibuk dengan ilmu, tetapi dia sendiri berhati buruk sehingga bertambah buruklah kerana ilmunya tersebut.

Ubat Kedua: Sikap Wara’ Dan Ibadah

Seorang yang selalu beribadah, maka dikhuatiri tidak akan terhindar dari sikap sombong yang kadangkala kemuncak pada kedunguan sebahagian di kalangan mereka hingga mengaitkan sama ada penderitaan atau kesenangan orang lain dengan kekeramatannya. Apabila ada orang yang menyakitinya meninggal dunia atau sakit. Dia akan berkata: “Kamu telah menyaksikan apa yang dilakukan oleh Allah ﷻ kepadanya.” Mungkin juga akan berkata pada saat merasakan kesakitan: “Kamu akan melihat apa yang akan terjadi pada dirinya.”

Tidakkah dia mengerti dan melihat sejarah bahawa golongan kafir jahiliah pernah memukul dan menyakiti para Nabi, kemudian mereka hidup dengan senang di dunia dan tidak ada yang menuntut balas pada mereka. Bahkan ada antara golongan kafir itu yang mendapat hidayah, lantas mereka pun memeluk Islam dan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat? Maka wajarkah seorang abid melihat seolah-olah dirinya lebih baik dari para Nabi dan orang-orang yang menyakitinya lebih buruk daripada orang-orang kafir.

Hak seorang hamba ketika melihat seorang yang berilmu adalah mesti bersikap merendah diri kerana kebodohannya dan jika melihat seorang fasiq dia menginsafi dengan berkata: “Mungkin sahaja dia memiliki akhlak batin yang tertutup oleh kederhakaan lahiriahnya dan mungkin sahaja di dalam batinku ada rasa hasad dan riya’ yang merupakan keburukan tersembunyi yang membuat Allah murka kepadaku disebabkan oleh sifat-sifat tadi sehingga Dia tidak menerima amal lahiriahku dan bahawasanya Allah ﷻ menilai hati, bukan pada zahir.”

Antara keburukan batin adalah sikap sombong. Diceritakan bahawa seorang lelaki dari Bani Israil

digelar Si Keji dari Bani Israil kerana kejahatannya, dia duduk mendekati seorang ahli ibadah dari Bani Israil seraya berkata: “Mudah-mudahan Allah ﷾ menyayangiku kerana berkat dirinya.” Ahli ibadah itu pun terdetik dalam batinnya: “Mengapa orang yang fasiq seperti ini duduk bersamaku?” seraya berkata kepada orang fasiq tersebut: “Jauhlah dariku!” Allah ﷾ menurunkan wahyu kepada seorang Nabi yang hidup pada masa itu: “Suruh kedua- duanya untuk memulakan lagi beramal! Aku sudah mengampuni Si Keji dan telah menghapus amal si ahli ibadah.”

Diceritakan bahawa seorang lelaki menginjak leher seorang abid di kalangan Bani Israil ketika beliau sedang sujud, maka beliau berkata: “Angkatlah kakimu! Demi Allah, Dia tidak akan mengampunimu sama sekali.” Lalu Allah ﷾ menurunkan wahyu kepadanya: “Wahai orang yang bersumpah denganKu. Bahkan, Allah tidak akan mengampunimu.”

Orang yang cerdik adalah orang yang berhati-hati dengan sifat tersebut seraya berkata seperti yang diucapkan oleh 'Atha' al-Sulami, seorang yang sangat warak. Jika ada angin taufan berhembus atau halilintar menyambar, 'Atha' berkata: "Musibah yang menimpa orang itu hanyalah disebabkan

olehku, dan seandainya 'Atha' meninggal dunia, nescaya mereka tak akan terkena musibah lagi." Antara manusia yang cerdik juga ada yang berkata ketika berada di Padang Arafah: "Aku memohon rahmat untuk mereka semua, walaupun aku tidak bersama mereka."

Justeru, perhatikanlah perbezaan di antara orang yang mengikhlaskan amalnya dan warak, kemudian dia takut atas dirinya sendiri, berbanding dengan orang yang mengusahakan amalan zahir yang barangkali tidak terhindar dari sifat riya' dan cacat, kemudian dia mengungkit amalnya kepada Allah?

Ubat Ketiga: Penyakit Bangga Dengan Keturunan

Penyakit bangga dengan keturunan, penyembuhannya adalah dengan melihat kembali keturunan. Sesungguhnya ayah hanyalah air mani yang berbau busuk, datuk hanyalah tanah, padahal tidak ada yang lebih hina daripada air mani dan tanah.

Selain daripada itu, orang yang berbangga dengan keturunan, bererti dia berbangga dengan kebaikan orang lain. Andaikan nenek moyang mereka masih boleh berbicara, nescaya mereka akan berkata: "Siapakah kamu dalam dirimu sendiri? Kamu

hanyalah cacing yang berasal dari air kencing orang yang memiliki akhlak yang baik.”

Ada syair yang berbunyi,

Jika kamu membanggakan nenek moyang pemilik keturunan, kamu benar.
Tetapi, alangkah buruk keturunan mereka.

Bagaimana mungkin dia berbangga dengan garis keturunan ahli dunia, padahal mungkin sahaja mereka menjadi abu di neraka, hingga mereka berharap alangkah baik sekiranya dahulu mereka itu hanyalah babi atau anjing sehingga boleh bebas dari neraka.

Bagaimana mungkin dia berbangga dengan garis keturunan dari ahli agama, sementara mereka sendiri tidak menyombongkan diri mereka, padahal ahli agama adalah orang yang dimuliakan kerana agama. Antara ajaran agama adalah sikap rendah hati. Salah seorang antara mereka berkata: “Alangkah baiknya jika aku hanyalah seekor serigala dan alangkah baiknya jika aku hanyalah seekor burung.” Mereka semua telah dikuasai oleh rasa takut akan balasan untuk sifat sombong, padahal ilmu dan amal mereka sangat banyak. Layakkah seseorang berbangga dengan garis keturunan,

sementara dia tidak memiliki kebaikan seperti mereka?

Ubat Keempat : Penyakit Sombong Kerana Harta, Ketampanan dan Ramai Pengikut.

Sombong dengan perkara-perkara di atas merupakan kebodohan kerana semuanya merupakan perkara-perkara di luar diri, iaitu harta dan pengikut.

Bagaimana mungkin dia bersikap sombong dengan kebaikan yang diambil oleh tangan pencuri dan oleh perampas?

Bagaimana mungkin dia berbangga dengan ketampanan yang oleh sakit demam selama sebulan sahaja dapat merosaknya, begitu pun penyakit cacar boleh menghapusnya?

Andai kata orang yang berwajah tampan memikirkan betapa buruk perutnya, nescaya dia akan membuatnya tersedar akan keindahan lahiriah.

Andai kata orang yang berwajah tampan tidak mengurus badannya selama seminggu dengan tidak mandi dan membersihkannya, maka dia akan

menjadi lebih berbau daripada bangkai, lebih berbau daripada bau mulut dan bau busuk yang berasal dari badan, lebih berbau daripada bau kotoran manusia dan lebih tidak disukai dari kotoran, hingus dan tahi mata.

Apa alasan bagi tempat pembuangan sampah untuk membanggakan ketampanannya? Manusia pada dasarnya adalah tempat pembuangan sampah kerana dia adalah sumber kotoran dan benda-benda najis.

Sifat Tercela 9: Perihal 'Ujub

Allah ﷻ berfirman di dalam surah at-Taubah ayat 25;

﴿ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ ﴾

Ertinya: "Dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai."

Allah ﷻ juga berfirman di dalam surah al-Kahfi ayat 104:

﴿ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ۞ ﴾

Ertinya: "Mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan."

Allah ﷻ juga berfirman di dalam surah an-Najm ayat 32:

﴿ فَلَا تُزَكُّوٓا۟ أَنفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ ٱتَّقَىٰٓ ۞ ﴾

Ertinya: "Maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dia lah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa."

Rasulullah ﷺ bersabda:

«ثَلَاثٌ مُهْلِكَاتٌ شُحٌّ مُطَاعٌ وَهَوًى مُتَّبَعٌ وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ.»

Ertinya: "Tiga perkara yang membinasakan; kedekut yang diikuti, nafsu yang dituruti dan kekaguman seseorang ke atas dirinya sendiri"[146]

Ibnu Mas'ud ؓ berkata: "Kebinasaan itu terdapat dalam dua perkara: putus asa dan rasa bangga diri. Kedua sifat di atas digabungkan kerana orang yang putus asa tidak mencari kebahagiaan lagi kerana sifat putus asanya, sedangkan orang yang berbangga diri tidak mencari kebahagiaan kerana dia menduga bahawa dia sudah memperolehinya."

Nabi ﷺ bersabda:

«لَوْ لَمْ تَكُونُوا تُذْنِبُونَ لَخِفْتُ عَلَيْكُمْ مَا هُوَ أَكْبَرُ مِنْ ذَلِكَ الْعُجْبَ الْعُجْبَ.»

Ertinya: "*Walaupun kamu tidak melakukan dosa, aku tetap khuatir akan menimpa kamu sesuatu yang lebih besar daripadanya, iaitu bangga diri, bangga diri*."[147]

---

[146] Riwayat al-Bazzar, al-Tabarani dan al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* daripada Anas dengan sanad yang dhaif.

Pernah Saidatina Aisyah Radiyallahu ‘Anha ditanya: “Bilakah seseorang menjadi buruk?” Beliau menjawab: “Ketika dia mengira bahawa dirinya orang yang baik.”

Pernah seseorang melihat Basyar bin Mansur yang memanjangkan solatnya dan memperelokkan ibadahnya. Apabila dia selesai, dia pun berkata: *“Janganlah sekali-kali membuat kamu tertipu dengan apa yang kamu lihat dariku. Sesungguhnya Iblis menyembah Allah ﷻ dan mengerjakankan solat selama ribuan tahun, namun kemudian dia menjadi seperti yang telah terjadi*.”

Hakikat ‘Ujub

Hakikat ‘ujub atau bangga diri adalah pengagungan atau keakuan terhadap diri sendiri, khususnya yang berupa kenikmatan dan kepercayaan kepadanya dengan lupa menghubungkan kepada Pemberi nikmat dan keamanan dari kehilangannya. Jika dihubungkan dengan melihat diri sendiri bahawa dia

---

[147] Riwayat al-Bazzar, Ibn Hibban di dalam al-Dhu’afa’. al-Baihaqi dalam *Syu’ab al-Iman* daripada Anas dan di dalamnya terdapat seorang *rijal* yang diperselisihkan, namun menurut al-Munziri isnad al-Bazzar adalah *jayyid*.

memiliki hak dan kedudukan di sisi Allah, hal itu disebut angkuh.

Dalam satu riwayat disebutkan bahawa solat orang yang angkuh tidak akan diangkat naik lebih tinggi dari kepalanya. Tanda keangkuhan adalah berasa hairan apabila orang menolak ajakannya, dan berasa hairan terhadap keteguhan keadaan orang yang disakitinya.

‘Ujub adalah penyebab kesombongan. Akan tetapi, kesombongan menyebabkan orang yang sombong berbangga diri. Sedangkan bangga diri terbatas pada perseorangan. Adapun orang yang melihat kurnia Allah ﷻ pada dirinya berupa amal, ilmu dan yang lain. Dia khuatir akan kehilangannya dan senang atas kurnia Allah ﷻ pada dirinya kerana dia berasal dari Allah, maka dia bukanlah orang yang bangga diri.

Mengubati ‘Ujub

Bangga diri merupakan kebodohan semata-mata. Maka, ubatnya adalah ilmu tulen. Sesungguhnya jika seseorang berbangga diri atas kekuatan dan ketampanan atau perkara yang tidak berkaitan dengan usahanya, maka dia juga adalah bodoh. Sebab, bukan itu yang patut dia banggakan.

Mestinya dia bangga diri terhadap apa yang sebenarnya diberikan kepadanya tanpa ada hak untuk dia mendapatkannya. Ini menyebabkan dia juga turut memikirkan tentang kehilangan kehebatan itu dalam waktu yang terdekat mungkin kerana sakit yang ringan dan sedikit kelemahan sahaja.

Jika dia bangga diri kerana ilmu dan amalnya, dan semua perkara yang di bawah usahanya, maka mestinya dia memikirkan amal-amalnya, mengapa itu mudah baginya? Maka, hakikatnya tidaklah menjadi mudah baginya kecuali dengan anggota badan, kekuatan, kehendak dan pengetahuan, yang semuanya merupakan ciptaan Allah ﷻ.

Jika Allah ﷻ menciptakan anggota tubuh dan kemampuan, dan Dia mencampurkan pengaruh pendukung dan penghalau rintangan, maka akan wujudlah perbuatan amalan adalah suatu hal yang pasti. Maka, tak ada alasan bagi orang yang bangga diri terhadap sesuatu amalan yang sebenarnya dia perolehi kerana dipaksa. Dia dipaksa pada pilihanNya. Sesungguhnya dia berbuat bila Dia menghendaki. Akan tetapi, jika Allah menghendaki, baik dia mahu atau tidak mahu, pasti kehendakNya akan terjadi.

Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Insan ayat 30:

﴿ وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ﴾

Ertinya: "Dan kamu tidak mampu (untuk menempah jalan itu), kecuali bila dikehendaki oleh Allah."

Kunci dalam beramal adalah apabila terputusnya keinginan dan terurusnya faktor penyebab yang merupakan refleksi sempurna kekuatan dan anggota. Semua itu berada di tangan Allah ﷻ.

Tahukah kamu, seandainya ada kunci gudang di tangan seorang Raja, lalu dia berikan kunci itu kepadamu, lantas kamu mengambil harta dari gudang tersebut, apakah kamu akan hairan dengan kedermawanannya jika dia berikan kunci itu kepadamu tanpa hak untuk memilikinya? Atau dengan kesempurnaanmu dalam mengambilnya. Lantas, kesempurnaan apakah yang terdapat dalam pengambilan sesuatu yang telah dimudahkan bagimu untuk mengambilnya?

Yang menghairankan adalah bangga dirinya orang yang berakal terhadap ilmu dan akalnya hingga dia berasa aneh jika Allah menjadikannya miskin dan

menjadikan kaya kepada beberapa orang yang bodoh. Dia berkata: “Mengapa Dia meluaskan kurnia kepada orang yang bodoh dan menjauhkannya dariku?” Jawapannya adalah: “Mengapakah Dia memberimu ilmu dan akal dan menjauhkannya dari orang bodoh?” Ini adalah pemberian dariNya, apakah kamu menjadikannya sebagai penyebab untuk memperoleh hak pemberian yang lain? Bahkan, andai kata dikumpulkan untukmu antara akal dan kekayaan serta Dia menjauhkan kedua-duanya dari orang bodoh, maka itulah yang lebih layak.

Apa yang harus dihairankan oleh orang yang berakal adalah seperti hairannya orang yang dianugerahi kuda oleh Raja, kemudian Raja menganugerahkan seorang hamba kepada orang lain pula. Dia berkata: “Mengapa hamba yang diberikan kepada Si Anu, bukannya kuda dan menjauhnya dariku, padahal aku adalah pemilik kuda tersebut?” Padahal dia menjadi pemilik kuda kerana pemberian (raja itu), maka kemudian pemberian itu dijadikan sebagai penyebab untuk mendapatkan hak pemberian yang lain. Inilah kebodohan yang nyata.

Bahkan, orang yang berakal, kekagumannya menjadi berterusan pada kurnia Allah ﷻ dan kemurahanNya kerana Dia telah memberinya ilmu dan akal, dan Dia menuntunnya untuk beribadah tanpa ada hak yang mendahuluinya untuk memperolehnya dariNya.

Sementara Dia menghalang hal itu kepada yang lain serta membentang diri daripada ajakan-ajakan yang merosak serta memaksa dengan menghilangkan ajakan-ajakan baik darinya, yang tidak disertai kesalahan yang mendahuluinya.

Jika dia melihat hal itu sebagai bukti, maka dia akan dikuasai oleh rasa takut sehingga kadangkala dia akan berkata: *"Allah telah memberiku kurnia di dunia tanpa ada perantara dan memberikannya kepadaku secara khusus, bukan kepada orang lain. Jika Dia melakukan ini tanpa ada penyebab, maka, boleh jadi, Dia mengazab dan merampas kurniaNya dariku juga tanpa adanya dosa dan penyebab. Apakah yang akan aku lakukan jika nikmat yang Dia limpahkan kepadaku merupakan penipuan dan pembinasaan?"*

Firman Allah ﷻ di dalam surah al-An'am ayat 44:

﴿ فَتَحۡنَا عَلَيۡهِمۡ أَبۡوَٰبَ كُلِّ شَيۡءٍ حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُواْ بِمَآ أُوتُوٓاْ أَخَذۡنَٰهُم بَغۡتَةً فَإِذَا هُم مُّبۡلِسُونَ ۝ ﴾

Ertinya: "Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersukaria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka secara mengejut (dengan bala bencana yang membinasakan)."

Firman Allah ﷻ juga di dalam surah al-A'raf ayat 182:

﴿ سَنَسۡتَدۡرِجُهُم مِّنۡ حَيۡثُ لَا يَعۡلَمُونَ ۝ ﴾

Ertinya: "Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit (ke jurang kebinasaan), menurut cara yang mereka tidak mengetahuinya."

Sifat Tercela 10: Riya’

Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Ma’un ayat 4-6:

﴿ فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ۝ ٱلَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۝ ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ۝ ﴾

Ertinya: “(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang. (Iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya. Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riya’ (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya).”

Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Insan ayat 9 :

﴿ إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمْ جَزَآءً وَلَا شُكُورًا ۝ ﴾

Ertinya: “(Sambil berkata dengan lidah atau dengan hati): "Sesungguhnya Kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; Kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih.”

Allah ﷻ berfirman dalam surah al-Kahfi ayat 110:

﴿ قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ۝ ﴾

Ertinya: "Katakanlah (Wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku Bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya."

Nabi ﷺ bersabda:

((إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكُ الْأَصْغَرُ، قِيلَ : مَا هُوَ؟ قَالَ : الرِّيَاءُ, يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، إِذَا جَازِيَ الْعِبَاد بِأَعْمَالِهِمْ : اذْهَبُوا إِلَى الَّذِينَ كُنْتُمْ تُرَاءُونَ فِي الدُّنْيَا فَانْظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً؟))

Ertinya: "Apa yang paling aku takutkan menimpa kamu adalah syirik terkecil. Baginda ditanya: Apakah syirik terkecil itu Rasulullah? Baginda menjawab: Riya'. Kelak pada hari kiamat Allah akan berfirman ketika Dia membalas amal semua hambaNya; Pergilah kamu kepada orang yang kamu lakukan riya' kerananya dan lihatlah apakah mereka memiliki pahala?"[148]

Nabi ﷺ bersabda dalam sebuah hadis yang panjang:

«يُقَالُ لِلْغَازِي وَالْعَالِمِ وَالْمُنْفِقُ إِذَا قَالَ : فَعَلْتُ كَذَا كَذَبْتَ, أَرَدْتَ أَنْ

يُقَالَ فُلَانٌ عَالِمٌ أَوْ شُجَاعٌ أَوْ جَوَادٌ أَوْ قَارِئٌ فَيَذْهَبُ بِهِ إِلَى النَّارِ.»

Ertinya: "Baginda berkata mengenai para perajurit, orang alim dan dermawan; Apabila mereka berkata : "Aku telah berbuat demikian(berperang, berilmu dan berderma), maka kamu adalah dusta, sebenarnya yang kamu kehendaki ialah dikatakan orang yang sangat berilmu, sangat berani, pemurah dan hebat bacaan al-Quran, maka pergilah ke neraka dengan hasrat itu.[149]

---

[148] Dikeluarkan oleh Ahmad, al-Baihaqi dalam *Syu'ab al-Iman* dan para perawinya bertaraf *thiqah.* Diriwayatkan juga oleh al-Tabarani di dalam *al-Kabir.*

[149] Diriwayatkan oleh Muslim, al-Tirmizi, al-Nasaie dan Ahmad. Apa yang dinukilkan oleh Imam al-Ghazali adalah riwayat dengan makna secara ringkasan.

Nabi ﷺ bersabda:

«اِسْتَعِيْذُوا بِاللَّهِ مِنْ جُبِّ الْحَزَنِ قَيل: مَا هُوَ؟ قَالَ: وَادٍ فِي جَهَنَّمَ أُعِدَّ لِلْقُرَّاءِ الْمُرَائِينَ.»

Ertinya: "Berlindunglah kamu dengan Allah dari lembah dukacita!" Baginda ditanya: "Apakah itu?" Baginda menjawab: "Lembah di neraka Jahannam yang disediakan bagi para pembaca al-Quran yang riya'."[150]

Allah ﷻ berfirman (dalam hadis Qudsi) yang bermaksud:

«مَنْ عَمِلَ لِي عَمَلًا أَشْرَكَ فِيهِ غَيْرِي فَهُوَ لَهُ كُلُّهُ وأَنَا مِنْهُ بَرِيءٌ وَأَنَا أَغْنَى الْأَغْنِيَاءِ عَنِ الشِّرْكِ.»

Ertinya: "Barang siapa yang melakukan suatu amal untukKu yang di dalamnya dia mempersekutukan dengan selainKu, maka semua amal itu untuknya dan Aku pun memutus hubungan darinya. Sebab, Akulah Zat

---

[150] Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan al-Tirmizi dengan status *gharib*, Ibnu 'Adiy pula mendhaifkannya.

yang paling tidak memerlukan persekutuan."[151]

Nabi ﷺ bersabda:

«لَا يَقْبَلُ اللّٰهُ عَمَلًا فِيهِ مِقْدَارُ ذَرَّةٍ مِنَ الرِّيَاءِ.»

Ertinya: "Allah tidak akan menerima suatu amal yang di dalamnya mengandungi riya' sebesar atom."[152]

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ أَدْنَى الرِّيَاءِ شِرْكٌ.»

Ertinya: "*Riya' yang paling rendah merupakan syirik."*[153]

Nabi Isa عليه السلام berkata: *"Jika pada suatu hari, salah seorang di antara kamu berpuasa, maka hendaklah dia meminyaki kepala dan janggutnya serta membasahi kedua-dua bibirnya agar tidak dilihat oleh orang lain bahawa dia sedang berpuasa. Jika dia memberi dengan tangan kanan, hendaklah*

---

[151] Dikeluarkan oleh Imam Malik tanpa lafaz وأَنَا مِنْهُ بَرِيءٌ. Diriwayatkan juga oleh Muslim dan Ibnu Majah dengan sanad yang sahih.

[152] Al-'Iraqi menyatakan bahawa beliau tidak pernah mendapati matan seperti ini. Al-Zabidi mengatakan bahawa rangkapan itu adalah ucapan Yusuf Bin Asbath. (*al-Ithaf* : 10/74)

[153] Dikeluarkan oleh al-Hakim dan al-Tabarani. Al-Iraqi menyatakan bahawa hadis ini bertaraf dhaif.

menyembunyikan dari tangan kirinya. Jika melaksanakan solat, hendaklah dia merapatkan tutup pintu. Allah ﷾ membahagikan pujian, seperti membahagikan rezeki.”

Umar ؓ berkata kepada seseorang yang menundukkan tengkuk kepalanya: *“Hai, pemilik tengkuk. Angkatlah tengkukmu. Kekhusyukan itu bukan terletak pada tengkuk, tetapi kekhusyukan itu berada di hati.”*

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّ الْمُرَائِي يُنَادَي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِأَرْبَعَةِ أَسْمَاءٍ: يَا مُرَائِي، يَا غَاوِي، يَا فَاجِرُ، يَا خَاسِرُ، اذْهَبْ فَخُذْ أَجْرَكَ مِمَّنْ عَمِلْتَ لَهُ فَلَا أَجْرَ لَكَ عِنْدَنَا.»

Ertinya: “Orang-orang yang riya’ akan dipanggil pada hari kiamat dengan empat panggilan iaitu; wahai orang yang riya’; wahai orang yang sesat; wahai orang yang derhaka dan wahai orang yang rugi, pergi dan ambillah pahalamu dari sesuatu yang kamu beramal untuknya! Tidak ada pahala untuk kamu di sisi Kami."[154]

---

[154] Diriwayatkan oleh Ibnu Abi al-Dunya dan sanadnya dhaif.

Qatadah ﵁ berkata: *“Jika seorang hamba melakukan riya’, maka Allah ﷻ akan berfirman; Lihatlah oleh kamu, bagaimana dia mengolok-olokKu.”*

Al-Hasan ﵁ berkata: *“Aku bercampur dengan ramai kaum. Salah seorang dari mereka memiliki kearifan (hikmah). Jika dia mengatakannya, nescaya itu akan bermanfaat baginya dan memberi manfaat kepada sahabat-sahabatnya. Akan tetapi, tidak ada yang menghalangnya untuk menampakkan kearifan tersebut kecuali kemasyhuran.”*

Hakikat Riya’

Hakikat riya’ adalah mencari kedudukan di hati orang lain melalui ibadah dan amal-amal yang baik, dan tidak ada yang berbuat riya’ kecuali enam kumpulan;

Pertama : **Riya’ dari segi badan, iaitu;**

Menampakkan kurus dan pucatnya badan agar disangkakan sebagai kesan daripada bangun malam dan puasa.

Menzahirkan kesedihan agar dikira bahawa dia sangat memerhatikan masalah-masalah agama.

Memperlihatkan kekusutan rambut agar disangka bahawa dia tenggelam dalam masalah agama sehingga tak ada kesempatan untuk mengurus dirinya sendiri.

Menampakkan bibir yang kering untuk memperlihatkannya berpuasa.

Merintihkan suara untuk menunjukkan kelemahannya kerana perjuangan yang berat.

Kedua: **Riya' dengan tingkah laku.**
Seperti; Mencukur misai, mengangguk-anggukkan kepala ketika berjalan, tenang dalam gerakan, membiarkan bekas sujud di dahi, memejamkan kedua belah mata agar dikira dia sedang berhadapan dengan Tuhan atau sedang mengalami *mukasyafah* (penyingkapan tabir) atau sedang berfikir dengan mendalam.

Ketiga : **Riya' dalam berpakaian.**
Seperti; Memakai baju dari bulu dan pakaian yang kasar serta memendekkannya hingga hampir mendekati betis.

Memendekkan lengan baju dan membiarkan baju koyak dan kotor agar disangka orang bahawa dia

tidak memiliki waktu lapang untuk mengurusnya.

Memakai baju bertampal agar dia disangka sufi, sementara dia tak memiliki hakikat kesufian.

Memakai jubah dan baju orang *'Ajam* (bangsa bukan Arab) dengan lengan baju yang longgar agar dikira bahawa dia orang alim. Melilit serban beserta kain penutup kepala.

Memakai sarung kaki agar dia dikira sebagai orang yang berkulit kotor disebabkan debu jalanan kerana sangat warak.

Ada juga yang mencari kedudukan di hati orang-orang yang baik dengan selalu memakai baju usang. Jika memakai baju baru, seolah-olah dia seperti binatang yang disembelih kerana takut apabila orang ramai akan mengatakan bahawa dia sudah tidak zuhud lagi.

Ada juga yang mencari kedudukan kepada para penguasa dan pedagang. Andai kata dia memakai baju usang, pasti mereka akan menghinanya dan jika memakai baju yang mewah, pasti mereka tidak mempercayai lagi kezuhudannya. Maka, dia mencari baju bertampal yang dicelup, sapu tangan yang tipis,

bulu kambing yang halus, sehingga jadilah pakaiannya yang dalam masalah harga dan keindahannya seperti pakaian orang-orang kaya, tetapi warna dan bentuknya seperti pakaian orang-orang soleh.

Andai kata dia dipaksa untuk memakai kain usang, maka itu baginya seperti binatang sembelihan kerana takut harga dirinya jatuh pada pandangan orang-orang kaya.

Andai kata dia dipaksa untuk memakai pakaian dari bulu, pakaian tukang jaga haiwan, dan penuai serta pakaian yang boleh dipakai yang harganya di bawah harga pakaian mereka, nescaya dia akan sangat takut darjatnya akan jatuh dalam pandangan orang-orang soleh kerana mereka akan berkata bahawa dia sudah tidak zuhud lagi.

Keempat : **Riya’ dengan kata-kata.**
Seperti riya’nya para pemberi nasihat (motivator) dan peringatan (pentazkirah) dengan mengindahkan ucapan dan menghiasinya dengan kata-kata hikmah, hadis dan perkataan ulama salaf disertai rintihan suara dan menampakkan kesedihan, padahal dia tidak memiliki hakikat kejujuran dan keikhlasan di dalam batin, hanya mengharap agar

disangka bahawa dia seperti itu.

Seperti juga pengakuan penghafal hadis, bahkan mengaku pernah berguru kepada para syeikh hadis, terburu-buru menilai hadis dengan menyatakan bahawa itu hadis sahih atau daif agar disangka dia memiliki ilmu yang banyak.

Seperti juga menggerakkan bibir dengan zikir dan perintah kepada yang baik di depan orang-orang, padahal hatinya kosong dari kesedihan terhadap perbuatan maksiat.

Seperti menampakkan kemarahan terhadap perbuatan mungkar dan rasa sesal atas perbuatan dosa, padahal hatinya tidak merasakan kepedihan kerana dosa dan mungkar itu.

Kelima : **Riya’ dengan amal perbuatan**.
Seperti lama berdiri, memperbaiki rukuk dan sujud, menundukkan kepala dan mengurangkan pergerakan anak mata ketika solat, bersedekah, puasa, melaksanakan haji, merendah ketika berjalan diiringi dengan mengendurkan kelopak mata, padahal Allah ﷻ tahu bahawa batinnya ketika sendirian, nescaya dia tidak melakukan semua itu. Bahkan, ketika sendirian, dia akan memudah-

mudahkan solat dan berjalan dengan tergesa-gesa. Akan tetapi, jika dia berasa bahawa ada yang memerhatikannya, dia kembali tenang agar dia disangka khusyuk.

Keenam : **Riya' dengan ramai ikutan**
Riya' dengan ramainya murid, kawan dan banyak menyebut nama guru agar dikira orang bahawa dia telah berguru kepada ramai *Masyayeikh*.

Seperti juga orang yang senang dikunjungi para ulama' dan penguasa agar dikatakan bahawa dia adalah orang yang dapat memberi berkat.

Justeru, inilah enam kumpulan masalah yang biasa menjadikan seseorang itu terpalit melakukan riya' dalam masalah agama. Semuanya itu haram, bahkan termasuk dosa besar.

Adapun mencari kedudukan di hati orang lain dengan perbuatan yang bukan berupa ibadah dan perbuatan agama tidaklah haram, selagi tidak ada pencampuran (antara urusan agama dan dunia), seperti telah dibincangkan dalam bab masalah mencari kedudukan.
Ahli dunia kadangkala mencari kedudukan dengan harta yang banyak, pembantu, pakaian mewah yang

baik, hafalan syair, ilmu kedoktoran, matematik, ilmu nahu serta bahasa, amal dan keadaan yang lain. Semua itu tidak diharamkan selama tidak berhujung dengan kesombongan dan pada akhlak tercela lain.

Kami menjelaskan secara terperinci bahagian-bahagian riya' ini kerana ia adalah akhlak buruk yang paling menguasai jiwa. Sebab, barang siapa yang tidak tahu kejahatan dan tempat-tempatnya, tidak mungkin dia boleh menghindarinya.

Peringkat-peringkat Riya'

Riya' terdiri daripada beberapa peringkat keburukan. Antaranya yang tidak berhubung dengan masalah keagamaan dan ibadah. Seperti orang yang memakai baju yang baik ketika keluar rumah berbeza dengan yang dia pakai ketika bersendiri. Seperti orang yang membelanjakan hartanya ketika jamuan kepada tetamu dan kepada orang kaya agar dia diyakini dermawan, bukan untuk diyakini bahawa dia orang yang warak dan soleh, maka itu tidaklah haram.

Sesungguhnya menguasai hati itu seperti menguasai harta. Betul, jika sedikit, hal itu memang bermanfaat, tetapi jika banyak, perkara tersebut akan melupakan daripada zikir kepada Allah, seperti

harta yang banyak. Manakala perhatian sudah tertuju pada perluasan kedudukan, maka hal itu menyeret pada kelalaian dan maksiat sehingga ia menjadi terlarang oleh sebab kedudukan tadi, bukan kerana hal itu sendiri.

Adapun menampakkan watak yang telah kita kemukakan untuk diyakini oleh orang lain bahawa dia orang yang beragama dan warak, maka haram hukumnya kerana dua perkara;

Pertama : Ia merupakan pemalsuan.

Ia satu pemalsuan, kerana dia ingin diyakini oleh orang lain bahawa dirinya orang yang ikhlas dan taat serta cinta kepada Allah. Maka, kerana niat ini dia menjadi fasiq yang dimurkai Allah.

Andai kata seseorang menyerahkan sejumlah wang dirham kepada sekumpulan orang agar disangka oleh mereka bahawa dia bersikap dermawan kepada mereka dengan wang tersebut, padahal itu adalah hutang yang harus dibayar, dia berdosa kerana pemalsuannya walaupun dia dengan wang tersebut tidak menginginkan diyakini sebagai orang soleh. Sebab, menguasai hati dengan kepalsuan itu haram.

Kedua : Menggunakan ibadah untuk perhatian manusia.

Jika dia bertujuan kepada makhluk Allah dengan menggunakan ibadah kepada Allah, maka itu bererti mengolok-olokkan Allah. Seperti orang yang berdiri di depan raja mengajukan bantuan, padahal tujuannya tidak demikian, tetapi untuk melihat salah seorang hamba atau salah seorang pelayan wanita milik raja.

Perhatikanlah, apa yang akan dia terima sebagai balasan kerana mengolok-olok raja. Jika dia bertujuan kepada hamba dengan menggunakan ibadah, maka dia telah berkeyakinan bahawa hamba Allah tersebut lebih mampu untuk memberinya manfaat dan memberinya mudarat daripada Allah ﷻ. Sebab, keagungan hamba yang berada dalam hatinya membawanya pada menampakkan sikap baik di depan mereka dengan menggunakan ibadah kepada Allah. Oleh itu, riya' disebut sebagai syirik terkecil. Kemudian, bertambahlah dosa kerana bertambahnya kerosakan tujuan dan niat.

Sebahagian orang-orang yang riya' hanya mencari kedudukan. Ada juga antara mereka yang mengambil kesempatan daripada barang-barang yang telah dititipkan, tersekat harta wakaf apabila

mereka diamanahkan menjaga harta-harta wakaf tersebut termasuklah harta anak-anak yatim juga digunakan secara sembunyi. Itu adalah niat yang paling buruk.

Ada juga antara mereka yang bersikap riya' untuk mendekati wanita dan kanak-kanak agar dia boleh melakukan perbuatan keji terhadap mereka atau agar wangnya menjadi lebih banyak untuk dibelikan minuman keras dan perkara-perkara yang melalaikan.

Pencetus Kepada Riya'

Inilah antara riya' yang paling besar kerana menjadikan peribadahan kepada Allah ﷻ sebagai cara untuk menentangNya. Kita berlindung kepada Allah daripada hal itu. Sebagaimana membesarnya riya' dan bertambah berat dosanya disebabkan oleh perbezaan tujuan yang memunculkannya, maka ia juga boleh menjadi besar disebabkan oleh sesuatu yang menjadi alat riya' dan oleh kekuatan tujuan riya'.

Adapun yang dijadikan alat riya' terdiri dari tiga tahap;

Pertama : **Riya' berkait keimanan.**

Inilah riya' yang paling berat apabila berlakunya riya' dengan menggunakan dasar-dasar keimanan. Seperti orang munafik yang menampakkan bahawa dirinya Muslim, padahal hatinya bukan Muslim. Juga seperti orang yang tidak percaya kepada Allah (kafir) dan orang yang berkeyakinan serba boleh (ibadah) menampakkan dirinya selalu beriman, padahal batinnya telah melepaskannya.

Kedua: **Riya' dengan dasar-dasar ibadah.**

Seperti orang yang mengerjakan solat, membayar zakat di hadapan orang, padahal Allah tahu dari dalam batinnya bahawa jika dia berada sendirian, dia tidak melakukan hal tersebut.

Ketiga: **Riya'dengan perkara-perkara sunnah.**

Inilah riya' yang paling rendah apabila seseorang tidak melakukan riya' dengan perkara-perkara yang wajib, tetapi melakukannya dengan perkara-perkara yang sunnah.

Seperti orang yang memperbanyakkan ibadah sunnah, memperbaiki cara solat yang wajib,

mengeluarkan zakat dari hartanya yang paling baik, melaksanakan solat tahajjud, atau berpuasa pada hari ‘Arafah dan 'Asyura, padahal Allah tahu dari batinnya bahawa seandainya dia berada sendirian, dia tak akan melakukannya sama sekali. Ini juga haram, meskipun hukumannya tidak sampai seberat tahap riya’ dengan asas-asas agama.

Adapun menjadi berat kerana tahap tujuan, iaitu kadangkala hanya terdapat niat riya’ sahaja sehingga melaksanakan solat tanpa bersuci untuk tujuan manusia atau berpuasa yangseandainya dia sendirian, pasti dia akan berbuka.

Riya’ Bergabung Dengan Niat Ibadah

Terdapat juga riya’ yang digabung dengan niat ibadah. **Ia memiliki tiga tahap.**

Pertama: Niat ibadah yang menjadi satu-satunya pendorong yang sekiranya dia berada sendirian, tetapi pengawasan dan kehadiran orang lain membuat bertambah semangatnya dan amal perbuatan tersebut terasa ringan kerananya. Saya berharap agar perkara tersebut tidak menghapus amal perbuatannya, tetapi ibadahnya tetap sah serta diberi pahala, tetapi dia akan mendapat pembalasan jika terdapat niat riya’ atau pahalanya dikurangkan.

Kedua: Niat ibadahnya lemah, yang sekiranya terpisah dari orang lain, pastilah dia tak mahu melakukan ibadah. Ibadah seperti ini adalah tidak benar dan tertolak. Niat yang lemah tidak akan menghilangkan kemurkaan yang besar.

Ketiga: Dua niat sama kuat, yang ditanda dengan ketidakmampuan melakukan kedua-duanya jika dia menyendiri, atau tak akan memunculkan salah satu perbuatan, bahkan kedua-duanya. Ini seolah-olah telah membuat sesuatu menjadi baik, tetapi juga merosak perkara yang sama. Secara umumnya, tidak akan selamat kedua-duanya. Mungkin sahaja dikatakan jika dua niat tersebut sama, maka salah satunya menjadi kaffarah bagi yang lain.

Firman Allah ﷻ (dalam hadis qudsi):

أَنَا أَغْنَى الْأَغْنِيَاءِ عَنِ الشِّرْكِ

Ertinya: "Aku adalah Zat yang paling tidak memerlukan sekutu."[155]

Ini menunjukkan bahawa Dia tidak menerima dan tidak pula memberi pahala. Adapun melibatkan seksaan Allah kerana hal itu, maka ada perbezaan

---

[155] Dikeluarkan oleh Imam Malik. Diriwayatkan juga oleh Muslim dan Ibn Majah dengan sanad yang sahih.

pendapat. Yang lebih kuat menurutku -adapun Yang Maha Mengetahui itu Allah- adalah dia tidak terhindar dari dosa dan balasanNya.

Riya’ Yang Nyata Dan Tersembunyi

Ketahuilah bahawa di antara riya’ itu ada yang nyata, dan ada yang tidak nyata seperti rayapan semut. Adapun yang nyata, iaitu yang memunculkan amal perbuatan hingga jika riya’ ini tidak ada, seseorang tidak akan suka melakukan amalan.

Riya’ yang tersembunyi adalah riya’ yang bukanlah merupakan satu-satunya yang mendorong untuk beramal, tetapi hanya meringankan perbuatan dan menambah semangat. Seperti orang yang melaksanakan tahajjud setiap malam, manakala ada tetamu bertambahlah semangatnya.

Ada kalanya riya’ yang tersembunyi tidak menambah semangatnya, tetapi jika orang lain menyaksikan tahajjudnya sebelum selesai atau setelahnya, dia berasa senang dan merasakan perasaan riang dalam dirinya. Maka, itu menunjukkan bahawa riya’ bersemayam di dalam batin, seperti tersembunyinya api di bawah abu hingga nampaklah kegembiraan ketika ada yang memerhatikan.

Kadangkala riya’ berikut ini sering dilupakan, dan riya’ yang tersembunyi juga adalah apabila tidak berasa senang terhadap perhatian orang. Akan tetapi, dia berharap agar orang lain memulakan salam dan menghormatinya. Dia berasa hairan kepada orang yang berbuat buruk kepadanya dan tidak berlaku baik kepadanya dalam bergaul serta tidak pula menghormatinya, itu menunjukkan bahawa dia berharap kepada manusia dengan amal perbuatannya.

Dia mengharapkan penghormatan dan pemuliaan dengan ibadahnya yang dia sembunyikan daripada mereka. Perkara-perkara seperti riya’ yang ringan-ringan ini tak dapat dihindari kecuali oleh mereka yang benar-benar jujur. Semua itu adalah dosa, dan ditakuti terhapus amalan kerananya.
Sememangnya, seseorang boleh sahaja berasa senang atas perhatian orang lain jika rasa senangnya itu lantaran Allah ﷻ telah menampakkan keindahan darinya dan menutup keburukannya, padahal dia berniat untuk menutup kedua-duanya. Sebenarnya dia berasa senang kerana kelembutan perbuatan Allah.

Dia berasa senang kerana Allah telah memberinya khabar gembira dengan memperlakukannya dengan

baik di dunia, maka demikian pula perlakuannya di akhirat.

Dia rasa senang kerana dia sedang memberi contoh kepada orang yang memerhatikannya atau membuat orang lain mentaati Allah ﷻ dengan memberi pujian untuknya atas perbuatan.

Tanda dari hal tersebut adalah bahawa dia juga rasa senang jika Allah ﷻ menampakkan kebaikan orang lain yang diharapkan keteladanannya.

Ini kerana tersembunyi dan samarnya pintu riya' serta hebatnya kekuasaan pada batin, maka orang-orang yang bertekad kuat sangat berhati-hati sehingga mereka meringankan ibadah mereka dan berusaha melawan nafsu dirinya.
Ali رضي الله عنه pernah berkata bahawa Allah akan bertanya kepada para ulamak dan penuntut ilmu: "*Bukankah kamu diberi keringanan para peniaga dalam berjual beli? Bukankah kamu telah didahului dalam ucapan salam? Bukankah keperluan kamu telah dipenuhi? Tidak ada pahala bagi kamu (dari Allah). Kamu sudah memperoleh pahala kamu (dari manusia).*"[156]

---

[156] Al-'Iraqi tidak mengeluarkan hadis ini. Al-Zabidi menyatakan di dalam *Ithaf Sadah al-Muttaqin* (hadis yang hampir sama makna); al-Baihaqi meriwayatkan daripada Abu Hurairah=

Oleh itu, bersungguh-sungguhlah jika kamu ingin bersih, maka anggaplah orang lain tiada kepentingan seperti binatang dan anak-anak kecil. Janganlah kamu membezakan dalam ibadahmu antara ada dan tiadanya mereka, dan antara tahu dan tidak tahunya mereka pada ibadah tersebut.

Cukuplah bagimu dengan pengetahuan Allah semata dan kamu mencari pahala dariNya. Sesungguhnya Dia hanya akan menerima ibadah yang murni keranaNya agar kamu tidak dihalang dari manfaatnya pada saat kamu sangat perlu padaNya.

Melepaskan Diri Dari Riya' Yang Tersembunyi

Kamu mungkin akan berkata: "Aku tidak akan mampu melepaskan riya' yang tersembunyi, seperti yang telah kamu jelaskan, meskipun aku mampu melakukannya atas riya' yang terang-terangan. Maka, apakah ibadahku akan sah jika keadaannya demikian?"

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " يَقُولُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ لِعَبْدِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: يَا ابْنَ آدَمَ أَلَمْ أَحْمِلْكَ عَلَى الْخَيْلِ وَالإِبِلِ وَأُزَوِّجْكَ النِّسَاءَ وَأَجْعَلْكَ تَرَبَّعُ وَتَرَأَّسُ ؟ فَيَقُولُ: بَلَى أَيْ رَبِّ، فَيَقُولُ: أَيْنَ شُكْرُ ذَلِكَ ؟ " .

Ketahuilah bahawa kedatangan riya’ adalah tidak tetap. Kadangkala ia datang pada permulaan amalan, kadangkala di pertengahannya, dan kadangkala ketika selesai melakukannya.

Adapun yang menyertai awal suatu amal, maka ia akan membatalkannya dan menghalang perhitungannya jika menjadi pendorong yang berpengaruh pada pelaksanaan amal. Akan tetapi, awal niatnya haruslah ikhlas kerana amal dapat dibatalkan oleh riya’ yang mendorong dasar amal.

Adapun jika tidak mengakibatkan sesuatu selain hanya bergegas pada awal waktu misalnya, maka aku menduga hanya Allahlah yang tahu bahawa asas solat itu sah, tetapi dia tidak mendapat pahala bersegera dan dia berdosa kerana riya’ dengannya. Sebab, dia bertujuan untuk solat fardu dengan bersegera tersebut.

Adapun riya’ yang muncul di tengah-tengah solat jika membatalkan niat solat, maka batallah solatnya. Hal yang serupa misalnya, muncul berbagai keinginan di tengah-tengah solat atau mengingat sesuatu yang terlupa. Andai kata dia sendirian, pastilah dia membatalkan solat. Akan tetapi, dia

tetap meneruskan solatnya kerana malu kepada orang lain. Ini tidak menggugurkan kewajipannya kerana niat sudah terputus dan terputus pulalah pendorong ibadah.

Adapun jika niatnya tidak terputus, tetapi niatnya kalah dan tidak disedari, seperti jika ada sekumpulan orang, maka rasa senang menguasai hatinya kerana perhatian mereka sehingga tenggelamlah niat ibadahnya. Maka dugaan yang umum, jika ia berlangsung hingga selesai satu rukun dan pendorong yang pertama tidak kembali lagi, solatnya rosak. Sebab, kita menyertakan niat permulaan dengan satu syarat, ia tidak muncul dengan tiba-tiba. Jika riya' mengiringi di permulaannya, pasti boleh dihalang.

Jika riya' tidak mengalahkan niat ibadah, tetapi hanya menghasilkan rasa senang dan tidak berpengaruh dalam amal, hanya berpengaruh dalam kesempurnaan solat, maka perkiraan umumnya bahawa solat tidak batal dan tunailah kewajipan.

Adapun yang datang secara tiba-tiba setelah solat selesai, dalam bentuk menyebut-nyebutnya, rasa gembira dan mempamerkannya, maka itu tidak membatalkan solat yang sudah berlalu. Tetapi, dia

telah melakukan kemaksiatan dan mendapat dosa kerananya, sedangkan balasannya sesuai dengan niat dan zahirnya. Manakala nampak pada dirinya pendorong untuk menyebut ibadah, baik dengan kata-kata yang jelas atau dengan kiasan, maka itu menunjukkan bahawa riya' yang ada dalam hatinya adalah riya' yang samar.

Ubat Penyakit Riya'

Jika kamu telah mengetahui hakikat riya' dan banyak pintu masuknya, maka kamu wajib segera mengubatinya. Ubatnya terdapat dalam penolakan terhadap penyebab yang memunculkan riya' yang terdiri dari tiga penyebab: suka pujian, takut celaan dan serakah;

Penyebab pertama : Suka pujian

Adapun suka pujian, contohnya adalah perajurit yang mara menyerang ke tengah pertempuran agar disebut sebagai pemberani atau seseorang yang memperlihatkan ibadah agar disebut warak.

Penyembuhnya adalah seperti perbahasan yang terdahulu dalam tajuk mengubati cinta kedudukan, iaitu mengetahui bahawa pujian adalah kesempurnaan yang hakikatnya tidak mampu di miliki. Sedangkan bentuk penyembuhan untuk riya'

bersifat dalaman, iaitu dengan mengakui pada dirinya mengenai kemudaratan yang bakal terkena. Sesungguhnya madu walaupun rasanya enak, jika diketahui bahawa ia mengandungi racun, maka dengan mudah ia akan ditinggalkan.

Hendaklah dia menetapkan pada dirinya bahawa akan dikatakan kepada dirinya pada hari dia menjadi miskin (pada hari kiamat) kerana riya'nya: *"Wahai pelaku dosa, wahai orang yang sesat. Kamu telah mengolok-olok Allah ﷻ Kamu takut kepada hamba-hamba-Nya. Kamu mencari cinta mereka. Kamu tukar pujian mereka dengan celaan Allah ﷻ. Kamu mencari keredaan mereka dengan murka-Nya. Adakah sesuatu yang lebih mudah bagimu selain daripada Allah ﷻ? Jika tidak ada apa-apa selain kerendahan dan rasa malu ini, pastilah cukup untuk mencegah riya'."*

Bagaimana boleh bergabung pada dirinya seksaan dan penghapusan ibadah. Inilah yang menyebabkan neraca timbangan amal buruknya akan lebih berat setelah dibandingkan dengan timbangan amal baiknya. Inilah yang akan menjadi penyebab kehancurannya.

Maka, hendaklah dia memutuskan dalam dirinya bahawa keredaan manusia adalah tujuan yang tak akan tercapai, dan siapa sahaja yang mencari keredaan manusia dengan murka Allah ﷻ, maka Allah akan membuat mereka murka kepadanya. Lalu, mengapa meninggalkan redha Allah dengan sesuatu yang kejayaannya tidak memberi kepuasan?

Penyebab kedua: Takut akan celaan manusia

Takut akan celaan manusia maka ubatnya adalah dengan mengatakan pada dirinya bahawa celaan mereka tidak merugikannya jika dia terpuji di sisi Allah ﷻ dan dirinya tidak akan melakukan sesuatu yang menyebabkan celaan dan murka Allah kerana takut akan celaan manusia.

Cukuplah baginya bahawa manusia, jika mereka tahu niat riya' yang ada dalam batinnya, nescaya mereka akan mengutuk dan Allah pun pasti akan menyingkapkan rahsianya sehingga diketahui kemunafikannya. Akibatnya, orang-orang akan mengutuk, di samping murka Allah kepadanya. Andai kata dia ikhlas, menolak mereka dengan hatinya, dan memusatkan perhatian kepada Allah ﷻ, pastilah akan tersingkap keikhlasannya dan mereka pun akan mencintainya.

Penyebab ketiga : Keserakahan
Adapun pendorong keserakahan, ia boleh ditolak dengan mengetahui bahawa perkara itu adalah perkara yang sia-sia, sementara hilangnya reda Allah ﷻ merupakan perkara yang pasti.

Ketahuilah bahawa Allah ﷻ sahajalah yang menguasai hati dan barang siapa yang berharap banyak kepada manusia, maka dia tidak akan terhindar dari kerendahan, kehinaan serta kelemahan. Sesiapa yang berpaling dari sikap banyak berharap kepada manusia, maka Allah ﷻ akan memberinya kecukupan dan menundukkan hati manusia kepadanya.

Jika ada dalam hatinya kenikmatan akhirat dan darjat yang tinggi serta mengetahui bahawa semua itu dapat terhapus kerana riya', hatinya pun akan berpaling dari manusia, perhatiannya terpusat, cahaya-cahaya keikhlasan meneranginya, dan Allah pun mengurniakan pertolongan dan taufikNya.

Menghadapi Serangan Riya'
Mungkin sahaja kamu akan berkata: "Sesungguhnya aku telah cuba menetapkan semua ini di dalam diriku dan hatiku pun juga telah terhindar dari riya', tetapi boleh sahaja riya' menyerangku secara tiba-

tiba dalam beberapa ibadah ketika diperhatikan orang lain. Lalu, apakah ubatnya ketika terjadi serangan tersebut?”

Ketahuilah bahawa dasar pengubatan ini adalah kamu mesti menyembunyikan ibadahmu, seperti kamu menyembunyikan kejahatanmu. Sebab, di dalamnya terdapat keselamatan.

Diriwayatkan bahawa ada salah seorang murid Abu Hafs al- Haddad yang mencela dunia dan ahli dunia, maka Abu Hafs berkata kepadanya: *“Kamu menampakkan sesuatu yang sewajibnya kamu sembunyikan. Kamu jangan berada di sini lagi mulai sekarang.”*
Menyembunyikan ibadah merupakan perkara yang sukar pada permulaannya. Akan tetapi, jika sudah menjadi kebiasaan, maka watak pun akan merasakan nikmatnya bermunajat kepada Allah ﷾ ketika sendirian.

Apabila terjadi serangan riya’, maka ubatnya adalah memperbaharui makrifat yang jelas dalam hatimu dengan menolak murka Allah ﷾, bersama ketidak mampuan manusia untuk memberi manfaat dan mudarat kepadamu, hingga muncullah kebencian terhadap pendorong riya’. Kemudian hawa nafsu

mendorong untuk melakukan riya' dengan memperbaiki amal perbuatan dan rasa senang dengan ibadah tersebut. Sedangkan rasa benci mendorong untuk menolak dan menjauhinya serta tangan pun akan menjadi lebih kuat.

Jika kebencian itu sudah mengakar hingga mampu menghalangmu untuk cenderung pada riya', dan kamu menyertai keadaanmu yang kamu berada padanya dan kamu tidak menambah, mengurang, tidak juga memaksa untuk memperlihatkan amal perbuatan dan mengutamakannya, maka sungguh telah terusirlah dosa dari hatimu dan kamu jangan memaksa lebih banyak lagi dari hal tersebut.

Adapun menolak lintasan hati dan watak dari kecenderungan pada penilaian manusia, maka hal ini tidak termasuk kewajipan. Sesungguhnya yang diwajibkan adalah kebencian dan penolakan untuk melaksanakan ajakan tersebut.

Keharusan Memperlihatkan Ketaatan Sebagai Teladan

Boleh sahaja memperlihatkan ketaatan untuk dijadikan teladan kepada orang lain dan untuk mendorong semangat mereka, jika niatnya benar dan tidak disertai dengan nafsu yang tersembunyi.

Tandanya, dia lebih mengharapkan sekiranya orang lain mengambil teladan dari pihak lain selain dirinya seperti dari salah seorang teman mereka dan cukup membantu semangat, dan jika diberitahu bahawa pahala beramal secara sembunyi-sembunyi sama seperti pahala dalam beramal secara terang-terangan, maka dia tidak suka untuk memperlihatkannya.

Jika kecenderungan untuk menjadi teladan lebih besar daripada orang lain, maka di situlah terdapatnya panggilan riya'. Sebab, jika dia mencari kebahagiaan melalui manusiadan pandangan mereka, maka kebahagiaan tidak dihasilkan oleh manusia dan akan lenyap bahkan yang diperolehi ialah tersingkap dirinya dengan riya'.

Dibolehkan menyembunyi perbuatan maksiat dan dosa, dengan syarat tujuannya bukan untuk ditanggapi manusia bahawa dia orang yang warak, tetapi agar tidak dianggap sebagai orang yang fasiq.

Namun, tidak mengapa untuk berasa senang kerana tertutupnya suatu kemaksiatan, sebagaimana tidak mengapa jika dia berasa sedih jika kemaksiatannya tersingkap. Dia berasa senang kerana Allah menutup kesalahannya, atau dia berasa senang

kerana pertolonganNya.

Sesungguhnya Allah ﷾ senang terhadap penyembunyian perbuatan maksiat dan melarang untuk memperlihatkannya. Atau, kerana dia tidak suka dicela sehingga rasa sakit hati kerananya. Sebab, rasa sakit hati kerana celaan manusia bukanlah perkara yang haram, tetapi ia merupakan suatu watak manusiawi.

Yang haram adalah rasa senang dengan pujian manusia kepadanya kerana masalah ibadah, kerana hal itu seperti upah yang dia peroleh dari ibadah. Ini kerana rasa malu menampakkannya. Sebab, rasa malu bukanlah riya', walaupun kadangkala bercampur dengan riya'.

Adapun meninggalkan ketaatan kerana takut riya', maka sama sekali tidak akan dibenarkan. Al-Fudhail berkata: *"Riya' adalah tidak mengerjakan amal perbuatan kerana takut riya'. Adapun beramal untuk tujuan manusia, maka itu adalah syirik."*

Akan tetapi seseorang mesti beramal dan ikhlas, kecuali jika amal yang berhubung dengan orang lain, seperti pelaksanaan hukum, kepimpinan dan memberikan nasihat. Jika dia tahu dari dirinya

sendiri bahawa setelah dia terjun ke dalamnya, dia tidak boleh menguasai dirinya, bahkan cenderung pada seruan nafsu, maka dia wajib menolak dan menjauhinya. Demikian yang dilakukan oleh sebahagian ulama' salaf.

Adapun terhadap solat dan sedekah, janganlah meninggalkan kedua-duanya, kecuali jika memang tidak ada pada dirinya ketulusan beribadah. Akan tetapi, jika sememangnya ada niat riya', maka itulah yang menyebabkan amalannya tidak sah, dia mesti meninggalkannya.

Adapun orang yang melaksanakan amal perbuatannya ketika menghadiri solat jemaah, lalu dia rasa takut dirinya akan mengalami riya', maka dia tak boleh meninggalkannya. Bahkan, dia mesti meneruskan ibadahnya dan berjuang untuk menolak penyakit riya'.

Penutup

Akhlak dan Tempat-tempat Penipuannya

Ketahuilah bahawa akhlak yang tercela itu banyak. Akan tetapi, asas serta dasarnya adalah merujuk kepada perbincangan yang telah kami kemukakan. Kamu tidak cukup membersihkan jiwa hanya dari sebahagiannya sehingga kamu membersihkan jiwamu daripada kesemuanya.

Jika kamu meninggalkan salah satu daripada akhlak yang tercela itu, ia akan menyebabkan kekalahanmu dan akan membawamu kepada akhlak tercela yang lain. Sebab, sebahagian dari akhlak yang tercela ini berkaitan dengan yang lain, dan sebahagian akhlak tercela ini menuntut kewujudan yang lain. Tidak akan ada yang selamat kecuali orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih.

Kesejahteraan yang mutlak tidak akan tercapai hanya dengan menolak sebahagian penyakit, tetapi ia hanya boleh diraih dengan kesihatan yang menyeluruh. Seperti ketampanan tidak diperolehi dengan hanya terdapat satu anggota badan yang bagus sahaja, selama seluruh bahagian yang lain belum bagus.

Jalan sejahtera dalam menjejaki akhlak yang baik dapat dilihat dari beberapa nas.

Nabi ﷺ bersabda:

«أَثْقَلُ مَا يُوْضَعُ فِي الْمِيْزَانِ خُلُقٌ حَسَنٌ.»

Ertinya: "Perkara (pahala) yang paling berat yang diletakkan dalam timbangan akhirat adalah akhlak yang baik."[157]

Nabi ﷺ bersabda:

«إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ.»

Ertinya: "Aku diutus hanyalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak."[158]

Ada yang bertanya kepada Nabi ﷺ: "Apakah agama itu?" Baginda menjawab:

«اَلْخُلُقُ الحَسَنُ.»

---

[157] Riwayat Imam Abu Daud dan al-Tirmizi, beliau menyatakan statusnya Hasan Sahih.

[158] Riwayat Imam Ahmad, Baihaqi dan al-Hakim dan beliau mensahihkannya.

Ertinya: *“Akhlak yang baik.”*[159]

Baginda ﷺ bersabda:

«حُسْنُ الْخُلُقِ خُلُقُ اللهِ الْأَعْظَمِ.»

Ertinya: “Akhlak yang baik adalah akhlak Allah Yang Agung.”[160]

Nabi ﷺ bersabda:

«أَفْضَلُ الْمُؤْمِنِيْنَ اِيْمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا.»

Ertinya: “Orang mukmin yang paling sempurna adalah yang paling bagus akhlaknya.”[161]

Ada banyak pernyataan yang menjelaskan hakikat akhlak dan juga menjelaskan batasannya. Kebanyakan perbincangan membincangkan kesan yang pelbagai, namun kebanyakannya juga tidak melakukan pemerincian.

Kamu mesti mengetahui bahawa *al-Khalqu* dan *al-*

---

[159] Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muhammad bin Nasr secara Mursal.

[160] Dikeluarkan oleh al-Tabarani di dalam *al-Awsat* daripada ‘Ammar bin Yasser dengan sanad yang dhaif.

[161] Riwayat Ibn Majah dan al-Hakim dengan lafaz yang sama.

Khuluqu merupakan dua ungkapan yang mesti kamu fahami untuk mengetahui hakikat akhlak. Yang dimaksudkan dengan *al-Khalqu* adalah gambaran zahir, sedangkan *al-Khuluqu* adalah gambaran batin.

Ini kerana manusia terdiri dari gabungan roh dan jasad, maka dengan gabungan itulah dapat difahami penglihatan zahir, seterusnya gabungan roh dan jiwa akan membuka mata hati, bukannya mata biasa. Kedua-duanya memiliki sifat, boleh menjadi buruk dan mungkin juga baik. Jiwa yang melihat dengan mata hati memiliki kekuatan yang lebih besar.

Allah ﷻ menghubungkan jiwa dengan ZatNya sendiri, dan Dia menghubungkan jasad dengan tanah. Allah ﷻ berfirman:

﴿ إِنِّي خَٰلِقُۢ بَشَرًا مِّن طِينٍ ۝ فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ۝ ﴾

Ertinya: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia (Adam) dari tanah; kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya."

Surah Sad: 71-72

Dia juga menyifatkan roh sebagai urusan ketuhanan, seperti yang Dia firmankan:

﴿ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنۡ أَمۡرِ رَبِّي ﴾

Ertinya: "Katakan wahai Muhammad: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku."

Surah al-Isra': 85

Saya maksudkan roh dan jiwa di sini dengan makna yang sama, iaitu mutiara makrifat yang diperoleh oleh manusia dengan bantuan ilham daripada Allah ﷻ, seperti yang Dia firmankan:

﴿ وَنَفۡسٖ وَمَا سَوَّىٰهَا ۝ فَأَلۡهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقۡوَىٰهَا ۝ قَدۡ أَفۡلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ۝ وَقَدۡ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ۝ ﴾

Ertinya: "Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada ketaqwaan. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya -yang sedia bersih- bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya -yang sedia bersih- itu susut dan

terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Surah al-Syams: 7-10

Keindahan tubuh jasad terbentuk dari bahagian-bahagian seperti mata, hidung, mulut dan pipi. Jasad tidak disebut bagus selagi semuanya belum bagus. Demikian juga gambaran rohani yang memiliki bahagian-bahagian yang mesti bagus semuanya hingga muncullah akhlak yang bagus, yang terdiri dari empat unsur; iaitu kekuatan ilmu, kekuatan amarah, kekuatan nafsu dan kekuatan keadilan. Kekuatan keadilan adalah yang paling dominan berbanding tiga kekuatan yang lain. Jika keempat-empat bahagian kekuatan ini sempurna, seimbang dan teratur, maka muncullah akhlak yang bagus.

Adapun kekuatan ilmu, keseimbangan dan kebaikannya akan terbentuk bila ia boleh membezakan antara benar dan dusta dalam kata-kata, juga antara hak dan batil dalam keyakinan, serta antara indah dan buruk dalam amal perbuatan. Jika kekuatan ini sudah mencapai kemampuan dalam membezakan, maka kamu telah mendapatkan hasil dari kebijaksanaan. Itulah kemuncak kemuliaan.

Allah ﷻ berfirman:

﴿ وَمَن يُؤۡتَ ٱلۡحِكۡمَةَ فَقَدۡ أُوتِيَ خَيۡرٗا كَثِيرٗاۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ۝ ﴾

Ertinya: "Dan sesiapa yang diberikan kebijaksanaan itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya."

Surah al-Baqarah: 269

Adapun kekuatan *ammarah*, kemampuan mengaturnya akan menghasilkan kesedihan dan kegembiraan berdasarkan petunjuk kebajikan dan syariat, demikian pula kekuatan nafsu.

Adapun kekuatan keadilan berada dalam kemampuan menguasai kekuatan *ammarah*. Sedangkan kekuatan nafsu berada di bawah petunjuk agama dan akal. Maka, kedudukan akal sebagai pemberi nasihat, sedangkan kekuatan keadilan adalah kemampuan dan kedudukannya sebagai pelaksana serta penanda tangan untuk petunjuk akal.

Ammarah dan nafsu jika digunakan melalui petunjuk, kedua-duanya boleh diibaratkan seperti

anjing dan kuda untuk berburu. Jika sebahagiannya baik, tetapi yang lain tidak baik, maka ia tidak akan menjadi, seperti apabila salah satu bahagian wajah tidak baik, maka tidak akan tercapai sebutan baik untuknya kecuali jika semuanya sudah baik dan menyeluruh. Jika ia sudah baik dan merata, maka akan muncul darinya semua akhlak.

Adapun kekuatan *ammarah*, maka cara mengaturnya adalah melalui sifat berani, dan Allah ﷻ menyukai keberanian. Jika ia cenderung ke arah berlebihan, ia disebut bertekad. Jika cenderung ke arah kekurangan, dinamakan pengecut.

Dari keseimbangan antara kedua-duanya akan muncul akhlak yang mulia, iaitu kepahlawanan, keberanian, sabar, teguh, menahan amarah, wibawa dan ketenangan. Berlebihannya akan menghasilkan akhlak negatif, keakuan, mewah, bangga diri, sombong dan ujub.

Sedangkan kekurangan kekuatan *ammarah* akan menghasilkan sifat pengecut, hina, rendah, remeh, tak ada kecemburuan dan lemahnya fanatisme terhadap keluarga atau suku, dan berjiwa kecil.

Adapun kekuatan nafsu, usaha penyelarasannya menghasilkan sifat *'iffah* (menjaga diri dari dosa), berlebihan pula akan menghasilkan serakah, sedangkan kekurangan dan kelemahan menghasilkan sikap pasif. Dari sifat *'iffah* akan menghasilkan sifat dermawan, malu, sabar, lapang dada, rasa mencukupi, warak, suka menolong, jujur dan ketamakan yang sangat kecil.

Namun dari ketidakmampuan penyelarasan kekuatan nafsu, bakal memunculkan angan-angan, serakah, muka tebal, membuang nikmat, marah, riya', hilang rasa malu, kasar, suka mencari pengaruh, dengki, suka mencela, merendah di hadapan orang-orang kaya, meremehkan orang-orang kecil dan lain-lain lagi.

Adapun kekuatan akal, dari penyelarasannya akan menghasilkan kemampuan pertimbangan yang baik, fikiran yang sihat, fikiran yang cerdas, perkiraan yang tepat dan kemampuan mendalami sudut-sudut terkecil dari amal perbuatan dan penyakit jiwa yang tersembunyi.

Akal yang berlebihan pula akan menghasilkan kejahatan, kelicikan, tipu daya dan penipuan. Akal yang kurang dan lemah akan menghasilkan

kepandiran, kebodohan, kurang pengalaman, kebebalan dan keterpedayaan.

Ini semua adalah ikatan akhlak. Makna akhlak yang baik secara keseluruhan adalah pertengahan antara berlebihan dan kekurangan kerana perkara yang terbaik adalah yang pertengahan. Sedangkan kedua-dua sisinya bererti perkara yang tercela.

Allah ﷻ berfirman:

﴿وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ ٱلْبَسْطِ﴾

Ertinya: "Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula Engkau menghamperkannya dengan seluas-luasnya,"

Surah al-Isra': 29

Allah ﷻ berfirman:

﴿ وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُوا۟ لَمْ يُسْرِفُوا۟ وَلَمْ يَقْتُرُوا۟ وَكَانَ بَيْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا ۝ ﴾

Ertinya: "Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."

Surah al-Furqan: 67

Allah ﷻ berfirman:

﴿ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلۡكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيۡنَهُمۡۖ ﴾

Ertinya: "Dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam)."

Surah al-Fath: 29

Tatkala seseorang menyimpang dari kesimpulan ini kemudian menuju kepada sifat berlebihan dan berkurangan, maka setelah itu dia tidak akan boleh menyempurnakan akhlak yang mulia.

Cara Memperbaiki Akhlak Dengan Mujahadah Dan Latihan.

Cara untuk memperbaiki semua akhlak ini adalah dengan jalan mujahadah dan latihan. Makna mujahadah adalah memaksa sifat yang berlebihan dan berkuasa agar melawan tuntutannya dengan cara melaksanakan perbuatan yang berlawanan dengan yang diminta.

Jika sifat kedekut menguasai, maka kamu harus selalu memaksa sifat dermawan dengan kuat, dan kamu melatihnya setiap waktu hingga kamu dengan

mudah menderma pada waktunya.

Jika sifat boros pula menguasai, maka kamu mesti terus-menerus memaksa kemampuan berhemat sehingga ia menjadi kebiasaan dan kamu dengan mudah berhemat pada saat ia diperlukan.

Demikian pula akhlak sombong dan yang lain. Kami telah mengungkapkannya pada bab Latihan Kejiwaan dalam kitab *al-Ihya'* secara terperinci. Kamu juga mesti tahu bahawa orang yang menderma dengan dipaksa, bukanlah orang yang dermawan. Juga orang yang bersikap tawadhu' dengan dipaksa, maka dia rasa berat pada dirinya dan dia sendiri tidak memiliki akhlak tawadhu'.

Akan tetapi, akhlak merupakan satu ungkapan tentang keadaan jiwa yang melahirkan perbuatan dengan rela tanpa difikirkan dan dipaksa. Namun, pemaksaan adalah salah satu cara untuk menghasilkan akhlak. Sebab, seseorang pada awalnya akan selalu melakukan pemaksaan sampai hal itu menjadi watak dan kebiasaan.

Dari sini, dapat difahami bahawa orang yang kedekut kadangkala menderma juga, dan orang yang dermawan kadangkala juga menahan

hartanya. Kamu jangan melihat pada perbuatannya, tetapi lihatlah cara yang sudah sering melahirkan tindakan-tindakan dengan mudah tanpa dipaksa.

Namun ketahuilah bahawa perbezaan tahap manusia dalam kebaikan batinnya, seperti tahap perbezaan keindahan jasmani, dan tidak akan dimiliki kebaikan secara mutlak kecuali sedikit sekali. Itu hanya diberikan kepada Rasulullah ﷺ hingga Allah ﷻ memuji baginda:

﴿ وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۝ ﴾

Ertinya: "Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung."

Surah al-Qalam: 4

Kejayaan berakhlak tidaklah bergantung pada kesempurnaan yang betul-betul sempurna, tetapi bergantung pada kecenderungan yang lebih besar kepada akhlak yang baik.

Sesungguhnya akhlak buruk secara mutlak pada jasmani adalah tidak disukai. Sebaliknya, akhlak bagus secara mutlak adalah disukai, dan antara kedua-duanya terdapat pelbagai peringkat. Yang mendekati baik secara mutlak lebih berbahagia di dunia daripada yang lebih dekat pada buruk.

Demikian pula kebahagiaan akhirat bertahap-tahap, tergantung tahap kebaikan gambaran batin.

Perasan Diri Berakhlak Baik?

Ketahuilah bahawa kadangkala kamu menduga dirimu berakhlak baik, padahal kamu tidak memiliki akhlak tersebut. Janganlah kamu sampai tertipu. Sewajarnya yang memberi penilaian adalah orang lain. Kamu wajar bertanya kepada seorang teman yang jujur dan arif, yang jawapannya bukan hanya untuk menyenangkanmu.

Ringkasnya, jika ada orang lain yang menyebutmu berakhlak buruk, maka boleh jadi keadaanmu memang begitu. Sebab, kebanyakan akhlak berkaitan dengan orang lain, maka kamu perlu menzahirkan akhlak baik atau buruk kepada mereka.

Di antara tempat yang kamu sering tertipu dalam masalah akhlak ini ialah:

Kamu marah, kemudian kamu menyangka bahawa kamu marah kerana Allah ﷻ.

Kamu memperlihatkan ibadah dan kamu menduga bahawa kamu memperlihatkannya agar dijadikan

teladan.

Kamu menahan diri dari makan, atau mencari keduniaan, atau kamu menahan *ammarah*.

Hal itu mudah bagimu untuk mengenalinya, maka riya'lah yang mendorong semuanya. Demikian pula tempat-tempat penipuan yang banyak jumlahnya dalam masalah ini, yang telah kami kemukakan dalam perbicaraan bab *al-Ghurur*. Sesungguhnya buku ini tidak dapat memuatkan semuanya.

Menghilangkan Akhlak Tercela Dalam Hati

Kamu mesti mencari akhlak ini dalam hatimu. Mulakanlah dengan yang paling penting, kemudian dengan yang kurang penting dan seterusnya. Perhatikanlah sifat yang paling menonjol, kemudian hancurkanlah secara bertahap.

Sangkaanku bahawa yang lebih menonjol pada dirimu adalah cinta dunia, sejumlah perbuatan maksiat dan akhlak-akhlak tercela yang kamu turuti. Kamu tidak mungkin bersih dari cinta dunia kecuali dengan mencari tempat untuk menyendiri yang sunyi dan memikirkan penyebab mengapa kamu menerima dunia dan menolak akhirat. Nescaya kamu akan menemui penyebabnya adalah

kebodohan dan kelalaian.

Sesungguhnya paling panjang usiamu di dunia adalah seratus tahun. Anggaplah bahawa kerajaan di muka bumi tunduk kepadamu, mula dari timur hingga ke barat, selama seratus tahun. Tidakkah dengan kerajaan dunia itu kamu akan kehilangan kerajaan akhirat yang tidak ada waktu akhirnya?

Meskipun jika terdapat suatu waktu yang panjang hingga tidak boleh masuk ke dalam khayalanmu, maka anggaplah dunia ini seluruhnya dipenuhi dengan jagung, lalu terdapat seekor burung dalam setiap sejuta tahun mengambil sebiji jagung, maka jagung itu akan habis juga dimakan, oleh sebab akhirat tidak ada waktu akhirnya, bukankah ia tidak akan mengurangkan sedikit pun masa yang kekal itu? Sebab, yang tertinggal juga tidak ada akhirnya, seperti yang sebelumnya.

Kamu lihat dirimu rela dengan keletihan perjalanan hidup, sama ada disebabkan berniaga mahupun mengejar jawatan pemimpin. Keletihan yang menggigit ini hanyalah untuk kepentingan sesuatu yang samar akhiratnya, yang boleh jadi kamu dijemput oleh kematian terlebih dahulu, mungkin juga bukan sebenar-benar untukmu ketika kamu

memperolehinya.

Adapun dengan keletihan perjalanan hidup yang panjang menyebabkan kamu reda dan menganggap kelelahan itu suatu yang remeh meskipun selama satu tahun misalnya. Meskipun jumlah usiamu lebih daripada seabad. Bahkan jika tak ada tambahan antara kedua-duanya. Maka, fikirkanlah tindakan kamu yang akan menyingkap kebodohanmu dalam pengibadatan.

Mungkin kamu akan berkata: "Sesungguhnya aku melakukan perkara tersebut kerana berharap keampunan kerana Allah ﷻ Maha Pengasih lagi Maha Penyayang." Aku akan bertanya: "Mengapa kamu tidak meninggalkan pertanian, perdagangan dan mencari harta dengan mengharapkan ditemuinya harta-harta yang terpendam pada sebuah runtuhan? Bukankah Allah Maha Mulia yang tidak akan berkurang sedikit pun kekuasaanNya sekiranya Dia memberitahu sebuah perbendaharaan dari perbendaharaan-perbendaharaanNya pada saat tidurmu, lalu kamu mengambilnya?"

Jika kamu mengatakan bahawa itu hal yang jarang berlaku walaupun termasuk dalam kekuasaan Allah ﷻ, maka aku akan mengatakan: "Ketahuilah

bahawa mengharap keampunan bersama dengan merosakkan amal dan akhlak, sama seperti mengharapkan harta simpanan di celah runtuhan, bahkan lebih jauh darinya dan jarang sekali terjadi.”

Sesungguhnya Allah ﷻ telah memberimu peringatan dalam firmanNya:

﴿ وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ۝ ﴾

Ertinya: “Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.”

Surah an-Najm: 39

Allah ﷻ berfirman:

﴿ أَمْ نَجْعَلُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَٱلْمُفْسِدِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ﴾

Ertinya: “Patutkah Kami jadikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh itu sama seperti orang-orang yang melakukan kerosakan di muka bumi?”

Surah Sad: 28

Allah ﷻ juga membuatmu benci untuk mencari harta, Dia berfirman:

﴿ وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِي ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزۡقُهَا ﴾

Ertinya: "Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya."

Surah Hud: 6

Maka, mengapa kamu boleh mendustai kemuliaanNya di dunia dan kamu tidak bertawakkal kepadaNya, kemudian kamu menipu dirimu sendiri dengan kemuliaan di negeri akhirat, padahal kamu tahu bahawa tuhan dunia dan akhirat adalah satu?

Orang Yang Memiliki Mata Hati

Kamu akan berkata: "Akhir urusan dunia telah tersingkap untukku dengan jelas dan hatiku pun tenang terhadapnya. Sedangkan masalah akhirat, maka aku belum menyaksikannya, dan aku tidak menemui pembenaran yang sejati dalam hatiku. Oleh kerana itu, semangatku untuk meninggalkan dunia menjadi semakin lemah, sebab akhirat dijanjikan dengan kekaburan dan aku tidaklah yakin dengannya."

Saya menjawab: Jika kamu termasuk orang yang memiliki mata hati, pastilah tersingkap untukmu urusan akhirat dengan jelas, seperti tersingkapnya

urusan dunia. Jika kamu tidak termasuk yang mampu menyingkapnya, sepatutnya kamu dapat berfikir menyingkapinya dari perkataan orang-orang yang memiliki mata hati. Sebab, manusia dalam masalah akhirat terdiri dari empat golongan.

Satu golongan meyakini syurga dan neraka, seperti tersebut di dalam Al-Quran. Telah terdengar berbagai jenis nikmatnya syurga dan malapetaka nerakanya.

Satu golongan lagi tidak meyakini kenikmatan dan kepedihan pancaindera, tetapi mereka meyakininya sebagai khayalan, seperti ketika tidur. Hinggakan setiap orang akan berada dalam syurga atau neraka berdasarkan pandangannya sendiri. Mereka juga menyangka bahawa keadaan suatu khayalan sama seperti keadaan yang sebenarnya. Kerana anggapan mereka, kepedihan orang yang sedang tidur sama dengan kepedihan ketika sedang jaga. Dia akan terbebas dari rasa pedih itu dengan terjaga, sedangkan hakikat kepedihan di akhirat akan terjadi terus-menerus tanpa henti.

Golongan ketiga meyakini kepedihan dan kelazatan secara akal. Mereka yakin bahawa hal itu lebih hebat daripada sekadar merasai kesakitan badan.

Mereka mengumpamakannya dengan merasai kelazatan kekuasaan dan merasai pedih kehancurannya. Sesungguhnya hancurnya kekuasaan menimbulkan kepedihan yang banyak dan bukan sekadar bersifat jasmaniah atas yang diraih oleh musuhnya yang merebut kekuasaannya lalu menghinanya, padahal kemenangan musuh tersebut tidak menyakiti badan. Mereka ini adalah golongan pemikir, maksud saya golongan ketiga ini, iaitu para nabi, para wali dan ahli-ahli hikmah. Golongan terbaik ini bersepakat di atas adanya kebahagiaan abadi dan kesengsaraan abadi. Sebab, kebahagiaan tidak akan tercapai kecuali dengan meninggalkan dunia dan menghadap Allah ﷻ. Andai kata kamu sakit dan kamu tidak termasuk yang memiliki pengetahuan tentang kedoktoran, lalu kamu melihat para doktor yang sudah terkenal kehebatannya telah bersepakat atas sesuatu, nescaya kamu tidak akan ragu-ragu untuk mengikut mereka.

Golongan keempat bukanlah dari kalangan orang-orang pandai dalam masalah ketuhanan, melainkan dari kalangan para doktor dan peramal yang membatasi pandangan mereka pada empat watak dan percampurannya. Mereka melihat tiang roh ditegakkan di atasnya, dan mereka tidak mendalami

hakikat roh yang hakiki, yang mengenal Allah ﷻ. Bahkan, mereka tidak tahu kecuali roh jasmani yang merupakan wap yang dimatangkan oleh panasnya hati, kemudian beredar ke urat- urat yang berdenyut ke seluruh anggota badan. Maka, muncullah rasa dan gerak. Itulah roh yang juga terdapat pada binatang.

Adapun roh yang khusus adalah yang dimiliki manusia dan dikaitkan kepada Allah ﷻ, seperti firmanNya:

﴿ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى ﴾

Ertinya: "Serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku."

Surah Al-Hijr: 29

Akan tetapi, mereka tidak mendalaminya sehingga mereka menduga bahawa kematian tidak ada dan ia hanyalah kembali kepada kerosakan tubuh. Sedangkan kedudukanmu dalam kebenaran mereka antara dua perkara: apakah kamu menganggap mereka salah, atau kamu tahu dengan pasti bahawa perkataan mereka benar? Jika kamu meyakini kesalahan mereka, maka kamu harus menolak dunia kerana ia hanya kemungkinan.

Sebab, jika kamu benar-benar lapar dan kamu memperolehi makanan, lalu kamu ingin memakannya, tiba-tiba ada seorang anak kecil memberitahu kepadamu bahawa di dalam makanan tersebut ada racun dan ular telah menjilatnya, tentu kamu akan melawan rasa lapar itu dan kamu tidak akan menyentuh makanan. Kamu akan berkata: “Jika dia dusta, maka yang hilang dariku hanyalah kenikmatan makan. Akan tetapi, jika dia (berkata) benar, maka itu akan membinasakan (jika aku memakannya).”

Dengan contoh kemungkinan beracun atau tidaknya makanan tadi tidak memberi jaminan bahawa pemberi amaran itu tidak diserang. Sekalipun dia hanya menyampaikan jangkaannya mengenai keabadian seseorang di dalam neraka, bagaimana mungkin jika orang tersebut berakal berani untuk menyerangnya. Sewajarnya dia menjadi seperti orang yang yakin sempurna, seperti seorang penyair yang mengingatkan dengan ucapan;
“Ahli nujum dan doktor sama-sama mengatakan,
orang-orang yang meninggal tak akan dikumpulkan.
Aku katakan kepada mereka,
Jika kata-kata kamu berdua benar, aku tidak rugi.
Jika kata-kataku benar, maka kamu berdualah yang rugi.”

Apabila kamu berkata:[162] “Sesungguhnya aku tahu tindakanku membenarkan ahli nujum dan doktor. Sebab, kematian itu tidak ada dan sebenarnya tidak ada balasan, tidak pula ada pahala. Bahkan sebenarnya para Nabi dan wali adalah orang-orang yang tertipu atau orang-orang yang dirasuk. Bahkan sebenarnya orang yang telah membuka hakikat kebenaran adalah doktor yang bodoh ini. Aku yakin bahawa aku tahu perkara itu, seperti aku tahu bahawa dua lebih banyak daripada satu sehingga tidak ada keraguan yang dapat membuatku ragu.”

Pernyataan ini menunjukkan terdapatnya kerosakan watak dan kelemahan fikiran serta betapa sukarnya untukdisembuhkan. Akan tetapi, bersamaan dengan ini, ada kata-kata untukmu: “Jika kamu mencari ketenangan di dunia, maka akal akan menentangmu juga untuk berjuang menghancurkan nafsu.”

Sesungguhnya ketenangan berada dalam kebebasan, dan pembebasan berada dalam menghancuran nafsu, bukan dalam mengikutnya. Sebab, jika ia menguasai jiwa, maka itu adalah kepedihan yang sempurna yang membawa jiwa

[162] Imam al-Ghazali mengandaikan di hadapan beliau adalah golongan yang menolak kewujudan hari akhirat, maka beliau cuba untuk memberikan keyakinan semula dengan sebaiknya.

untuk menanggung semua kehinaan dan kesengsaraan. Tidak ada orang yang beristirehat di dunia kecuali orang yang meninggalkan nafsu dan zuhud di dunia. Sedangkan orang yang mencarinya, maka dia akan selalu dalam kesusahan disebabkan olehnya.

Golongan athies juga jika mereka berfikir sedikit, akan turut meninggalkan dunia kerana banyaknya kesukaran dan cepatnya kebinasaan serta kehinaan orang-orang yang ikut bersamanya. Jika dalam masalah akhirat kamu tidak berdasarkan perkiraan dan tidak pula berasal dari penyaksian penyakit-penyakit dunia dengan yakin, maka kamu termasuk orang-orang bodoh yang tertipu. Kamu pasti akan tahu peringatanNya setelah beberapa waktu nanti. Allah ﷻ berfirman:

﴿ ذَرۡهُمۡ يَأۡكُلُواْ وَيَتَمَتَّعُواْ وَيُلۡهِهِمُ ٱلۡأَمَلُۖ فَسَوۡفَ يَعۡلَمُونَ ﴾

Ertinya: *“Biarkanlah mereka makan dan bersenang-lenang dengan kemewahan dunia dan dilalaikan oleh angan-angan (daripada bertaubat dan insaf); kemudian mereka akan mengetahui kelak (bencana perbuatan mereka).”*

Surah al-Hijr: 3

Rujukan

Al-Quran al-Karim

‘Ali Jum’ah, Dr. (2001), *al-Makayil wa al-Mawazin al-Syar’iyyah*, c. 2, Kaherah: al-Quds.

Barkati, Muhammad ‘Umaym al-Ihsan al-Mujaddidi al-Sayyid al-Mufti, al (2003), *al-Ta’rifat al-Fiqhiyyah,* c.1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al- (2011), *Ihya’ Ulum al-Din*, c.1, 10 j., Jeddah: Dar al-Minhaj.

Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al- (2003), *al-Arba’in fi Usul al-Din,* tahqiq Abdullah Abdul Hamid al-‘Urwani dan Dr. Muhammad Bashir al-Shaqafah, c.1, Dimashq: Dar al-Qalam.

Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-, (2012), *10 Asas Aqidah: Sebahagian daripada Kitab 40 Asas dalam Agama*, Terjemahan Mohd Juzaili Juhan dan Azhar Yahya, c. 1, Selangor: Jabatan Mufti Selangor.

Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-, (2013), *10 Asas Ibadah Sebahagian daripada Kitab 40 Asas dalam Agama*, Terjemahan Mohd Juzaili Juhan dan Azhar Yahya, c. 1, Selangor: Jabatan Mufti Selangor.

Hamawi, Yaqut bin Abdullah al- (t.t.), *Mu'jam al-Buldan*, tahqiq Farid Abdul Aziz al-Jundi, 7 j., Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Hajah Noresah Baharom, et. els (2005), *Kamus Dewan, Edisi 4*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanafi Haji Dolah, Abu Abdullah, Dr. (2013), *Qamus al-Khalil*, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah Al-Khalil.

Jurjani, Ali bin Muhammad al-Sayyid al-Syarif, al- (2004), *Mu'jam al-Ta'rifat*, tahqiq Muhammad Siddiq al-Minshawi, Kaherah: Dar al-Fadhilah.

Kharraz, Khalid bin Jum'ah bin 'Uthman, al- (2009), *Mausu'ah al-Akhlaq*, c.1, Kuwait, Maktabah Ahl al-Athar

Mahmud Abdul Rahman Abdul Mun'im, Dr. (2004), *Mu'jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah*, 3. J., Kaherah: Dar al-Fadhilah.

Midani, Abd al-Rahman Hasan Habanakah, al- (1999), *al-Akhlak al-Islamiyyah*, c. 5, 2 j., Dimashq: Dar al-Qalam

Rafiq al-'Ajam, Dr. (1999), *Mausu'ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* c.1, Beirut: Maktabah Lubnan.

Zabidi, Murtadha, al- (1994), *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin,*c. 1, Beirut: Muassasah al-Tarikh al-'Arabi.